



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):

■ **Wabak Denggi – Pendekatan Menangani dan Langkah Pencegahan**

- *Y.B. Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak)*

(Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

■ **Wabak Denggi – Pendekatan Menangani dan Langkah Pencegahan**

- *Y.B. Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak)*

(Halaman 66)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004

(Halaman 2)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 40)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJS., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) – UMNO

12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS

20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP

61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ **Datuk** Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO

87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO

-
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
 102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
 103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
 104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
 105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
 106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
 107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
 108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
 110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
 111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
 112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
 114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
 115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
 116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
 117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
 118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
 119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
 120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
 123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
 124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
 125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS**UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Cik Lee Jing Jing

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 18 Januari 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**WABAK DENGGI – PENDEKATAN MENANGANI DAN
LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN**

10.04 pagi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan mesyuarat ini ditangguhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) bagi membolehkan Dewan ini merundingkan isu wabak denggi yang semakin serius di beberapa buah negeri di Malaysia, terutama di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Pahang.

Pada masa ini, kejadian kes dilaporkan lebih dari 1,000 kes satu minggu iaitu satu kenaikan kes yang begitu ketara. Ini adalah satu keadaan yang kritikal dan mengancam nyawa rakyat Malaysia, terutama di kawasan-kawasan di mana terjadinya wabak. Wabak ini bukan sahaja menyebabkan terjadinya kematian, kesakitan kepada penghidap tetapi juga menyebabkan kerugian pendapatan kepada pesakit serta membebankan ekonomi negara.

Perkara ini adalah tertentu kerana ia adalah wabak penyakit yang boleh menyebabkan kematian kepada semua golongan umur, selain dari menyebabkan kemasukan dan perawatan di hospital. Oleh kerana penyakit ini boleh dijangkitkan oleh vektor iaitu nyamuk Aedes, ramai ahli keluarga serta masyarakat yang tinggal di kawasan wabak diserang oleh penyakit denggi ini.

Perkara ini ternyata berkepentingan ramai kerana bilangan kejadian kes yang begitu ketara kepada lebih dari 1,000 kes setiap minggu. Selain dari itu, kejadian wabak ini adalah serius di Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan juga Pahang. Sekiranya tidak dibendung, akan terus merebak ke seluruh negara.

Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menuntut kita segera mengambil langkah-langkah pencegahan dan perubahan pendekatan agar wabak ini dapat dikurangkan dan seterusnya diberhentikan. Ia turut menuntut tanggungjawab yang lebih tinggi serta tindakan yang berkesan dan bersesuaian dari semua kementerian, agensi kerajaan mahupun orang ramai. Dengan demikian, saya percaya hujah-hujah di atas memenuhi kriteria yang menunjukkan usul ini penting untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Gombak telah saya terima pada 17 Januari 2005 ini. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendakkan disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) Perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (b) Perkara ini adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (c) Perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempokkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu, pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari kawasan Kinabatangan dijemput menyambung ucapan.

10.09 pagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah, hari ini nampak jelas terbayang bagaimana maklum balas ataupun respons daripada rakyat di seluruh berhubung dengan langkah kerajaan untuk mengambil alih pengendalian air di seluruh negara. Rata-rata rakyat memang bersetuju menyokong hasrat dan langkah kerajaan, sebab selama ini rakyat menghadapi masalah di seluruh pelosok sama ada di kota raya, di bandar raya, di daerah-daerah dan juga di kampung-kampung.

Langkah ini merupakan satu langkah yang bijak. Walau bagaimanapun, bagi memenuhi untuk kita meyakinkan rakyat, saya mempunyai beberapa cadangan yang saya perlu dipertimbangkan supaya rakyat tidak gundah-gulana, rakyat tidak berasa bimbang dan tidak berasa trauma seperti yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain terma-terma yang mungkin perlu dimasukkan ataupun dimuatkan sebagai salah satu syarat untuk diberikan kepada operator-operator air ini iaitu:

- (i) membenarkan kerajaan mengaudit syarikat-syarikat mereka;
- (ii) pemegang lesen konsesi air ini tidak boleh terlibat dalam kontrak pembangunan dan ini bermakna mereka hendaklah membuat tender secara terbuka dan mereka tidak dibenarkan sama sekali untuk memiliki *subsidiary company* ataupun anak-anak syarikat ataupun mereka tidak dibenarkan mempunyai *proxy* ataupun perwakilan mewakili mereka.

Sebab, kalau ini berlaku maka di sinilah tercetusnya satu masalah, dilema yang akan dihadapi oleh rakyat dan juga kerajaan. Kita harus sedar bahawa langkah yang bijak ini kalau tidak diterjemahkan secara bijak, kita akan menghadapi rakyat dalam pilihan raya masa akan datang. Jangan pepatah Melayu menyatakan "*Senjata makan tuan*". Senjata yang ada ini hendaklah kita gunakan untuk kepentingan kita, rakyat dan juga pembangkang dan kalau ini ada.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sri Gading. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Kinabatangan. Hebat Kinabatangan! Cadangan-cadangan

yang saya baru dengar ini pun, memang cadangan-cadangan yang baik. Tetapi, apa jaminan? Apa jaminan syarikat induk ini tidak akan membuat anak-anak syarikat, membuat kerja-kerja yang lain? Dia gunakan nama kroni dia.

Dia gunakan nama-nama yang lain, yang tidak ada kaitan dengan dia tetapi sebenarnya dia ada kepentingan seratus peratus. Kita tahu kebanyakan syarikat-syarikat besar monopoli semua kerja daripada atas sampai ke bawah. Dari sebesar-besarnya sampai sekecil-kecilnya, menafikan hak-hak orang lain. Apa jaminan? Siapa yang hendak buat pemantauan ini? Ini yang kita kadang-kadang ragu dan bimbang. Sila, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jaminan memang mungkin payah untuk diperjelaskan. Saya percaya, menteri yang bertanggungjawab ada jaminan dia. Sebab, antara terma-terma ini, kalau boleh kita perketatkan. Sekiranya didapati, maka lesen operasi mereka boleh dibatalkan serta-merta. Ini rasa saya, salah satu yang boleh meyakinkan masyarakat dan rakyat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Wah, banyak lampu ini, boleh bagi. Sila Seputeh.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [Bangun berucap]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh. [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya, perbincangan kita hari ini adalah pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih kuasa bekalan air daripada kerajaan negeri. Tetapi, ucapan Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini nampaknya telah menyokong penswastan, yang mana mungkin ini juga bercanggah dengan sesetengah Ahli Yang Berhormat, malah Barisan Nasional di Dewan Rakyat ini.

Jadi, soalan saya adalah kenapakah operator air ini mestilah terdiri daripada kalangan pihak swasta? Kenapakah pihak kerajaan sendiri tidak boleh memegang saham yang paling besar dalam entiti syarikat bekalan air yang akan datang ini? Jadi, supaya yang entiti ini dalam kawalan kerajaan. Jadi, ini adalah lebih senang bagi kerajaan untuk mengawal dari segi harga dan juga kualiti air. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Sebetulnya Yang Berhormat, kita berdua ini masih samar-samar. Saya percaya dalam penggulangan nanti, menteri yang bertanggungjawab akan memberi penjelasan yang terperinci. Walau bagaimanapun, sedikit pengetahuan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Seputeh, pada hari ini pun masih ada *existing* ataupun kontraktor yang masih melaksanakan, mempunyai lesen operasi air ini. Jadi, terma-terma perjanjian ini tidak boleh dibatalkan oleh kerajaan serta-merta. Tetapi, kita tunggu penjelasan menteri. Kalau saya menteri, saya boleh jawab, sekarang juga. Tetapi, saya bukan menteri, saya penyokong kepada kerajaan. Ada menteri dia. Tunggu saya jadi menteri, saya jawab nanti. [Ketawa]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sila Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang yang saya faham perdebatan ini ialah dengan terpindanya Perlembagaan ini, akan tertubuhnya sebuah suruhanjaya. Suruhanjaya ini sebenarnya tidak menjadi pemegang konsesi. Suruhanjaya ini hanyalah menjadi pengawal selia atau *regulatory body* yang akan memastikan bahawa tidak ada orang yang akan *take advantage* daripada program industri air ini.

Soal siapa yang akan dapat kita belum tahu, cuma kita berbincang dengan hebat dan saya cukup kagum dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan rakan-rakan tentang kebimbangan kita. *Our fear*, bukan *our, the people's fear*, bukan sahaja *the people's fear, the whole nation's fear*, itu dia. Suatu

hari, dengan izin minta maaf, bahawa sejarah lama akan berulang - sejarah tol, sejarah Bernas, sejarah, sejarah, sejarah dan sejarah, saya tidak mahu sebutkan lagi di sini.

Jadi yang kita hendak dengar ialah jaminan dan kita sudah tahu bahawa tidak ada jaminan sebab belum tahu. Jadi kita melahirkan *fear* ini kerana kita mahu sebagaimana kehendak Allah SWT yang telah memberikan air ini secara percuma, [*Membacakan sepotong ayat Al-Quran*], saya terjemah Dato' ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tidak, saya hendak tanya dia setuju atau pun tidak, jadi kena panjang sebab isu air ini dia berpanjangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalnya?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Soalnya ialah Allah kata dia beri air ini diturunkan dari langit untuk menyuburkan tanaman, untuk membiakkan binatang dan diberikan secara percuma untuk membahagiakan manusia. Ertinya *they make*, dengan izin, *water readily available*. Sekarang air sudah jadi bahan perniagaan, manusia sudah mengambil untung yang banyak daripada air ini. Apakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan bersetuju bahawa ini sebenarnya yang kita takut dan ini yang kita mahu kerajaan perhatikan, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya memang terlalu dan teramat setuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sebab dari kelmarin semua kita fokuskan kebimbangan, bukan kita bimbang tetapi seluruh rakyat bimbang. Langkah yang bijak, awal-awal mukadimah saya tadi, langkah yang bijak tetapi pelaksanaannya tidak betul akan memakan diri kita sendiri. Justeru itu saya memang kagum dengan Yang Berhormat bagi Ketereh ini, dia boleh berhujah, boleh mengupas ayat-ayat Al-Quran, bukan PAS sahaja yang boleh berbuat sebegini tetapi Barisan Nasional pun boleh. Kita ada wakil-wakil yang boleh berhujah dengan begitu bijaksana dan memang kebimbangan Yang Berhormat merupakan kebimbangan semua orang. Walaupun mungkin tidak ada jaminan yang nyata tetapi pada saya sekurang-kurangnya rakyat ada harapan. Kalaupun dia ada jaminan dan kalau masih ada harapan, ada kita tunggu.

Jadi langkah ini pada saya, terma-terma yang disebutkan tadi hendaklah ditimbang oleh kerajaan dan dalam masa yang sama kita juga hendak meninjau bagaimana SPAN ini bertindak. Saya juga dimaklumkan ada lagi jawatankuasa akan kita putuskan di Parlimen akan datang, iaitu satu jawatankuasa ataupun perbadanan yang memegang lesen air ini, kita tidak tahu apa nama dia lagi, Menteri belum maklumkan kepada kita. Jadi kita mahu, saya bersetuju dengan wakil-wakil rakyat dan rakan-rakan yang lain kelmarin berkata bahawa bukan sahaja perlantikan ahli lembaga ini terdiri daripada orang-orang korporat tetapi hendaklah juga terdiri daripada wakil-wakil rakyat yang mempunyai latar belakang dalam bidang air seperti Yang Berhormat bagi Ketereh. Dia mempunyai syarikat dalam perbadanan air.....[*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya!

Seorang ahli: [*Menyampuk*] [*Ketawa*] *Public interest, public interest!*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak! Jadi bidang-bidang sebegini.....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *Public interest, public interest!*

Datuk Bung Moktar bin Radin:harus diberi keutamaan. [*Dewan riuh seketika dan gamat dengan sorakan dari Ahli-ahli Parlimen*] Yang Berhormat bagi Ledang pun begitu, jangan terus kerajaan fokus. Ah! Tokoh korporat dari US kah, dari mana, baru sampai, baru duduk dalam negara kita baru satu minggu, sudah pegang jawatan, CEO pula itu. Dia tidak tahu apa, bagaimana negara ini kita bina, bagaimana kita berhadapan dengan rakyat. Jadi ini harus diambil kira sebab langkah ini adalah keputusan kita bersama, konsensus. Kalau kita silap semua, ranaplah semua tetapi kalau kita selesai secara bersama, saya percaya masalah air ini tidak akan timbul lagi pada masa-masa akan datang. Justeru itu Suruhanjaya Air ini juga hendaklah digari.....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Minta penjelasan Yang Berhormat. / *want to set the record straight, correction*, dengan izin. Sebenarnya saya tidak terlibat dengan mana-mana syarikat air.

Seorang ahli: Fitnah ini juga!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tidak, silap faham, silap faham, bukan fitnah, kawan-kawan tidak pernah fitnah kawan-kawan. Macam DAP dia suka fitnah orang. Apa yang saya terlibat ialah kawan saya kerjanya menjual batang paip dan batang paip ini bagus, itu sahaja, terima kasih. [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Banyaklah batang ini pun untuk air juga. [*Ketawa*] Jadi beri peluang, daripada beri peluang kepada orang yang tidak kita kenal lebih baik yang kita kenal ini, bukan kroni, dia ikut juga pasaran yang sedia ada, ya. Jadi Yang Berhormat bagi Ketereh, okey ya? [*Sambil memandang ke arah Yang Berhormat bagi Ketereh*] Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kerajaan juga harus mempunyai garis panduan bagaimana Suruhanjaya Air ini nanti berfungsi. Jangan jadi nanti macam jawatankuasa, suruhanjaya-suruhanjaya yang lain - nama ada suruhanjaya tetapi orang lain yang menentukan kaedah-kaedahnya.

Jadi ini tidak bermakna kerajaan harus melihat mana-mana suruhanjaya yang tidak lagi berfungsi dan yang tidak lagi mempunyai apa-apa aktiviti ataupun mungkin kuasa-kuasa tertentu untuk memberi pandangan kepada kerajaan harus dibubarkan, dan saya ingin melihat Suruhanjaya Air ini dapat memberi nasihat yang tepat kepada kerajaan. Misalnya ataupun contohnya, sekiranya mungkin air perlu dinaikkan harganya maka suruhanjaya ini hendaklah melihat kemungkinan-kemungkinan dia, bagaimana dia perlu dinaikkan, kenapa perlu dinaikkan, apa implikasinya, apa rasionalnya, apa justifikasinya, barulah kerajaan timbang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak panjang, saya mahu habiskan ini Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya percaya kerajaan dan menteri mempunyai satu langkah, cuma kita sebagai wakil rakyat memberi pandangan kita supaya dapat dipertimbangkan secara bersama untuk memastikan yang penting pada kami iaitu harga air tidak dinaikkan sewenang-wenangnya tetapi dirunding dahulu dan diputuskan oleh kerajaan dan juga Parlimen yang ada pada hari ini, mesti dibawa pulang ke parlimen. Kalau kita fikir perlu maka kita naikkan harganya sebab kita juga percaya kerajaan tidak ada hasrat untuk menyusahkan mana-mana pihak termasuk operator air ini, termasuk rakyat dan juga mana-mana pihak yang terlibat.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya daripada Kinabatangan menyokong dengan sepenuhnya langkah dan hasrat kerajaan untuk meminda Perlembagaan ini dan saya percaya Kerajaan Negeri Sabah perlu diberi taklimat yang secukup-cukupnya bagaimana pengendalian air ini dilaksanakan sebab saya percaya ada perantaraan, ada maklumat-maklumat yang tidak tepat sehingga mungkin keputusan Sabah dikecualikan daripada pengendalian air di seluruh negara ini. Tetapi saya berkeyakinan satu hari nanti negeri-negeri yang lain akan mengikut langkah-langkah negeri-negeri yang lain, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana banyak pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, bagi mereka yang ingin mohon berucap nanti, saya ingin nasihatkan supaya perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini tidak perlu diulang lagi. Jadi nasihat saya, saya berharap semua boleh mematuhi pandangan saya ini. Saya minta Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

10.26 pagi

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, semalam wujud kritikan dan juga soal berkenaan dengan krisis Perlembagaan dan bahawa prosiding pindaan Perlembagaan kali ini adalah di luar aturan.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sebenarnya memang tidak wujud masalah sebegini kerana saya rasa Perkara 76 yang dirujuk semalam, sebenarnya memberikan jawapan di dalam itu kerana bahawa Perkara 76(1)(b) sememangnya dia telah pun menyatakan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua; "*Parliament will make laws with respect to any matter enumerated in the State List but only as follows, that is to say; di perenggan (1)(b) ia menyatakan dengan jelas, Tuan Yang di-Pertua bahawa "for the purpose of promoting uniformity of the laws of two or more States."*

Jadi saya rasa ini telah pun memberikan jawapan dan bukankah kita berkumpul di sini untuk menyeragamkan undang-undang berkenaan dengan industri air dari segi pembekalan dan juga pengurusan air. Janganlah kita memetik satu atau dua ayat daripada perkara itu sahaja tanpa merujuk kepada perkara yang berkenaan secara menyeluruh. Saya rasa ini bukanlah.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee: Silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Kalau mengikut Perlembagaan Persekutuan di tangan saya ini, Fasal 76 (1)(b) ialah bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang antara dua buah negeri atau lebih. Tetapi hari ini kita membahaskan tentang satu undang-undang yang bukan tentang persamaan undang-undang di antara negeri tetapi satu undang-undang ataupun tindakan yang baru untuk mengambil alih kuasa bekalan air daripada kerajaan negeri. Jadi penjelasan Yang Berhormat bagi Kota Melaka ini memanglah tidak patut kalau kita lihat fasal yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan ini.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya hormat dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat walaupun saya tidak bersetuju dengan pandangan itu kerana saya rasa buat masa kini memang wujud perbezaan dasar-dasar dan juga undang-undang yang diguna pakai di semua negeri dan bukankah hari ini kita untuk menyeragamkan undang-undang itu.

Jadi saya rasa perenggan (1)(b) ini adalah elok dan boleh kita guna pakai untuk tujuan bagi pindaan Perlembagaan pada kali ini dan ini telah pun disahkan juga dengan subseksyen 4 bagi perkara yang sama yang menyatakan bahawa; "*Parliament may for the purpose only of ensuring uniformity of law and policy, make laws with respect to land tenure*" dan sebagainya dan juga; "*and other rights and interests in land*". Dan bukankah air itu sebahagian daripada tanah dan saya rasa ini adalah mencukupi untuk mengesahkan prosiding yang kita hadapi bagi kali ini.

Juga isu mengenai bahawa *we can be legally right but morally wrong*, saya juga tidak bersetuju kerana atas alasan yang mana selalunya, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang negara kita ini digubal berasaskan nilai-nilai moral dalam negara kita. Jadi saya rasa apabila kita *legally right in doing it, we must be morally, justifiably so*. Jadi saya rasa ini tidak membangkitkan apa-apa isu langsung. Isu mengenai persetujuan daripada Majlis Raja-Raja, saya rasa isu itu walaupun memang ada yang menyatakan bahawa persetujuan dalam perkara-perkara yang tertentu harus diperoleh daripada Majlis Raja-Raja tetapi isu-isu berkenaan dengan hari ini sebenarnya tidak perlulah kita mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja. Memang ada isu-isu yang tertentu seperti isu-isu yang berkenaan dengan hak keistimewaan orang Melayu dan juga pribumi Sabah dan Sarawak dan juga berkenaan isu agama Islam barulah kita perolehi persetujuan daripada Majlis Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Perkara 125(1) yang mana umur bersara wajib, sekarang 65 tahun, tambah lanjutan masa 6 bulan lagi tetapi jika apabila pindaan Perlembagaan ini diluluskan, ia menjadikan umur bersara 66 tahun, tambah lagi 6 bulan. Saya rasa ini adalah satu perkembangan yang baik dan satu perkembangan yang dialu-alukan. Tetapi sayangnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya umur ini haruslah kita lanjutkan kepada 70 tahun baru cukup kerana '*lain ulu lain parang, lain dahulu lain sekarang*' kerana hakim-hakim pada masa kini mereka hakim kanan, hakim yang masih usianya lanjut, tetapi

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee: Ya, silakan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya masih tertinggal sedikit di belakang. Soalan

yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh. Beliau telah menyebutkan 76(1)(b) tadi "*for the purpose of promoting uniformity of laws of two or more states*". Lepas itu Yang Berhormat beralih kepada perenggan (4) iaitu *Parliament may for the purpose only to ensuring uniformity of law and policy, make laws with respect to land tenure, the relation of landlord and tenant, registration of title deeds relating to land, transfer of land, mortgages, of leases and charges in respect of land, easements and other rights and interests in land, compulsory acquisition of land, rating and valuation of land, and local government; clauses (1)(b) and (3) shall not apply to any law relating to any such matter*.

So you are right at the end, but then the application of 76(4) was not very correct. Oleh kerana 76(4) mengatakan soal tanah, *leasing* dan sebagainya tidak boleh diubah. Makna dia yang 1(b) tidak *applied* kepada tanah dan sebagainya. Maknanya *by implication*, air tidak termasuk dengan tanah bolehlah dibuat di bawah Perenggan 76(1)(b). Terima kasih. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sebenarnya saya berpendapat bahawa apa yang katakan tadi iaitu *and other rights and interests in land* sebenarnya air juga sebahagian daripada tanah dan jadi saya rasa bagi *and clauses (1)(b) and 3 shall not apply to any law relating to any such matter*.

Saya rasa ia tidak seharusnya diterjemahkan secara *restrictive*. Saya rasa bagi *and clauses (1)(b) and 3 shall not apply to any law relating to any such matter*. Ia haruslah diterjemahkan secara *permissive* dan saya tidak berpendapat bahawa oleh kerana disebabkan oleh *and clauses (1)(b) and 3* seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, *proviso* ini dia telah mempunyai kesan *restrictive* ke atas terjemahan, ke atas isu pindaan perlembagaan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan sebenarnya umur persaraan wajib haruslah kita lanjutkan ke 70 tahun kerana pada masa kini saya rasa sektor kehakiman adalah suatu sektor yang mana kita menitikberatkan pengalaman dan juga ilmu pengetahuan bukan semata-mata unsur-unsur kebeliaan yang harus kita *inject* dalam sektor kehakiman ini kerana negara kita mengamalkan dasar demokrasi yang mana wujudnya Parlimen, perundangan dan juga kerajaan (eksekutif) dan juga kehakiman.

Saya rasa apabila kita naikkan umur persaraan wajib daripada 65 tahun haruslah kepada 70 tahun itu juga kerana ia akan memberikan ruang yang lebih besar, masa yang lebih lama kepada hakim-hakim kanan dalam negara kita untuk terus menyumbang bakti mereka kepada negara kita. Apabila menteri-menteri pula dalam Jemaah Menteri yang mungkin melepasi 70 tahun tetapi dia masih boleh teruskan lagi, saya rasa tidak wajarlah kita menyekat umur persaraan wajib bagi hakim-hakim hanya setakat 66 sahaja dan tambah 6 bulan sebagai *extension* dengan izin.

Saya rasa haruslah kita tingkatkan ke 70 tahun dan kita tidak seharusnya memberikan layanan kepada hakim-hakim dalam negara kita seolah-olah mereka itu anggota pentadbiran awam, bukan, kerana kedudukan mereka adalah terjamin di bawah perlembagaan sebagai suatu sektor kehakiman di bawah pengagihan kuasa atas dasar demokrasi dalam negara kita. Mereka haruslah diberi kedudukan yang tersendiri di bawah perlembagaan negara kita.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee: Silakan Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat kerana semalam salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang hakim yang melaporkan diri bekerja lebih awal, dilantik sebagai hakim lebih awal, tidak diberikan jawatan yang sepatutnya pada hari ini. Yang Berhormat ada menyebut tentang kekananan sebagai salah satu daripada prasyarat untuk seseorang itu untuk dilantik di dalam salah satu daripada jawatan hakim-hakim tertinggi di negara kita.

Apakah pandangan Yang Berhormat tentang *performance indicator* tentang *key performance indicator* bagi hakim-hakim, adakah kekananan ataupun awalan mereka dilantik sebagai hakim itu menjadi salah satu daripada faktor yang boleh digunakan untuk dijadikan seseorang hakim itu sebagai Ketua Hakim Negara kita. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya rasa *key performance indicator* adalah termasuk pengalaman yang sedia ada sama ada penghakiman ataupun *judgement* dengan izin yang diberikan oleh hakim-hakim itu adalah selalunya memenuhi dan juga menepati kehendak undang-undang dan sama ada hakim itu mempunyai imej yang bersih yang mempunyai kebolehan yang tinggi dalam *writing judgement* dengan izin dan umur hanyalah merupakan salah satu faktor sahaja. Umur bukanlah salah satu faktor yang unggul untuk menentukan kebolehan seseorang hakim dan dengan juga adanya kesihatan, jika kesihatan hakim-hakim itu mengizinkan dan jika kita ada satu sistem pemilihan

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Tuan Wong Nai Chee: Nanti sekejap. Nanti sekejap..... dan jika kita ada satu sistem pemilihan hakim yang penuh dengan ketelusan, saya rasa tidak ada masalah jika kita lanjutkan usia itu sampai 70 tahun. Silakan Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma hendak bertanya setuju atau tidak kalau kita bincang soal umur boleh 70 tahun. Kerajaan boleh buat. Ini pun insya-Allah boleh lulus 56 ini. Tetapi apakah kita setuju ada suatu skim khas, skim khusus mengenai dengan hakim. Saya taruh lagi mengenai polis, tentera, mengenai dengan guru-guru dan taruhlah sedikit ulama ataupun para-para cendekiawan Islam, ada skim khusus, jangan terikat dengan skim yang ada, kalau kita hendak beri satu peluang yang baik kepada mereka selain daripada peringkat umur. Setuju atau tidak? Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebenarnya jawapan saya ialah ya dan tidak, kerana saya rasa seperti mana yang saya telah katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hakim-hakim ini mereka adalah terkandung dalam golongan yang tersendiri dalam perlembagaan negara kita. Mereka bukanlah anggota pentadbiran awam dan satu faktor yang begitu penting sekali dalam memastikan wujudnya prestasi yang baik dalam hakim-hakim negara kita ialah betapa banyaknya pengalaman mereka ada dan juga ilmu pengetahuan yang ada. Bagi sektor yang lain saya tidak pasti, saya tidak mahu satu *blanket* atas semua sektor yang menyatakan marilah kita naikkan umur persaraan wajib kepada 70 tahun sebab saya rasa mungkin sektor lain mempunyai kriteria-kriteria pemilihan yang berlainan juga. Saya rasa itu dapat menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, ke atas pindaan Jadual Kesembilan, pengambilalihan pengurusan dan juga pembekalan air daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Saya rasa daripada maklumat yang telah diberikan oleh Kementerian semalam memanglah akan wujudnya sebuah syarikat yang akan mengambil alih aset daripada kerajaan negeri dan sebagai suatu balasan, hutang-hutang itu akan dilupuskan.

Saya rasa kita haruslah berhati-hati atas ini kerana ini adalah telah pun meng*inject*kan satu idea penswastaan dan saya rasa apabila kita katakan satu isu penswastaan pada hari ini semua orang dalam negara kita akan tertanya-tanya dalam soal tol lebu raya dan kita haraplah supaya *fasco* ataupun pengalaman pahit yang kita ada dalam tol lebu raya itu tidak akan berulang lagi dalam industri air ini kerana peristiwa penswastaan tol lebu raya itu seolah-olah kita telah pun menggadaikan kepentingan warga kita demi untuk mencari keuntungan untuk sebuah syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mewujudkan proses pengambilalihan aset daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan, saya rasa proses pengambilalihan itu haruslah dijalankan dengan penuh ketelusan, berapakah hutang kepada Kerajaan Persekutuan dan berapakah aset, apakah susut nilai aset, apakah nilai-nilai dan bentuk-bentuk aset yang diambil alih itu haruslah kita ketahui dan bukan sahaja wakil-wakil rakyat tetapi juga saya rasa kita haruslah bagi tahu rakyat juga berkenaan dengan butir-butir pengambilalihan tersebut.

SPAN juga telah dibangkitkan oleh ramai rakan-rakan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara saya rasa bukan sahaja kuasa mutlak harus diberikan kepada SPAN tentang kuasa SPAN untuk menentukan tarif air tetapi juga saya rasa suatu kuasa yang besar juga haruslah diberikan kepada SPAN untuk campur tangan dalam *operators* apabila mereka mengalami masalah ataupun krisis kewangan. Ini adalah

penting untuk memastikan bahawa kita tidak akan wujud keadaan yang mana terputusnya bekalan air ataupun perkhidmatan air apabila wujudnya kewangan bagi *operators* yang tersebut.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Tuan Wong Nai Chee: Silakan Yang Berhormat Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Parlimen Kota Melaka. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat Kota Melaka bahawa dalam proses bekalan air bersih ini yang paling penting kita juga mesti mengambil kira tentang bekalan air yang akan diberikan kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Kita bimbang nanti kalau bekalan air ini diswastakan atau sebagainya, perkiraan terhadap masyarakat yang tinggal di luar bandar yang pastinya saya rasa kalau bekalan air luar bandar ini mungkin tidak menguntungkan syarikat-syarikat tersebut dan mereka mungkin akan terpinggir dari mendapatkan bekalan air bersih ini. Setuju?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Saya rasa bukan sahaja adalah suatu hak untuk warga-warga kita dalam bandar mendapatkan air berkualiti tetapi adalah juga hak bagi warga-warga di luar bandar juga untuk mendapatkan air berkualiti dengan harga-harga yang berpatutan.

Itulah sebab tadi saya nyatakan bahawa apabila kita sentuh dasar ataupun amalan dasar penswastakan ini sepatutnya penswastakan ini haruslah kita pastikan bahawa kualiti yang terbaik diberikan kepada rakyat, perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada rakyat dan di samping itu pada masa yang sama yang penting sekali harga yang berpatutan juga haruslah dikenakan dan bukanlah harga yang keterlaluan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [*Bangun*]

Tuan Wong Nai Chee: Silakan Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Apa yang saya perhatikan Yang Berhormat, air yang perlu bersih adalah hanya air minuman atau untuk kegunaan perubatan. Tetapi di negara kita ini semua air yang kita pakai ialah *treated water*, dengan izin. Air untuk pili bomba *treated water*, air untuk basuh kereta *treated water*, air untuk kita basuh diri kita pun *treated water*. Saya rasa ini yang menyebabkan kos itu menjadi tinggi.

Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan supaya dimasukkan di dalam cadangan Yang Berhormat agar di dalam negara kita ini ada dua jenis air. Satu air untuk minuman dan satu air yang dipakai untuk industri, pili bomba dan sebagainya tidak memerlukan *treated water*. Macam kita *flush*, kita *flush* 10 kali satu hari, 7 liter sekali *flush*, 70 liter, air itu *treated water* sama dengan air minuman sedangkan ia tidak memerlukan air yang begitu bersih. Itu yang menjadikan kos itu begitu tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Saya rasa itu adalah suatu idea yang baik tetapi setakat mana secara praktikal ia dapat dilaksanakan oleh pihak kementerian. Saya tidak pasti kerana saya percaya dari segi lojik apabila kita buka pili air itu dan biasanya kita mempunyai satu jangkaan serta harapan bahawa air yang mengalir dari pili air itu akan digunakan untuk semua kegunaan kita. Bukan apabila saya buka sahaja pili A itu untuk tujuan industri. Apabila saya buka pili B untuk manusia minum.

Saya rasa mungkin adalah suatu idea yang *noble* dari segi penjimatan kos tetapi saya rasa tidak pasti dari segi praktikal sama ada ia itu dapat dilaksanakan dengan begitu licin sekali.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam bangun.

Tuan Wong Nai Chee: Silakan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya tertarik dengan apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi kalau kita hendak membekalkan dua jenis air, kita kena tukar paip Malaysia, yang lama pun bekalannya belum siap. Hendak membelanjakan RM500 bilion lagi, saya rasa memang kita tidak larat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih di atas input yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi. Saya rasa sebenarnya Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang sememangnya arif telah pun memberikan jawapan untuk menyokong jawapan yang saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh tadi bahawa mungkin dari segi *practicality*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Tuan Wong Nai Chee: Silakan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Sebenarnya, sistem di mana satu rumah boleh mengamalkan untuk menggunakan kualiti air berlainan memang sudah wujud dalam dunia ini tetapi belum wujud lagi di Malaysia. Sebagai contoh, di Australia, Denmark dan Amerika Syarikat memang sudah wujud.

Di negara kita memang banyak air hujan. Kita boleh membuat *rain harvesting* dan jika kita memang ingin menggunakan air hujan untuk mencuci kereta dan untuk *flush toilets*, kita boleh. Ini adalah hanya satu *reticulation* sahaja di dalam rumah kita. Ini memang senang dibuat. Kalau hendak buat saya boleh buat. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Mambong. Itu adalah satu idea secara *technical* dari segi teknologi yang mana saya tidak ada pengetahuan mengenainya. Tetapi saya rasa input yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Mambong ini merupakan satu inspirasi kepada pihak kerajaan sama ada dalam jangka masa yang akan datang *in the long run*, dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada banyak lagi?

Tuan Wong Nai Chee: Sedikit sahaja. Sebab ada banyak celahan. Jadi, saya hendak habiskan. Sedikit sahaja.

Jadi, saya rasa pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi mungkin menjadi satu inspirasi kepada pihak kerajaan untuk meneliti sama ada sesuai bagi negara kita mewujudkan satu sistem sebegini.

Akhir sekali, mungkin ada sesetengah golongan yang mengatakan apakah salahnya jika kita menaikkan tarif air dalam negara kita. Apa dia guna dia perlu bayar tetapi seolah-olah pandangan ini telah pun mengabaikan satu tanggungjawab yang mana telah pun dikatakan oleh rakan-rakan seperjuangan dalam Dewan yang mulia ini sama ada dari Pembangkang ataupun dari Barisan Nasional, satu konsep *social contract* yang mana saya rasa ini merupakan satu tanggungjawab pihak kerajaan untuk memberikan air yang bersih dan berkualiti dengan harga yang berpatutan kepada rakyat dalam negara kita.

Saya rasa ini adalah *bottom line* di sesebuah masyarakat demokrasi yang mana tanggungjawab pihak kerajaan bukan sahaja semata-mata mencari keuntungan tetapi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Ini adalah sumpah dan ikrar tanggungjawab asas sesebuah kerajaan berdemokrasi kepada warganya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya terpaksa mengehadkan masa bagi setiap ahli berucap selama tidak lebih daripada 15 minit. Kepong.

10.48 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, masa 15 minit memang sangat pendek. Saya akan bangkitkan perkara-perkara yang rumit dan tidak disentuh oleh beberapa ahli di sini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya, itu adalah cadangan yang bijak. Yang sudah dibangkitkan tidaklah perlu diulang lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan perasaan yang tertahan-tahan dan terbelah-belah kerana kerajaan menggunakan majoriti 91% untuk meluluskan rang undang-undang ini. Ia sudah membuat keputusan untuk berbuat demikian sebelum membawanya ke Dewan Rakyat nan digalikan dalam, nan digantungkan tinggi. Sudah buat keputusan balik ke sini dan beberapa ahli di sini tidak berpuas hati, terutamanya Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan saya nampak, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh dan Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu tidak berpuas hati tetapi dia tidak beranilah selepas taklimat dua tiga hari yang lepas sudah pun tersinggung di dalam – hendak pecah dah. Hmm, saya nampak daripada isi kandungan ucapannya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita perlulah perubahan di dalam pengurusan dan pemeliharaan air dan warisan serta kenaikan umur persaraan. Kita mestilah mempertahankan semangat Perlembagaan Persekutuan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan juga oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong dan sebagainya

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan dalam Perkara 76(1)(c) – saya tidak akan baca semuanya. Yang ini sahaja dengan izin, "*Parliament may make laws with respect to any matter enumerated in the State List but only as follows that is to say, if so requested by the Legislative Assembly of any state*" Now it is quite true, that on 76(1)(b), "...for the purpose of promoting uniformity of the laws of two or more States..."

Ini adalah jelas bahawa Dewan Undangan Negeri haruslah meminta Parlimen supaya Kerajaan Pusat memainkan peranan terhadap air di dalam Senarai Negeri Jadual 9. Pada 29 Julai 2003, Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara telah bersetuju supaya pengurusan perkhidmatan bekalan air negeri di Semenanjung diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Di dalam satu setengah tahun ini, kerajaan telah mengetepikan semangat Perlembagaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak wujudnya bumi ini kira-kira 5 bilion tahun yang lampau, sistem hidrologi adalah tertutup. Air selalu di kitar semula (*recycle*) melalui hujan dan penyejatan (*evaporation*) dan tidak pernah hilang daripada atmosfera. Jumlah air tidak kurang dan yang ada adalah air yang sama dari mulanya. Selepas manusia menganggap bumi ini sebagai bumi manusia, penggunaan air per kapita berlipat ganda setiap 20 tahun. Kalau tidak mengambil tindakan yang berkesan Malaysia akan menghadapi kekurangan air. Permintaan air di Malaysia mungkin akan bertambah 12% pada dekad ini.

Apabila Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi – yang asyik mendengar sekarang – memulakan tugasnya pada bulan April 2004, beliau membekukan penswastaan air. Pada waktu itu Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS Bhd.) anak syarikat kerajaan negeri telah bersedia untuk diswastakan. Mereka membuat persiapan yang cukup. PUAS mempunyai 1,536 pekerja dan membekalkan air kepada Selangor dan Kuala Lumpur menggunakan *total operation management system* tetapi air tidak berhasil (*non revenue water*) adalah 43% berbanding dengan 6% di Singapura. 43% Singapura yang beli air dan bekerja 6% sahaja.

Rawatan air di Selangor dan di Kuala Lumpur telah diswastakan kepada Puncak Niaga, Splash dan Syabas yang masing-masing membekalkan 40% dan 20% air kepada PUAS. PUAS membeli air bernilai 82 sen setiap cubic meter dan menjual kepada pengguna domestik setiap 72 sen setiap cubic meter. Defisitnya adalah besar.

Hutang negeri-negeri kerana air adalah lebih daripada RM7.8 bilion – saya ingat mungkin RM10 bilion atau lebih. Patutlah kita nampak Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dari Sabah meminta-minta supaya Sabah dimasukkan di dalam Rang Undang-Undang ini tetapi kita tidak nampak Ketua Menteri Sarawak berbuat demikian.

Dia tidak mahu Sarawak dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini. Saya pun hairan juga mengapa ada ahli daripada Sabah hendak masuk. Mungkin ada masalah undang di sebalik batu juga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mencadangkan supaya membelanjakan lebih daripada RM51 bilion ringgit untuk pelaburan dalam perkhidmatan air, sumber air, loji, empangan termasuk menggantikan sepanjang 46,000 kilometer paip lama untuk beberapa tahun yang akan datang. Ini bermakna, sektor air ini adalah satu bidang yang menarik kepada pedagang dan pelabur dan kita hendak tahulah bagaimana SPAN yang akan diwujudkan pada suatu hari kelak dapat mengendalikan semua ini.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menekankan betapa pentingnya kita mewujudkan mekanisme. Saya tidak membantah itu, memang kita perlu satu mekanisme selepas Rang Undang-undang ini diluluskan kelak seumpama Akta Industri Air dan Akta SPAN. Beliau memberi jaminan bahawa dalam tempoh dua tahun ini tarif air tidak akan dinaikkan. Jika syarikat air gagal kerajaan tidak akan memberi pampasan dan akan melantik syarikat lain untuk menggantikannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1987, jaminan sepantun ini pernah diberi semasa konsesi Projek Lebu Raya Utara Selatan diserahkan kepada UEM yang ketika itu tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan dan pengurusan lebu raya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, Sri Aman.

Dr. Tan Seng Giaw: Sri Aman? Ohh... Ini Projek Lebu Raya Utara Selatan di Semenanjung, bukan di Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Sebelum lebu raya tadi, saya minta penjelasan dari kawan saya dari Kepong, tidakkah Yang Berhormat gembira Kerajaan Negeri Sarawak tidak dimasukkan ke dalam senarai ini oleh kerana kita teringat apabila ombak Tsunami melanda India, Kerajaan India mengatakan tidak usah tolong kami, kami dapat menolong sendiri. Ini menunjukkan kekuatan negeri Sarawak dapat menjaga masalah dia sendiri dan tidak perlu membazirkan segala usaha pertolongan yang dapat diberi oleh Kerajaan Pusat. Biarlah Kerajaan Pusat membantu yang memerlukan bantuan di Semenanjung. Tidakkah Yang Berhormat memberi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana dapat menjaga halnya dengan rapi?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dari segi semangat perlembagaan, Sarawak tidak minta untuk dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini. Dari segi semangat perlembagaan memang Sarawak betul.

Seorang Ahli: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang betul - Inti sari, inti pati semangat perlembagaan. Kalau Sarawak mahu memang dia minta dan kita bentangkan dalam Dewan ini, tetapi semua itu tidak minta langsung. Tidak minta kerana ada yang mengatakan ini hanya pindaan, bukan undang-undang. Pindaan pun undang-undang juga. Undang-undang yang terunggul sekali ialah Perlembagaan Persekutuan [Disampuk]. Itulah, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong pun tahu, hari ini dia peguam.

Saya bersetujulah memang Sarawak tidak minta. Ini mengikut semangat perlembagaan. Tetapi saya pun berharaplah di Sarawak pun masalah seperti hutan dan sebagainya dapat dikendalikan dengan baik. Ha, bebas ini pun harapan kita jugalah. Jangan kita musnahkan semua hutan di Sarawak juga.

Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud [Kota Samarahan]: Yang Berhormat bagi Kepong tidak mengetahui apa yang berlaku di negeri Sarawak. Walaupun ada cawangan DAP di sana, rupa-rupanya Ahli DAP di Sarawak tidak menjelaskan keadaan sebenar kepada partinya supaya dapat menjalankan peranan yang lebih baik di Sarawak. Keadaan hutan di Sarawak cukup terpelihara, sebenarnya sudah ada *mission* ITTO menjalankan tugasnya dalam tahun 80'an. Menjelang tahun 2000 seperti yang kita jangkakan kita telah mencapai taraf *sustainable management* dengan cukup baik. Hari ini Sarawak sudah mempunyai *permanent forest concept* yang dialu-alukan oleh sebahagian agensi *United Nations*. Daripada hutan kekal ini kita telah had pengeluaran kayunya sampai jumlah 9¼ juta metrik tan. Walaupun kita mempunyai sukatan yang lain daripada pandangan *mission*, kita bersetuju kepada

sekatan ini, tertakluk kepada *review* bila sudah ada *research* mengenai satu kadar tumbuhan di dalam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, cukuplah, saya terpaksa minta Yang Berhormat bagi Kepong menggulung. Masa dia sudah cukup.

Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud: Ya, tetapi saya tidak mahu *factsnya* salah akan masuk dalam rekod Parlimen. Oleh sebab itu kita perbetulkan. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, ketahuilah bahawa Sarawak telah pun mencapai *sustainable management* sejak tahun 2000. Janganlah mengulang-ulangi propaganda pihak *environmental bodies* yang tidak bertanggungjawab. [Tepuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, ada sebahagian ITTO itu, saya nampak ada mengikut sedikit daripada Sarawak, tetapi apabila kita terbang ke atas Sarawak itu ya, iaitu di udara Sarawak, kita nampak banyak hutan-hutan itu yang botak sahaja, bukit gondol kadangkalanya, inilah masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah masalah air sudah selesai?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak selesai lagi, tetapi kita kagum jugalah di Sarawak ada Gunung Mulu *National Park* itu, masuk di dalam *World Heritage Centre*, hanya salah satu daripada dua. Dari segi ini memang mereka ada buat kerja.

Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud: Tahukah Yang Berhormat bahawa dalam kawasan hutan kekal tidak ada hutan yang dia kata *bald* atau botak. Sebenarnya kita dapat menentukan bahawa dalam kawasan hutan kekal bukan hutan biasa yang sedang diusahakan untuk pertanian khususnya pertanian kelapa sawit. Di dalam kawasan hutan kekal itu hanya tujuh batang pokok sahaja yang ditebang dalam satu hektar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya banyak perkara lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum lagi sentuh pemuliharaan warisan termasuk Mulu, tadi saya katakan mengagumkan, tahniah kepada Sarawak dari segi ini *World Heritage List*. Perkara yang baik kita kagumlah tetapi saya berharap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dapat mengkaji semula, bukan sahaja dari segi yang disebutkan tadi dengan ITTO, dengan *sustainable forest* dan sebagainya, bahkan juga dari segi semua sebagai *totality*, kerana kita nampak ada orang

Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud: Sudah pun, sudah pun.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, sudah pun. Ada orang pergi ke *National Park* di Sarawak diambil pokok, ambil *rear leaf* dan sebagainya, artifak kita pun tidak nampak daripada Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada orang seludupkan keluar daripada negeri Sarawak, jadi Yang Berhormat Menteri mestilah jaga hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, ada masalah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud: Ini lagi, tidakkah Ahli Yang Berhormat tahu bahawa penyeludupan berlaku selagi ada manusia masuk. Ada yang dapat ditangkap dan ada yang tidak. Tetapi undang-undang di Sarawak telah mencipta undang-undang *bio-diversity* yang pertama berlaku di dalam rantau ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak ada masa. Saya berharap kita ada masa untuk membincangkan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada satu hari kelak untuk sama-sama kita memulihara kebudayaan dan warisan alam semula jadi di Sarawak dan di seluruh negara. Itu memang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa tidak ada, tidak ada masa.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Adakah Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, boleh nanti atau tidak?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat bagi Kepong sedar di mana negara Malaysia dan Sarawak sudah menjelaskan berkenaan soal pengurusan hutan di Sarawak secara mapan sejak tahun 80'an. Sekarang semua NGO sudah tahu pengurusan hutan di Sarawak dan tidak mengeluarkan kenyataan yang berniat jahat lagi. Selain dari Ahli dari Kepong yang menggunakan perkataan NGO itu, selama 10 tahun yang lalu. Itulah sebabnya saya panggil *Jurassic Park, you dinosaur* besar, sekarang sudah *extinct*, tidak boleh pakai lagi. Ini berkenaan air mengapa you masukkan hutan dalam air. [Ketawa] Bila berucap mahu minta lagi 15 minit, cakaplah terus kepada *point* jangan kacau orang lain lagi. Saya cakap sebab saya ambil tanggungjawab ini sebagai Menteri Perusahaan Utama untuk menjaga nama pengurusan hutan di seluruh dunia. Kita lawan di *summit* di Brazil, dan semua orang sudah diam, sekarang dia bangkitkan pula. Dia tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya gulung. Ya, saya masih ingat semasa Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri Perusahaan Utama, waktu itu dia pening kepala kerana di Sarawak itu ada kegiatan-kegiatan memusnahkan hutan dengan teruk. Dia tidak dapat kawal, dan dia mengeluh dan membuat aduan secara senyap-senyap dan sebagainya, tetapi bila berhadapan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, dia diam sahaja. Oh, dia kata, baik semua.

Seorang Ahli: Dia tidak berani.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi masalahlah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekarang Yang Berhormat Menteri asyik meniru model penswastan peraturan British untuk penswastan air. Dia pergi ke United Kingdom, dia tengok, oh semua baik, cantik belaka seperti Sarawak sekarang. *World Heritage* pun masuk dan sebagainya tetapi dia tidak tahu enam tahun yang lepas, *Yorkshire Water* yang diswastakan itu, oh, mengalami masalah yang teruk sekali. Lori demi lori air dibawa untuk orang yang tidak ada air di Yorkshire, enam tahun yang lepas tetapi dia tidak belajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya gulunglah. Adalah hak asasi semua rakyat untuk mendesak supaya kerajaan mengadakan Badan Kawal Seliaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi memastikan bahawa semua orang sentiasa boleh mendapat bekalan air bermutu tinggi dengan harga yang berpatutan. Kerajaan mestilah mengadakan laporan yang menyeluruh mengenai kehidupan rakyat Malaysia yang berumur lebih daripada 50 tahun termasuk pekerjaan (*employment*) dan peningkatan umur persaraan wajib pegawai awam daripada 56 tahun kepada 65 tahun. Kita perlukan sistem laporan untuk warisan kebudayaan dan semula jadi serta mengemukakan harta-harta untuk dimasukkan ke dalam senarai warisan dunia.

*Lemak manis jangan ditelan
Pahit jangan dimuntahkan
Lemak manis pada dialah
Pahit maung kepada orang.*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

11.10 pagi

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua ada 15 minit untuk bercakap pindaan perlembagaan. Banyak telah diperbincangkan khususnya oleh Ipoh Timur, dari Kota Melaka dan pihak lain menyatakan bahawa pindaan-pindaan ini ada mengata boleh, ada yang mengata tidak boleh. Daripada Ipoh Timur mengatakan kerajaan tidak berkuasa untuk membuat pindaan ini melainkan telah mematuhi semua syarat 76(1) Artikel 76(1) (a),(b) & (c). Dalam masa yang sama Kota Melaka mengatakan di bawah artikel inilah kuasa kerajaan untuk meminda senarai di bawah perlembagaan, di bawa daripada kerajaan negeri kepada kerajaan pusat.

Jadi, dalam proses pemindaan Sarawak dan Sabah tidak dimasukkan dalam exercises untuk mengambil alih kuasa pentadbir air negeri tersebut. Persoalan berbangkit bahawa ada suara-suara khususnya daripada Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan Sabah ingin dimasukkan bersama di dalam exercises ini dan dibangkit oleh Kepong, mengatakan mengapa Sarawak tidak dimasukkan bersama. Jawapan memang telah disebut oleh Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Sri Aman mengatakan Sarawak berkemampuan menguruskan air mereka sendiri, itu yang pertama. Bahkan pada masa sekarang proses untuk menggantikan semua paip-paip lama di Sarawak yang dibina pada tahun 60'an dan 70'an telah dibuat dan dalam proses - saya cukup yakin kerajaan negeri Sarawak boleh mengatasi semua masalah *non revenue water* yang telah disenaraikan juga dalam laporan *Public Accounts Committee*, Sarawak pun tidak bebas daripada itu oleh kerana paip-paip ini memang betul lama, kita tidak nafikan. Tetapi proses, kontrak kerja untuk membuat ini telah dilaksanakan, masih dilaksanakan, Insyallah akan tetap terlaksana dalam masa setahun atau dua lagi.

Jadi proses pengeluaran air untuk disalurkan kepada umum adalah dalam keadaan yang baik dan tindakan yang cekap oleh kerajaan negeri, itu satu. Yang kedua ialah soalan disebutkan *geographical position* Sarawak, Sarawak itu jauh, di Sabah dan Sarawak itu jauh daripada semenanjung, biarlah kalau Sabah mahu atas kerajaan negeri Sabahlah, kalau untuk negeri Sarawak mereka cukup yakin memandangkan kepada soalan geography dia, saiz Sarawak itu sendiri, kita melihat jalan-jalan di sini, saya sudah menjelajah seluruh Malaysia selama masa tiga bulan ini, seluruh Malaysia, orang lain semua cuti musim bulan puasa, orang lain cuti masa Parlimen tidak bersidang tetapi saya dalam *Select Committee* tidak ada langsung pergi tengok rumah, memang ada berhenti satu dua hari sahaja balik ke rumah, semua kita pergi menjelajah seluruh Malaysia saya nampak jalan seluruh Malaysia begitu elok sekali, tapi jalan di Sarawak belum lagi oleh kerana masalahnya ialah..

Datuk Ronald Kiandee: Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...saiz negeri Sarawak, 15 minit, saya minta maaf

Datuk Ronald Kiandee: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saiz negeri Sarawak itu besar, jadi kita tidak menyalahkan kerajaan kenapa jalan ini belum disiapkan, bahkan jalan di Terengganu, Pahang, Kelantan yang kita jalani naik bas, bukan naik apa, naik bas, kita pergi jauh lebih elok jalan-jalan di Sarawak. Jadi, dalam keadaan yang sama kalau air ini masih masalah di Semenanjung ini, hendak diselesaikan di Semenanjung ini hendak diserah juga di bawa ke Sarawak di masuk bersama, masalah di Semenanjung tidak boleh di *settle* masalah Sarawak pula dibangkit, jadi kita biarlah uruskan dahulu yang di Semenanjung ini, yang Sarawak tidak mahu diurus, biarlah Sarawak mengurus sendiri oleh kerana mereka cukup kepakaran dan kemampuan untuk mengurusnya, daripada segi *geographynya* dari segi kemampuan kewangan semua cukup.

Jadi saya bercakap ini bukanlah kerana Ketua Menteri Sarawak ada sini. Saya hendak sebut lagi oleh kerana saya tidak sebut benda yang tadi kerana Kepong sebut sebenarnya saya sudah beritahu kepada Yang Berhormat Kepong, semasa kita pergi ke Cambodia, saya bagi dengan Yang Berhormat bahawa hutan negeri Sarawak diurus dengan baik, saya sebutkan bahawa saya pergi ke United Nations

pada 1991 membawa dasar-dasar *forest management* di Sarawak pada badan yang disebut namaof Asia and Africa, Pengerusi *United Nations*, badan *United Nations* mengatakan tidak ada sebuah negara dalam dunia kata dia mempunyai dasar-dasar yang ditunjuk oleh saya kepadanya. Ini menunjukkan keunggulan dasar ini. Jadi saya beri penjelasan ini kepada Kepong, bahkan saya hendak dijemput oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ghazali Ismail untuk membawa dasar itu pergi ke Riau semasa itu, tetapi oleh kerana kehendak kerajaan negeri menghantarkan orang-orang lain jadi saya tidak pergi, sebab saya mempelopori, memberitahu kepada pihak *United Nations* dan wakil kita di *United Nations* bahawa dasar *forest management* in Sarawak itu telah *in place long before the requirement* dibuat, dengan izin, jadi Kepong tanya kepada saya betulkan ini, kalau tidak betul, saya kata you pergilah ke negeri Sarawak tanya, saya ingat itulah sebabnya Kepong tadi cuba mencuri sikit, menguit sikit Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, bila dia lihat duduk di sini, sebenar dia sudah tahu sudah, kita sudah beri penjelasan cukup jelas, tetapi Kepong biasalah memang buat apa ini mengampu inilah selalu buat.

Jadi, itu Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak mempertikaikan kuasa kerajaan di bawah artikel 76 untuk meminda dan mengambil alih ini. Soalan Sabah dan Sarawak ada berlainan sedikit Tuan Yang di-Pertua, soalan Sabah dan Sarawak, kalau semangatnya kita nilaikan. Sebelum Sarawak dan Sabah dipinta untuk menubuh Malaysia dahulu referendum telah dibuat di Sarawak sama, kajian kepada masyarakat umum keseluruhannya dipinta, jadi kalau ada perkara-perkara hal Sarawak berlaku dan Sabah berlaku bukan kerana kita hendak tetapi di semangat undang-undang itu berkehendakkan hendaklah diserahkan kepada orang-orang di Sarawak dulu tidak boleh dibuat *bulldoze* begitu sahaja, itu sebabnya.

Jadi soalan di Semenanjung ini berlainan sedikit walaupun sekarang sudah letakkan sebagai satu *state* dalam Malaysia, tetapi semangatnya, semangat undang-undang kalau betul-betul kita hendak ceritakan semangat undang-undang, semangat undang-undang, walaupun saya tidak menggunakan *twenty-point agreement* itu sebagai alasan, *[Disampuk], 20 points*. Saya tidak gunakan sebagai satu alasan, kalau perlu berlaku *agreement* ini kita boleh ketepikan, tetapi semangatnya mesti kita terima dan perlembagaan ini adalah undang-undang yang tertinggi negara ini, kena kita ikutkan semangat .

Jadi kalau kita baca keseluruhannya inilah Raja-raja Melayu, agama Islam hak-hak Melayu dan bumiputera Sarawak, ini perkara Sabah inilah perkara yang tidak boleh dikotak-katikkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua itu soalan pendek 15 minit sahaja saya tidak mahu panjang masa. Soalan perlembagaan, jadi kita menyokong pindaan ini, soalan Sarawak tidak payah dibangkitkan kenapa tidak masuk, sebabnya ialah kita kena bertanya kepada orang Sarawak dulu, dulu kita masuk ditanya, apa kalau hendak apa benda yang kata dikatakan *safeguard* untuk Sarawak dan Sabah itu tidak ditanya, jadi hakikatnya sebagai undang-undang, kalau kita hendak menghormati perlembagaan ini kita kena tanya balik kepada masyarakat sebelum kita orang buat, ha inilah hakikat sebenar kenapa Sarawak tidak masuk, jadi persoalan itu patutnya di jawab dengan cara itu, yang..

Tuan Jimmy Donald: Bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu dulu Yang Berhormat, soalan undang-undang itu sendiri, soalan undang-undang, bolehlah Beluran, boleh sikit sahaja. Okey Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari mana ini, Batang Lupar, Santubong bukan Batang Lupar yang dulu. Dua minggu yang lepas seorang Timbalan Menteri telah menyoalkan tentang polisi imigresen negeri Sarawak. Sebenarnya adakah Yang Berhormat setuju keluhan yang dibuat secara melalui surat khabar itu adalah tidak baik oleh kerana ini adalah dalam *twenty-point agreement* dan *twenty-point agreement* ini saya rasa telah menyelamatkan Sarawak dari pendatang tanpa izin dan banyak lagi penyakit-penyakit sosial yang ditemui di tempat-tempat yang lain dan lagi pun ini yang telah dibuat oleh kita semasa kita membentuk Malaysia, bukan Sarawak mengikuti Malaysia tetapi kita membentuk Malaysia bersama.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya apa Yang Berhormat sebut itu memang cukup jelas, Semenanjung, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura sebenarnya dijemput untuk menubuhkan *Federation of Malaysia*, jadi tidak

ada Sarawak dan ada Sabah tidak wujudlah Malaysia, tetapi tidak ada Johor kalau Johor itu berlainan Perlis, Malaysia masih tetap wujud, ini perbezaan dia.

Jadi, soalan yang dibangkitkan soalan imigresen yang masuk itu, mungkin mendatangkan masalah kepada semua orang, hendak *visit* orang, *formality*, kena *check* imigresen, memang. Memang. Tetapi persoalannya, ini adalah satu *safeguard* yang telah diterima pakai dalam Perlembagaan. Dan, kalau Perlembagaan ini hendak dipinda, hendak diubah, patut kita *refer* balik kepada masyarakat di Sarawak, menerusi apa cara pun, seperti referendumlah. Kita minta maklum balas. Kalau itu diterima pakai oleh orang Sarawak dan keseluruhannya, pentadbiran Sarawak patut akur.

Persoalannya, Yang Berhormat, yang pertama ialah *Erosion of State Rights* yang di *safeguard* dalam Perlembagaan itu telah berlaku. Dahulu kita pakai pasport, sekarang tidak payah pasport, IC sahaja. Dahulu banyak *check* kiri, *check* kanan tetapi sekarang tidak ada lagi. *Erosion* masuk syarikat, masuk *businessmen* daripada Semenanjung ke Sarawak. Semua *erosion* ini berlaku dari masa ke semasa dan telah berlaku sepanjang masa. Bahkan sekarang hanya tinggal sedikit itu sahaja. Jadi, persoalannya tidak berbangkit lagi Yang Berhormat, sebenarnya. Jadi, pada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, itu adalah pandangan beliau sendiri, jadi, kita dalam konteks demokrasi, kita boleh bercakap, siapa sahaja boleh bangun membangkitkan apa-apa perkara.

Persoalan yang kedua ialah persoalan undang-undang ini. Kalau Perlembagaan ini telah diluluskan di Dewan yang mulia ini nanti.....

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuan bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak habis, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Yang Berhormat ada lagi tiga minit.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha! Tiga minit sahaja. Jadi, kalau Perlembagaan ini telah dipinda nanti, saya cukup yakin bahawa undang-undang akan dibawa ke Dewan ini untuk pengurusan air. Kalau undang-undang ini dibawa ke Dewan ini, saya mencadangkan rang undang-undang nanti, oleh kerana kontroversi, soalan dibangkitkan bukan sahaja daripada pembangkang tetapi semua Ahli Parlimen, termasuk Barisan Nasional sendiri.

Saya memohon supaya rang undang-undang itu nanti *direferkan* kepada Jawatankuasa Khas Parlimen, iaitu *Select Committee* Parlimen supaya *Select Committee* ini boleh membuat *road show* sebagaimana yang kita buat kepada pindaan Kanun Keseksaan dan Kanun Jenayah ke seluruh negara ini untuk mendapat pandangan dan fikiran masyarakat Malaysia, khususnya di Semenanjung ini, daripada Perlis sampai ke Johornya, daripada Melaka sampai ke Terengganunya. Kita tanya kepada orang politiknya, orang NGOnya, semua orang di Semenanjung ini. Kita serahkan kepada *Select Committee*, serahkan kepada Jawatankuasa Hak Parlimen untuk mencari pandangan daripada masyarakat di Semenanjung ini.

Dengan adanya tindakan ini nanti dapatlah kita mengatakan bahawa tindakan kita adalah *transparent*, tindakan kita bukan melulu, tindakan kita berlandaskan *democratic practice*. Jadi, saya berharap pihak kerajaan dan kementerian membawa perkara ini ke atasan supaya satu *Select Committee* diluluskan di Dewan ini sebagaimana dua *Select Committee* telah diluluskan untuk mendapat pandangan orang ramai.

Begitu jugalah soalan surat janji. Surat janji saya bangkitkan dalam masa taklimat, tetapi jawapan yang diberi kepada saya ialah pihak AG hanya melihat undang-undang. Implikasi politik soal lain. Ini adalah jawapan yang kurang tepat kepada saya kerana kalau kita lihat daripada soalan undang-undang ini betullah, memang peguam kalau dia buat undang-undang, AG buat undang-undang, dia tengok undang-undang sahaja. Ada implikasi politik, implikasi sosial. Kalau tidak dilihat kita boleh *classify* undang-undang ini tidak baik atau undang-undang ini baik.

Pada suatu ketika *Lord Reid (Parliament of England)* pernah berkata:

"Parlimen ini berkuasa membuat undang-undang. Kalau dia buat undang-undang semua manusia yang dilahirkan dengan mata hijau, akan dibunuh anak itu, undang-undang itu pun boleh dilaksanakan di Parlimen England berlandaskan supremacy of Parliament..."

Kita pun boleh juga membuat undang-undang sedemikian. Kalau tidak bercanggah dengan Perlembagaan kita, kita boleh laksanakan undang-undang, tidak kisah implikasi politik, tidak kisah implikasi sosial dan kita ketepikan soalan *Islamic* ataupun tidak *Islamicnya*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi mestilah diambil perhatian. Yang Berhormat bagi Tangga Batu atau Yang Berhormat bagi Ketereh tadi? Mestilah diambil perhatian, soalan air ini sepatutnya *free* tetapi *cost management, administration, penghantaran, piping* semua sekali itu, mungkin kita boleh caj.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya juga mencadangkan supaya surat janji di antara syarikat-syarikat konsesi ini jangan dibuat di *AG's office* yang tidak melihat kepada implikasi sosial, politik dan sebagainya, mesti diserahkan kepada Parlimen ini untuk menilai dan melihat apa implikasi politik, surat janji itu kalau dibuat. Jangan berlaku sebagaimana berlaku kepada PLUS, *a very radical review*, tidak tahu macam mana *review* telah dibuat, naiklah kos dia, orang kitalah yang terkena.

Sebelum terkena Parlimen bertanggungjawab untuk mengawal selia perkara-perkara ini, kita bukan mengatakan perkara ini *hypothetical*, memang perkara ini akan berlaku nanti kalau kita tidak ambil tindakan-tindakan yang khusus. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

11.26 pagi

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Akta Meminda Perlembagaan Persekutuan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam membentangkan rang undang-undang ini menaruh harapan tinggi bahawa permasalahan yang ada sekarang boleh diatasi dengan pusat mengambil alih pengurusan air seperti yang dicadangkan.

Kita telah dengar dalam Dewan ini permasalahannya sama ada hutang kerajaan negeri sebanyak RM5 bilion atau RM6 bilion, kita dengar penswastaan yang tidak memuaskan, kita dengar paip yang tidak diganti sejak zaman British, kita dengar pelbagai permasalahan rakyat mengenai air. Jadi, nampaknya dengan pindaan ini harapan kita, maknanya masalah ini akan selesai. Tetapi saya juga ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Dewan ini bahawa permasalahan yang disebut-sebut itu semua berpunca dari Pusat.

Penswastaan tidak boleh berlaku di Johor, di Selangor sehinggakan PUAS berhutang RM1.7 bilion, kalau tidak Kabinet meluluskannya. Bila kita bercakap mengenai kawal selia, kita bercakap mengenai koordinasi, kita ada badan yang ditubuhkan sebelum ini. *National Water Council* ditubuhkan pada tahun 1998 untuk tujuan ini dan kerajaan-kerajaan negeri semuanya, kecuali Kelantan adalah Kerajaan Barisan Nasional. Mengapakah dasar air dan segala aspeknya tidak dapat diselaraskan?

Saya menimbulkan perkara ini kerana saya tidak mahu kita mengharapkan semata-mata hanya dengan pindaan sebuah kertas kita dapat menyelesaikannya. Kerana memang masalah ada dan kerana kita tahu hari ini sejuta rakyat Malaysia masih belum ada paip air yang bersih. Kita tahu masalah CAPEX yang perlu diperuntukkan, disebutnya berapa bilion yang kita perlu dalam masa 20 tahun ini. Sebab itulah saya mengharapkan hari ini cuba selesaikan masalah pertindihan sehingga ada lebih kurang 30 undang-undang mengenai air termasuklah enakmen tiap-tiap negeri.

Kita ada lapan kementerian dan agensi *overlapping* semuanya, mengenai air. Dan cara menyelesaikannya, Tuan Yang di-Pertua ialah satu pendekatan yang lebih profesional, yang lebih telus. Kita dengar penswastaan ini, sama ada tol, lebuhraya ataupun air, rakyat tidak tahu apakah syaratnya, termanya kita tidak tahu, sulit, *official secret*. Walaupun semalam kita baca dalam akhbar Berita Harian, tarif 2 years tidak akan dinaikkan, janji Menteri.

Tetapi apa erti janji itu kalau dalam agreement itu, kalau tidak naik tarif dia kena bayar pampasan?

Kalau kita dapat meyakinkan rakyat bahawa tidak akan ada tarif yang akan naik, tapi belum tentu syarikat konsesi sama ada Puncak Niaga dan sebagainya tidak akan membuat tuntutan dengan cara lain. Mengapakah Puncak Niaga pada hari ini bermula dengan penswastaan *water treatment* sahaja, satu kegiatan yang menguntungkan.

Pada masa itu, saya percaya ini bukan salah kerajaan Selangor. Penswastaan permulaannya ialah *treatment of water*, satu aspek penswastaan yang menguntungkan. Yang merugikan, yang membebankan masih dipegang oleh kerajaan. *Water distribution* masih lagi dengan kerajaan dan jika kita mengambil pendekatan yang mudah seperti ini, menguntungkan pihak tertentu, perkara air ini tidak akan selesai.

Jadi saya harap aspek pengurusan ini, yang diambil alih ini, ataupun *water commission* yang akan ditubuhkan ini bukan menjadi satu *body rubberstamp*, arahan dari orang-orang yang tertentu atau kumpulan-kumpulan tertentu. Kerana jika ianya berlaku maka perkara ini akan terus berlaku.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, hanya ada satu perkara lagi, setahu saya bila *revenue* ataupun pendapatan kerajaan negeri diambil alih seperti yang dicadangkan dalam pindaan perlembagaan ini, dan saya tidak mahu timbulkan soal kuasa Artikel 76 dan sebagainya. Saya difahamkan kita mestilah ganti *revenue* itu, kehilangan *revenue* daripada kerajaan negeri, *revenue* pelesenan, *revenue collection* dan sebagainya. Saya tidak nampak dalam akta ini cadangan kerajaan pusat apa gantinya? Apa gantinya? Kerana dalam Perlembagaan Persekutuan menetapkan perkara ini kita harus menggantikan. *A lost of revenue*, kita *replace*, ini saya tidak nampak dalam cadangan yang dibentangkan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa dalam soal-soal penswastaan, kerana kita ingat penswastaan *sewage*, pembetungan sepuluh tahun dahulu, beginilah rasionalnya *waste disposal*, *waste management*, kita swastakan. Dan seperti hari ini juga, Sabah dan Sarawak dikecualikan. Mungkin saya faham rasional Sarawak tapi saya tidak faham mengapa Sabah juga mahu dikecualikan. Sabah ialah pengurusan yang paling teruk, minta maaf, hutang yang paling tinggi tetapi sepuluh tahun dahulu beginilah *sewage*, *administration*, *management*. Tetapi kita masih lagi tidak dapat menyelesaikan masalah ini kerana kita create satu monopoly, hanya syarikat-syarikat tertentu sahaja untuk menguruskan *sewage industrial waste*. Perkara ini tidak selesai, kita beri kepada Kualiti Alam ke, Alam Flora ke, kita pilih syarikat-syarikat tertentu. Kita tidak tahu, parlimen tidak tahu kriteria yang dipilih. Kita tidak tahu tetapi perkara itu tidak dapat diselesaikan sampai hari ini.

Jadi kalau kita ingin swastakan, dan saya cadangkan perkara ini fikirlah baik-baik, kerana dalam kita ingin menjayakan rancangan kerajaan sampai 2050 yang terkandung dalam *National Water Study*, kita memerlukan wang yang besar, saya difahamkan RM 51 bilion. Jadi duit ini akan datang daripada sumber-sumber tertentu.

Hari ini kita bercakap perkara yang mudah, *no height in water tariff*, tidak naik tarif, sedangkan di Malaysia ialah tarif yang terendah dalam dunia. Kita boleh naik tarif, kita jaga orang miskin sahaja, kita ada *lifeline tariff*, kita bela orang yang tiada duit, itu tarif tidak naik, orang kaya semua bayarlah.

Syarikat-syarikat besar, *we have to increase tariff*, kalau tidak kos dia tiada siapa yang hendak bayar. Tapi inilah keputusan-keputusan Tuan Yang di-Pertua, yang perlu kita buat. Kalau tidak hasrat Yang Berhormat, hasrat kerajaan untuk menjayakan pelaksanaan air tidak akan dicapai. Saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tuaran.

11.35 pagi

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 yang melibatkan Jadual Kesembilan dan Kesepuluh. Perlembagaan Persekutuan adalah satu dokumen yang terpenting dalam negara kita, perlembagaan inilah, dokumen inilah yang menentukan bagaimana negara ini ditadbir, bagaimana negara ini dibina.

Dalam pindaan kali ini, persoalannya tidak banyak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kita meletakkan soal bekalan dan perkhidmatan air dalam senarai bersama, itu saja, senang. Tetapi dalam Perlembagaan Persekutuan ini, banyak perkara yang kita ahli-ahli di Dewan Rakyat pun tidak faham, tidak arif.

Dalam soal kita ambil contoh, Artikel 161 sampai 162, ramai orang menganggapan seolah-olah artikel ini tidak wujud dalam Perlembagaan Persekutuan. Dan dalam Perlembagaan Persekutuan inilah yang menyatakan perlindungan tambahan bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Artikel 161 hingga 165, banyak sudah yang dipinda dari dulu. Kita ambil contoh Artikel 161E (2), tiada pindaan boleh dibuat pada Perlembagaan tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri di Sabah dan Sarawak dan seterusnya. Kita boleh persoalkan kenapa Sabah tidak bersetuju, kenapa Sarawak bersetuju, kita berhak bersuara. Tapi dia ada hak, ini perlembagaan, ini pun dalam perlembagaan, kalau mahu ditiadakan semua, pindalah semua. Cubalah, pindalah, boleh dipinda. [Disampuk]

Tidak, kita tidak berapa sihat. Dan persoalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Santubong tentang bukan kenyataan tapi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam sidang Dewan Negara yang menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak seharusnya mengkaji semula Akta Malaysia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar, sebentar, 15 minit sahaja Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap sahaja Dato'.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar, sebentar, nanti saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai duduk, dia belum bagi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih [Ketawa]

Untuk mengkaji semula Perkara 20 dan Akta Malaysia dan Santubong menyatakan bahawa itu kenyataan, seolah-olah kenyataan itu di luar Dewan tapi ia dibuat dalam Dewan Negara. Persoalannya sekarang ialah apa kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu satu pendirian Kerajaan Persekutuan.

Kalaulah itu pendirian Kerajaan Persekutuan, saya ingin bertanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal undang-undang ini, apa Kerajaan Persekutuan betul-betul meminta kedua-dua kerajaan negeri untuk mengkaji. Jangan main-main, jangan sebarang jawab di Dewan yang mulia ini, kalau itu bukan pendirian Kerajaan Persekutuan. [Tepuk]

Dalam hal 20 perkara itu, 20 perkara itu *the intent*, niat sebelum dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Apa kita semua memahami bagaimana 20 perkara itu telah dipersetujui, telah digubal. Yang menulis itu semua adalah orang Sabah dan Sarawak, bukan dari sini.

Adakah Tuan Yang di-Pertua, tidak semua tahu dan sedar, Perkara 7 dalam 20 Perkara ini, dalam Perkara 7 mengatakan tidak ada hak bagi kedua-dua negeri untuk keluar daripada Persekutuan. Siapa yang menulis itu? Kita, orang Sabah dan Sarawak, ini bererti bahawa kita ini betul-betul setia, kita ini yakin tetapi dalam membina negara ini, membentuk negara ini, ada perkara-perkara yang perlu diperbaiki terlebih dahulu. Ada proviso-proviso dia, ada proviso-proviso dia tetapi jangan pula dipersoalkan, kenapa Sabah macam ini? Sarawak ini macam ini?

Baru-baru ini kita dalam meminda Sabah Labour Ordinance, Sarawak Labour Ordinance, kenapa ini tidak digunakan, ini input *implement act* sahaja. Tetapi inilah negara kita, beginilah negara kita dibina dan dalam proses itu. Dalam soal ini, saya ingin bertanya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Aku mahu tolong kau ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar, sebentar Jerai, saya bagi, nanti saya minta tolong kalau saya mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi Yang Berhormat Jerai.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya ingin minta bertanya. Masalah yang di hadapan kita sekarang ini adalah masalah air dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu mengatakan perlukah dengan kita pinda kertas ini sahaja, selesai masalah air?

Seorang Ahli: Tidak

Tuan Wildred Madius Tangau: Saya ingin bertanya, tidakkah boleh Kerajaan Persekutuan selesaikan hutang RM2 bilion Sabah itu tanpa pindaan ini? Apakah saya dari negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sabah ataupun kementerian tidak boleh masukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan-peruntukan ini selama lima tahun untuk menyelesaikan RM2 bilion itu? Tanpa ini dalam pembinaan negara, dalam membina negara Malaysia apakah tidak boleh?

Beberapa Ahli: Teruskan.

Tuan Wildred Madius Tangau: Itu persoalan-persoalannya kerana ia adalah perkara pokok. Sebab ini amat penting, adalah amat penting dalam bernegara.

Seorang Ahli: Ya, ya, saya setuju.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang Berhormat bagi Santubong mengatakan 'Okay, kita buat *Select Committee*'. Menjelajah seluruh negara meminta pandangan-pandangan dalam soal ini, saya bersetuju. Tetapi kekhuatiran saya ialah begini, berapa orang tahu fasal Perlembagaan Persekutuan? Berapa orang tahu?

Beberapa Ahli: Tidak tahu

Tuan Wildred Madius Tangau: Ada sahabat saya dari Universiti Malaya, kelulusan undang-undang dan apabila dibincangkan tentang Perkara 161 ini, boleh mengatakan saya ini *law student*. Ada satu mata pelajaran saya ambil – *Constitutional Law* tetapi tidak pernah pun saya nampak ini. Saya tidak tahu, dan tidak sedar adanya perkara ini. Saya cakap ini bukan salah Profesor, bukan salah kurikulum Universiti Malaya. Masalah dia, apakah kita mahu mengenali negara kita Malaysia ini? Bagaimana negara ini dibentuk? Itu persoalan dia. Atau kita sahaja mahu cuba memperlihatkan 'Ohhhh..semua mesti sama'.

Kenapa mesti perlu ada pasport dari Sabah ke Sarawak? Itu yang berulang kali dipersoalkan tetapi tidak pernah dipersoalkan dan ditanya kenapakah T.Y.T Sabah dan Sarawak tidak boleh dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, tidak boleh menjadi Yang di-Pertuan Agong?

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran bangun Yang Berhormat, hendak bagikah?

Tuan Wildred Madius Tangau: Nanti saya minta tolong kalau saya minta tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat bagi Beluran. Sila duduk.

Tuan Wildred Madius Tangau: Kenapa perkara itu tidak pernah ditanya, sebagai contoh, dan kita ini, kalau dahulu kita sebut perkara-perkara ini baru dikatakan, "Ini parokial, ini tidak setia pada negara". Persoalan dia katakan, sebenarnya dalam bernegara ini, dalam ketatanegaraan kita di Malaysia pada hari ini, apakah kita pada hari ini telah dibekalkan dengan semua ilmu-ilmu ini dalam sistem persekolahan kita. Apakah perkara, adakah perkara yang sengaja kita tidak mahu beritahu. Persoalan pada hari ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, dahulu kita buat, kita bina Malaysia ini bukan main-main, tahun 1963, bukan semua negeri di Semenanjung bersetuju. Kerajaan Negeri Kelantan membantah, membawa Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj ke mahkamah, Kerajaan Negeri Kelantan tidak dirunding terlebih dahulu sebelum membawa perkara ini. Sehingga begitu dan kalau mahu Sabah dan Sarawak, kalau kira dalam *business* buat perjanjian, 'Oh, kalau sudah macam ini, ada negeri-negeri hendak 'biarlah, jangan jadi' dahulu. Biar kita Merdeka dahulu, macam Brunei, lepas itu baru kita mahu runding, fikirkan macam mana mahu bersama-sama dalam satu Persekutuan yang baru. Kita boleh buat begitu, tetapi kita mahu juga Sabah dengan Allahyarham Tun Fuad, anak Sabah sendiri sebagai Pengerusi *Malaysian Consultative Council* dan memang dari Sarawak, Tan Sri Ong Kee Hui dan sebagainya.

Niat kita itu begitu baik. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang persoalan kita pada hari ini ialah selepas lebih 30 tahun, lebih 40 tahun, selepas 40 tahun negara ini dibina yang bernama Persekutuan Malaysia, apakah aspirasi-aspirasi serta jaminan-jaminan yang telah diberikan kepada Sabah dan Sarawak pada ketika itu, sudah selesai. Ada sedikit kekhuatiran. *There was a certain fear*. Persoalan dan *suspicion*, persoalan dia sekarang ialah *has that fear been adequately addressed?*

Hari ini tempat saya masih lagi banyak kampung yang belum ada jalan raya. Banyak lagi kampung yang tiada lagi bekalan elektrik, tiada air. Itu persoalan-persoalan dia. Jadi, hari ini saya tidak mahu memanjangkan cerita, kita tetap sokong, kita undi ini dan selepas itu saya tidak mahu ada ura-ura yang mengatakan, yang katakan, 'Oh, Sabah ini dikecualikan. Sarawak kini pengurusan dia baik sedikit, banyak sedikit duit dia dari Sabah'. Itu saya tidak mahu komen sama ada baik atau tidaknya pengurusan.

Tetapi, cuma saya mahu bagi tahu satu perkara. Ini fasal elektrik Sabah dahulu, kita serah kepada Persekutuan. Dahulu Lembaga Elektrik Negara, sekarang jadi TNB. Sekarang TNB menjadi SESB, jadi syarikat juga. Hari ini masalah elektrik, kalau tidak salah saya juga telah diberikan kepada Persekutuan. [*Tepuk*] Empat kali mati dalam sehari. [*Tepuk*] Lagi teruk begini. Saya pun manusia juga, kita ini standard Malaysia punya pengurusan. Siapa baik atau tidak baik itu...

Seorang Ahli: Tidak tahulah..

Tuan Wildred Madius Tangau: Tidak tahulah, [*Ketawa*] siapalah, kita masih melatih.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Wildred Madius Tangau: Aiii, di Kuala Lumpur ini baru satu kali sudah bising. Tetapi, saya kasihan juga Perdana Menteri, dia sedang makan, nasib baik tiada tulang, dalam keadaan gelap. Berapa jam? Dua atau tiga jam. Tetapi, di Sabah...Oh, jangan cerita pasal komputer rosak. Ini soal pengurusan kita orang Malaysia. Sekolah kita pun sama tempat. Luar negara sikit, England atau Australia, Amerika, mereka sama sekolah di sini. Sama. Soal kewangan, pengagihan kewangan. Pengagihan. Nanti kalau di Sabah diberi sedikit peruntukan dan cakap, "Oh,,,jangan cakap banyak, *under the Eighth Malaysia Plan we have given you RM7 billion.*" dia cakap. Tetapi dia tidak tanya, "Okay, syukurlah, RM7.0 billionkah, RM10.0 billionkah, syukurlah". Tetapi dia cakap, "Bagaimanakah sistem pencapaian dia, jentera pentadbiran Persekutuan dan negeri". Kaji itu, jangan balik-balik menyalahkan kita orang, seolah-olah kita tidak setia. Oooi, kita orang setia.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Wildred Madius Tangau: [*Ketawa*]. Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Wildred Madius Tangau: Ya, ya saya mahu gulung. Kemudian duit itu, yang kita gihkan ini pun, sumbangan kita pun banyak juga - PETRONAS.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Wildred Madius Tangau: Kita dapat 5% sahaja. Sarawak juga. *[Disampuk]* Ya, banyak berjasa. Kita bagi juga sama rata. Kemudian, kita meminta dalam bentuk lain. "Okay, you tidak boleh bagi lima peratus dalam bentuk duit, bagilah dalam bentuk industri. Di mana dia? Petrochemicalkah apa, mana dia? Tertinggal juga. Okay, FELDA, luas kita orang bagi – 200,000 lebih hektar. Industri mana? Hiliran di Sabah mana?"

Jadi inilah, saya minta mengenai kekhawatiran orang-orang Sabah, bila tidak termasuk dalam pindaan ini dan Sarawak juga, tolonglah. Jangan cakap, "Oh, Sarawak ini banyak duit, tidak perlu bagilah. Jangan. Kalau ada cakap-cakap sebegini, ada suara-suara sumbang, kita dengar begitu, dan oleh kerana kamu tidak bersetuju, nanti kamu sendirilah cari duit itu". Wah, jangan begitulah. *[Ketawa]* Kita ini satu negara, kita sumbang duit sini tahu. *[Ketawa]* Banyak duit kita bagi. Jangan cakap begitu.

Yang perlu sekarang, saya mohon, saya mencadangkan kepada Kementerian yang menyelia air ini supaya diadakan satu mekanisme. Jangan fikir SPAN sahaja kerana dari Perlis ke Johor itu sahaja yang SPAN, yang lain itu tidak perlu difikirkan, itu negeri punya hal. Tolong jangan. Jangan begitu. Ingat, kita menuju ke Wawasan 2020, tahun 2020, kita menjadi negara maju. Kalaulah tanah seluas lebih 200 km persegi itu, yang merupakan hampir 70% daripada tanah Malaysia ini, Sabah dan Sarawak tidak maju, Malaysia ini tidak mencapai status negara maju, tahu. Ingat, ingat. Jangan ingat Klang Valley sahaja yang maju. "Oh, kita sudah maju." Jangan ingat, jangan. Balik-balik sini. Kalau maju, kalau budak-budak masih bangun pukul 3 pagi, berjalan kaki pergi ke sekolah, siapa yang banget, siapa yang malu? Okay, okay. Yang Berhormat bagi Jerai tadi mahu bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya mahu minta kau sabarlah sekejap bah ini. Aku mahu kasi tahu juga. *[Ketawa]* Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ini bahasa Sabah. Aku tahu perasaan kau itu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya merasai perasaan yang dirasai oleh rakan-rakan saya di Sabah dan juga di Sarawak. *[Tepuk]* Dalam ASEAN kita berbincang apabila satu hari nanti dari Malaysia hendak pergi Indonesia atau pergi Thailand, tidak payah pakai pasport kita boleh keluar masuk. Tetapi sekarang dalam Perlembagaan kita, saya hendak ke Sabah saya kena pakai kad pengenalan ataupun pasport. Jadi, bagaimanakah... *[Disampuk]* IC, IC! Bagaimanakah mereka hendak merasai yang kita ini satu negara?

Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak, ia satu rumpun kita ini. Jadi, apa sahaja rang undang-undang yang hendak diluluskan, pindaan yang hendak diluluskan, saya kira sepatutnya, Yang Berhormat bersetuju atau tidak setuju, kita masukkan kesemuanya. Jangan separuh masuk, separuh tidak masuk, tidak sedap, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini pandangan saya daripada pihak kerajaan. Saya menyokong pandangan-pandangan...

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...rintihan-rintihan. *[Ketawa]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Di samping itu juga, Yang Berhormat bagi Tuaran...

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, cukup, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...kita akan cadang kepada kerajaan...

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih ya? Jadi, kau setuju itu? *[Ketawa]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Nanti dahulu.

Seorang Ahli: Biar dia jawab, dia jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Begitu juga Sarawak, Ketua Menteri Sarawak pun ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat bagi Jerai, sila duduk Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi kalau boleh kita pakat. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, terima kasih itu.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang Berhormat bagi Jerai, ingat mahu bantu tadi, ini mempersoalkan pula. *[Ketawa]*

Datuk Anifah bin Aman: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, Timbalan Menteri, sila.

Datuk Anifah bin Aman: Saya ingat Yang Berhormat bagi Jerai juga ingin membantu. Yang Berhormat bagi Jerai sebenarnya waktu muda-muda dahulu, Yang Berhormat bagi Jerai tinggal di Sabah begitu lama sekali dan saya rasa Yang Berhormat bagi Jerai langsung tidak mempunyai apa-apa masalah biarpun dikehendaki untuk mengeluarkan pasport dan IC. Tetapi Yang Berhormat, saya telah pun mendengar sedikit sebanyak huraian Yang Berhormat.

Saya ingin tanya satu sahaja. Adakah kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi itu adalah hasil daripada kepimpinan daripada negeri Sabah itu sendiri atau sebaliknya? Itu sahaja saya hendak tanya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini soal membina negara. Kalau dilihat dari segi Kerajaan Negeri Sabah, berapa kali sudah bertukar, Ketua Menteri pun sudah bertukar. Sudah boleh dibilang, boleh bikin satu kelab untuk ketua-ketua menterinya. Jadi, persoalan sekarang, kita ini bersyukurlah. Kita bersyukur, kita ini Barisan Nasional, asas sudah ada, kita bina dari situ. Yang kita perlu sekarang sefahaman sahaja, itu sahaja. Kita faham satu sama lain, jangan ada merasakan itu dan ini, jangan ada yang berasa kesal, macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kita pun mahu juga sama, tetapi di dalamnya ada perkara-perkara pokok yang perlu juga kita lihat.

Jadi saya tidak mahu memanjang lebarkan, cuma dalam soal pelaksanaan nanti, yang pindaan dalam soal warisan ini juga kita alu-alukan. Cuma saya ingin bertanya, selepas ini nanti, bagaimana pula pengurusan-pengurusan kita? Kita ini pun mempunyai muzium sendiri. Muzium di Sarawak adalah antara yang terbaik di dunia. Jadi bagaimana pula ini nanti? Apakah peranan kerajaan negeri untuk mentadbir soal-soal muzium ini? Apa pula peranan kerajaan negeri?

Dalam soal-soal warisan budaya, *cultural heritage*, di negeri Sabah kita sudah jadikan meliau basis sebagai *cultural heritage*. Ini *double protection*. Sudah pun ada dalam perundangan perhutanan dibuat, kita buat lagi melalui Enakmen Warisan Budaya, kita buat lagi. Jadi dalam hal ini, apa pula peranan Kerajaan Persekutuan? Saya ingin penjelasan dalam hal ini supaya jangan pula kita buat satu pindaan ini, selepas itu bercelaru lagi. Macam sekarang ini ada kecelaruan dari segi di negeri Sabah, ini kita ada menteri-menteri, Sabah ada menteri, Sarawak ada menteri, di sini ada menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Jangan pula tidak ada penyelarasan. Kita ada Menteri Kebudayaan di Sabah dan Menteri Kebudayaan di sini, jangan tidak ada penyelarasan, rojak. Lepas itu ada duit peruntukan tetapi tidak boleh dilaksanakan tepat pada sasaran. Ini persoalan-persoalannya. Jadi itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

11.55 pagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan dan Kesepuluh bagi memberi laluan kepada Kerajaan Persekutuan dalam perkhidmatan dan pengurusan air dari aspek rawatan dan agihan, sementara kerajaan negeri terus kekal tanggungjawabnya terhadap sumber air dan kawasan tadahan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuannya adalah untuk membolehkan sektor perkhidmatan air ditingkatkan ke tahap yang lebih baik. Pada hemat saya, jika terancang dan dilaksanakan sebaiknya, ia membolehkan kemudahan perkhidmatan air dibangunkan sepenuhnya daripada pengawalan sumber air supaya tidak tercemar, penggantian paip lama yang sering bocor sehinggalah mempertingkatkan kemudahan loji rawatan bagi membolehkan air yang bersih kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat Malaysia nanti-nanti pengurusan, pentadbiran dan kemudahan perkhidmatan air dapat dirancang dan dilaksanakan, dikawal selia dan dipertingkatkan dari masa ke semasa tanpa dihalang isu lapuk seperti pertindihan kuasa, kelewatan kerana kerenah dalam sistem birokrasi bagi meluluskan sesuatu cadangan dan kekurangan peruntukan. Diharap pindaan ini dapat menyelesaikan masalah lapuk ini dengan pendekatan bersepadu menerusi pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang dicadangkan sejak beberapa tahun lamanya, jika boleh menyelesaikan permasalahan penywastaaan bekalan air perlu cepat dibentangkan. Sebarang kelewatan hanya akan mendatangkan keraguan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor telah menyaksikan upacara menandatangani perjanjian konsesi-konsesi penywastaaan Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) dengan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) pada Disember tahun lalu. Penywastaaan pengurusan air ini telah disifatkan dan dianggarkan sebagai langkah yang terbaik untuk semua pihak. Amanah dan harapan rakyat kebanyakannya tersandar di bahu pihak yang terlibat seperti Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan syarikat pengeluar air boleh membekalkan air yang bersih mencukupi kepada kadar tarif yang tidak membebankan rakyat hendaklah jangan sekali-kali diabaikan. Kesilapan masa silam jangan dibiarkan berulang.

Tuan Yang di-Pertua, krisis air yang melanda Lembah Klang pada tahun 1998 telah memberi satu pengajaran dan pengalaman pahit kepada rakyat yang berkenaan. Kerajaan Negeri Selangor pernah mengambil tindakan untuk melaksanakan projek Sungai Selangor untuk menampung bekalan air dari skim ini. Walaupun begitu projek Sungai Selangor hanya dapat menampung keperluan air sehingga ke tahun 2008 kerana negeri Selangor begitu pesat pembangunannya dan perlukan air yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ini di Lembah Klang pada tahun 1998 mungkin berulang pada tahun 2008 sekiranya masalah ini tidak ditangani dan diselesaikan dengan baik. Pihak yang terlibat sebenarnya duduk semeja berpakat dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Contohnya, cadangan projek pemindahan sumber air mentah daripada negeri Pahang ke negeri Selangor secara dengan kajian sumber air negara dari tahun 2000 hingga tahun 2050 yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan supaya krisis bekalan air tidak berulang semula.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dibangkitkan iaitu walaupun penswastaaan telah dilakukan di negeri Selangor pada 1 Januari tahun ini tetapi saya hendak membangkitkan semula. Semasa sebelum penswastaaan yang dikendalikan oleh Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) ini, satu kadar caj kepada *apartments* ini telah meningkat sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati kepada penghuni-penghuni *apartments* ini. Sebenarnya pada bulan Julai tahun 2004, pihak PUAS telah menjalankan kadar caj air supaya *apartments* itu menaikkan tambah sehingga RM1.20 semeter padu.

Sebenarnya dua jenis kod caj yang telah diwujudkan dalam negeri Selangor untuk kondominium dan pangsapuri. Kod caj yang dikenakan kepada kondominium ialah RM1.20 setiap meter padu iaitu di bawah kod 17. Kod 18 yang dikenakan RM0.70 untuk *apartment* sederhana dan rumah kos rendah. Tetapi dengan demikian PUAS telah menggunakan kaedah apa yang dikatakan mendefinisikan semula untuk mengubah kadar caj air dari jenis kod 18 ke kod 17 ke atas *apartments* sederhana iaitu dari RM0.70 semeter padu dinaikkan RM1.20 meter padu.

Ertinya, pertambahan yang begitu nyata ke atas penghuni-penghuni di *apartments*. Apa salahnya pihak kementerian yang kini di bawah pentadbiran Syabas perlu dikaji semula supaya kod 17 boleh terus dikekalkan untuk kondominium dikenakan caj RM1.20 meter sepadu dan *apartments* sederhana boleh ikut satu kod yang baru, kenakan caj di antara RM0.70 hingga RM1.20 di antaranya yang lebih munasabah untuk mereka dan kod 18 dikekalkan untuk rumah pangsa di mana orang miskin yang tinggal di rumah pangsa boleh mendapat air yang lebih munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian penswastaaan dilakukan di negeri Selangor di atas Syabas ini saya mintalah pendirian kementerian sama ada kajian ini dapat di caj semula ke atas *apartments* sederhana supaya satu kadar yang munasabah yang dikenakan kepada penghuni di *apartments* sederhana supaya tidak melambung naik begitu banyak, tinggi di mana menimbulkan rasa tidak puas hati daripada penghuni-penghuni *apartments* di Hulu Selangor ini. Jadi, dengan demikian saya menyokong pindaan ini.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran.

12.04 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang undang-undang Perlembagaan Pindaan 2004 yang menyentuh tiga perkara iaitu yang pertama ialah cadangan untuk menaikkan umur pesara wajib hakim-hakim daripada 65 kepada 66 tahun. Yang kedua ialah berhubung dengan cadangan kerja-kerja pemprosesan dan penjagaan air dan yang berkaitan dengan ini diambil alih oleh Kerajaan Pusat ataupun Persekutuan. Yang ketiga ialah berkenaan dengan pengawalan warisan diuruskan bersama oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang menaikkan umur pesara wajib bagi hakim-hakim daripada 65 kepada 66 tahun, saya bersetuju dan menyokong cadangan pindaan ini dengan harapan yang pertama, akan terdapat lebih ramai hakim-hakim yang berpengalaman dalam terus mengendalikan kes-kes mahkamah negara ini. Yang kedua, saya juga berharap supaya kes-kes mahkamah yang sering kita terbaca di dalam surat khabar yang tertunggak dan lambat dibicarakan akan dapat diselesaikan dengan segera dan mereka yang bersalah dapat dihakimi dengan secepat mungkin. Yang ketiga ialah dengan adanya kenaikan umur bersara wajib ini daripada 65 kepada 66, kita yakin dan kita berharap supaya imej dan kewibawaan institusi kehakiman negara ini akan lebih dibanggakan dan tidak diragui oleh rakyat.

Namun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan dan jangan pula kita nanti akan terus terjadi ada hakim-hakim yang muda yang sepatutnya sudah sampai masa untuk mereka naik pangkat, dinafikan kenaikan pangkat mereka akibat daripada bertambahnya atau naiknya umur bersara ini daripada 65 kepada 66 tahun. Apa yang membimbangkan kita ialah mungkin oleh kerana adanya mereka yang berpengalaman yang telah melebihi 66 tahun ini akan diambil pula secara kontrak yang menyebabkan

peluang mereka yang lebih muda yang berkecukupan dinafikan perkhidmatan mereka. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong cadangan pindaan ini dan kita berharap supaya institusi kehakiman di negara kita ini akan lebih cemerlang dan gemilang.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Menyentuh tentang....

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia baru topik yang pertama Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Yang pertama, saya sokong satu persatu. Yang kedua ialah menyentuh tentang penyerahan hal pengurusan air kepada Kerajaan Pusat. Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anak rakyat yang banyak air, saya daripada negeri Pahang dan negeri Pahang negeri banyak air. Sungaiinya besar dan sudah tentu saya merasa ragu untuk saya menyerahkan sumber negeri saya ini kepada orang lain yang belum pasti apa yang akan terjadi. Sebab itulah saya bersetuju dengan sahabat-sahabat saya yang lain yang mencadangkan meminta supaya pihak Kerajaan Persekutuan memberikan kepastian supaya pengurusan air ini apabila diambil daripada kerajaan-kerajaan negeri tidak akan merugikan khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa bekalan air dan masalah air di negara di seluruh negeri di negara kita ini agak serius dan rata-rata masalah kerugian air melebihi daripada 40% maka walaupun saya daripada negeri Pahang dan saya kira sampai masanya saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana sungguh-sungguh untuk membantu kerajaan negeri dalam mengatasi masalah perkhidmatan air kepada masyarakat luar bandar.

Kita lihat rata-rata Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri masih tidak mampu untuk mengatasi masalah bekalan air ini. Masalah perkhidmatan air kepada masyarakat luar bandar - paip-paip bocor di merata-rata tempat, loji-loji air tidak dapat diupgrade di banyak tempat dan akhirnya mengakibatkan masyarakat luar bandar tidak mendapat perkhidmatan air yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, di Pahang kalau kita kira anggaran lebih kurang 7,000 hingga 12,000 km paip-paip air yang perlu dibaiki dan diganti. Ini tidak termasuk loji-loji air yang perlu dinaikkan tarafnya. Sebab itulah tidak hairan kalau lebih 40% air yang keluar daripada paip-paip yang pecah di merata-rata tempat. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya apabila perlembagaan ini dipinda dan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bersama-sama akan memastikan supaya faedah daripada pindaan Perlembagaan ini dan urusan proses air ini diambil oleh Kerajaan Persekutuan ianya benar-benar akan kembali kepada masyarakat luar bandar yang memerlukan perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh di Maran sahaja. Bagi tempoh yang kita jangkakan dalam tahun 2005, kita perlukan lebih kurang RM30 juta bagi membaik pulih ataupun memperbaiki perkhidmatan air di kawasan Parlimen Maran.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kerajaan negeri dan namun demikian, saya ingin mengingatkan kepada kerajaan agar matlamat pindaan Perlembagaan ini mestilah yang pertama, bukan bermatlamat untuk memberikan mana-mana pihak mendapatkan keuntungan kepada syarikat yang mereka miliki kerana menguasai perkhidmatan bekalan air ini nanti yang keuntungan dan hasil daripada bayaran air yang dikenakan kepada pengguna-pengguna dan khususnya masyarakat luar bandar.

Yang kedua, kerajaan hendaklah memastikan harga air tidak akan dinaikkan sesuka hati walaupun kita mendapat *response* daripada kerajaan bahawa dua tahun, insya-Allah harga air ini tidak akan dinaikkan.

Yang ketiga, saya berharap supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang akan dibentuk nanti terdiri daripada mereka ataupun ahli-ahli lembaga dan penerajunya terdiri daripada mereka yang benar-benar mempunyai jiwa rakyat dan bukan terdiri daripada orang-orang yang hendak mengambil peluang daripada pengwujudan SPAN ini. Saya berharap supaya SPAN ini nanti akan dapat merancang

program-program pembangunan bekalan air ke luar bandar yang lebih teratur dan jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil contoh satu. Bekalan air di FELDA-FELDA yang ada sekarang sebenarnya dirancang adalah bagi tempoh sepuluh tahun. Paip air yang ada sekarang ini sepuluh tahun sahaja bahkan bekalan air di FELDA sekarang telah melebihi sepuluh tahun dan perancangan bagi bekalan di FELDA ini sebenarnya adalah bagi jumlah bilangan penduduk ialah untuk lima orang bagi satu keluarga sedangkan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, bilangan generasi FELDA telah sampai kepada generasi ketiga.

Maknanya kalau satu keluarga mempunyai lima orang anak, sudah 15 orang di rumah masing-masing. Ini bermakna, apabila sampainya waktu hari raya, mereka pulang ke kampung masing-masing, sudah tentulah bekalan air tidak mencukupi, ditambah pula dengan kemudahan bekalan air dari segi paipnya, loji dan sebagainya tidak sempurna menyebabkan banyak kawasan bahkan sebahagian besar kawasan FELDA ini tidak mempunyai bekalan air yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang perkhidmatan bekalan air di Sabah dan Sarawak. Semalam kita telah disuarakan oleh wakil-wakil daripada Sabah.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sekejap ya, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Masalah pengurusan yang selalu menjadi kesangsian bukan sahaja Ahli Parlimen. Pagi tadi saya sempat menonton TV3 yang telah menjemput seorang tokoh yang mengendalikan urusan air terutamanya di Selangor yang menyebut bahawa kemungkinan kenaikan kadar air ini adalah disebabkan *maintenance* dengan izin, hendak ganti paip dan sebagainya.

Jadi saya mencadangkan kita ada badan-badan di setiap peringkat yang dimiliki oleh kerajaan. Contohnya Dewan Bandaraya, sekarang Menteri ada di sini. Serah sahaja kepada Dewan Bandaraya untuk menguruskan masalah air ini, mereka ada kepakaran, buat apa lagi hendak tubuhkan syarikat lain, konsortium lain, berebut-rebut? Yang dapat suka, yang tidak dapat macam mana? Saya ingat Yang Berhormat bagi Kota Bharu pun setuju.

Di peringkat daerah kita ada Majlis Perbandaran; Taiping dan sebagainya, di Beruas umpamanya kawasan Menteri, ada Majlis Daerah, serah kepada mereka ini untuk mengurus. Kita ada pemimpin-pemimpin tempatan, mereka boleh menduduki dalam majlis-majlis daerah, dalam majlis-majlis dewan bandaraya seperti di Kuala Lumpur, cukup luas skopnya. Jadi setuju atau tidak Yang Berhormat supaya pemantauan ini lebih tepat dilakukan supaya tidak timbul kesangsian ke atas mana-mana syarikat yang akan mengendalikan atau menguruskan pengurusan air ini selepas tertubuhnya Suruhanjaya Pengairan Negara ini, setuju atau tidak?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya sebenarnya bersetuju dan tentang pembentukan SPAN ini pun saya bersetuju tetapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah kita boleh memberikan jaminan bahawa SPAN yang ditubuhkan ini akan memberikan kepastian kepada kita bahawa mereka tidak mengambil peluang daripada penubuhan ini yang akhirnya merugikan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali kepada pembekalan air di Sabah dan Sarawak. Kita telah mendengar suara yang agak *emotional*, bukan *emotional* tetapi sebenarnya dia mempunyai semangat kenegaraan, bernegara, daripada Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran tadi.

Saya juga ingin bertanya, sebenarnya dalam soal ini, kenapa perlu kita membezakan antara Sabah dan Sarawak? Sabah dan Sarawak juga negara Malaysia. Biarlah rakyat di negara ini dapat faedah yang sama. Kenapa Yang Berhormat bagi Kinabatangan umpamanya menyuarakan suara-suara yang lantang? Kerana dia berasa kecewa dengan apa yang berlaku di tempat dia. Ini yang kita pentingkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada kerajaan dapat memberikan perhatian ini. Jika perlu seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran,

kita pinda Perlembagaan. Apa yang tidak boleh dipinda Tuan Yang di-Pertua, kecuali Al-Quran dan Hadis; itu pun kadang-kadang ada orang hendak pinda. Ini Perlembagaan bikin kita, kita boleh buat kalau kepentingan masyarakat kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kerajaan dapat mengkaji dan meneliti perkara ini supaya tidak timbul konflik antara kita. Kita sudah tengok suara-suara yang tidak seronok didengar dan perkara ini terus kita bendung dan kita harap adanya Sabah, adanya Sarawak, adanya Persekutuan ini, kita harap Kerajaan Persekutuan dan kita mempunyai Perlembagaan yang merupakan undang-undang tertinggi perlu memastikan bahawa kita dapat mewujudkan integrasi yang baik antara ketiga-tiga Sabah, Sarawak dan juga Persekutuan ini. Pada saya tidak ada sebab mengapa kita hendak bezakan kerana mereka juga rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang mungkin kita mempersoalkan dari segi kuasa; mungkin Sabah dan Sarawak menyentuh tentang kuasa. Tuan Yang di-Pertua, apalah ada pada kuasa? Kuasa yang ada pada kita ialah diberi oleh rakyat. Kalau kita tidak boleh menggunakan kuasa ini, suatu ketika nanti, rakyat akan buang kuasa kita. Sebab itulah saya minta benar-benar kepada kerajaan supaya dalam meminda Perlembagaan ini kita dapat memikirkan supaya semua pihak bukan sahaja di Semenanjung bahkan di Sarawak dan Sabah dapat faedah yang sama termasuklah aspek-aspek yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh yang terakhir ialah tentang pengurusan warisan ini. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya kira prihatin tentang perlunya wujud masyarakat di negara ini yang lebih berpersonaliti, berperibadi mulia, berakhlak mulia, berbahasa yang indah dan tambah pula dengan lahirnya seorang Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang mempunyai idea yang baik, yang telah melahirkan suatu pandangan yang baik bagi kita membina balik generasi muda khususnya pada masa ini untuk kita menentukan masa hadapan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah diperkenalkan, telah hadir sama dalam Majlis Pelancaran Budi Bahasa di negara kita. Saya lihat mesej yang dibawa oleh Perdana Menteri kita dan mesej yang dibawa oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sungguh cantik dan baik sekali. Saya harap semua kita Ahli Parlimen khususnya dengan pemimpin di seluruh lapisan masyarakat dapat menghayati hasrat ini kerana kalau tidak kita akan melahirkan pemimpin-pemimpin kita dan rakyat kita yang tidak berbudi dan tidak berbahasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di mana-mana ramai anak muda yang tidak hormat lagi kepada ibu mereka. Ramai anak-anak muda yang tidak hormat lagi kepada orang tua, apatah lagi kalau orang tua tegur sahaja budak-budak muda ini umpamanya pelumba-pelumba haram ditegur sahaja oleh pemimpin kampung kita, maka siaplah pemimpin itu akan dikerjakan oleh orang muda ini. Ini sebenarnya menunjukkan bahawa kita tidak ada lagi nilai-nilai warisan yang kita pegang selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, janganlah kita tekankan warisan dari segi fizikal sahaja; bangunan-bangunan lama seperti Famosa dan banyak istana ataupun rumah lama yang perlu kita pertahankan. Pada saya yang penting ialah ini dia, kita mempertahankan budaya dan budi bahasa anak-anak muda yang insya-Allah mereka ini nanti akan mempertahankan warisan-warisan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah itu, saya dengan penuh harapan saya menyokong ketiga-tiga pindaan ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai lagi yang hendak berucap? Kalau hendak bagi peluang semua, memang masa agak terhad. Kita kena habiskan jam 1.00, kalau Yang Berhormat setuju, saya hendak hadkan masa lebih kurang enam minit seorang, sebab kita ada sebanyak mana yang mungkin. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands untuk berucap.

12.19 tgh.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bercadang untuk berbahas banyak sangat mengenai air kerana banyak yang telah diperkatakan, cuma ingin saya memperkatakan bahawa perkembangan dunia sekarang dari segi mikro global. Amerika Syarikat sedang berbincang mengenai penerokaan angkasa lepas, *space and aviation* untuk menjajahi dunia dari konteks yang berbeza. *Cloning* yang akan menjadi cabaran yang serius dalam dunia perubatan kepada warga dunia, nuklear, masalah *non-fertilization* dan *nuclear disarmament*, dengan izin yang masih menjadi impian, belum jadi realisasi dan masalah *terrorism* ataupun keganasan yang semakin serius dan salah satu yang dianggap, yang mungkin akan menjadi punca perang dunia adalah air, krisis air di dunia.

Maka, sekiranya *management*, pengurusan air ini tidak dilihat secara makro dan dimikrokan, mungkin kita juga akan terseret dalam krisis sebegitu yang mungkin menjadi mudarat kepada negara Malaysia. Maka, saya amat setuju bahawa pengurusan air ini sesuatu yang begitu serius dan perlu ditangani oleh pihak-pihak yang mempunyai kepakaran. Dan siapa lagi yang akan menjaganya? Sudah tentu Kerajaan Malaysia. Saya yakin Perdana Menteri kita, saya yakinlah dengan caranya, dengan perwatakannya, kami pasti bahawa segala penyalahgunaan itu tidak akan berlaku. Luahan itu, yang begitu lantang disuarakan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen, rakan seperjuangan saya, akan dapat didengari oleh pihak-pihak yang tertentu yang terlibat.

Dengan itu, satu perkara lagi yang ingin diperkatakan bahawa, di tempat saya Cameron Highlands, 40% daripada airnya, yang diambil daripada sumber dan dibekalkan kepada pengguna, kerugiannya 40% kerana kebocoran, kerana pili-pilinya sudah 60 tahun, 70 tahun. Maka, itu satu masalah yang serius walaupun kita dapat mengambil sumber air yang begitu banyak, tetapi sudah bazir 40% di bawah tanah. Ini juga akan menjadi satu isu yang besar.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Kawasan saya 62.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: 62 di kawasan Putatan kononnya. Maka, untuk membaik pulih segala-galanya, mengikut Menteri Besar kita, memerlukan RM1.2 bilion untuk mewujudkan satu rangkaian pili baru. Maka, inilah satu lagi masalah yang cukup besar. Sekiranya sumber air ini sudah diperbetulkan dan dibekalkan, tetapi dalam proses pembekalan itu, segala-galanya bazir belaka. Maka, balik kepada suara Yang Berhormat bagi Sri Gading, "*Indah khabar dari rupa*". Maka, kita balik kepada konsep.

Saya beralih daripada air ini, hendak berbicara sedikit mengenai warisan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Sekejap sahaja. Saya pun tidak ada masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Seminit sahaja. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, baru balik daripada menghadiri Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu, terdedah kepada dunia global. Apakah Yang Berhormat melihat adanya pengurusan baru ini? Mungkin mereka ada ikatan dengan mana-mana perbadanan yang besar-besar daripada luar negara, boleh mengakibatkan penjajahan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, boleh juga turut dilakukan melalui air. Umpamanya, dimasukkan racun kalau tidak betul-betul jaga dan ini boleh juga menyebabkan berlakunya suasana sosial yang lebih teruk lagi. Lebih teruk daripada Tsunami. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya rasa tidak mungkin kerana kita sudah berjaya keluarkan Guthrie daripada genggam kolonialisme. Maka, kita arah ke hadapan, *independent* dari segi pembangunan dan kemerdekaan kita. Saya rasa, Parlimen sini mempunyai golongan-golongan yang begitu kuat bersuara dengan semangat nasionalisme yang begitu serius dan kita tidak akan benarkan hal itu berlaku. Yang tersurat dan tersirat akan sama-sama kita siratkan. Maka, itulah jaminan saya. Saya ingat semua setuju dengan saya.

Saya balik kepada pemuliharaan warisan. Saya amat setuju bahawa perkara ini dapat dibawa kepada peringkat Persekutuan kerana jadual....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhshan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam?

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Minta maaf saudara. Yang Berhormat, saya minta maaf, kerana banyak ini. Saya sudah enam minit. Saya banyak hendak cerita. *Sorry* ya.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua....

Beberapa Ahli: Gulung, gulung! Sila gulung!

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Warisan ini saya rasa begitu penting kerana dari segi satu sejarah, *context authenticity* dan kejituan fakta-fakta sejarah. Baru-baru ini dipersoalkan. Contohnya, "Sejarah Melayu" yang ditulis oleh Shellabear pada 1612. Ada fakta-fakta dalam buku-buku sekarang yang mempunyai fakta-fakta yang berbeza daripada sumber-sumber asli yang sedia ada. Maka, segala kekurangan seperti ini dapat diperbetulkan oleh kementerian berkenaan sekiranya akta ini dapat diluluskan. Maka, memang lulus. Maka, saya mohon supaya dikaji semula semua fakta-fakta yang sedia ada supaya fakta yang penuh kejituan itu tidak dilonggarkan daripada perspektif sebenarnya.

Maka, konsep *unity in diversity* yang sudah disuburkan oleh sejarah negara untuk orang Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak perlu disuburi, perlu dipelihara supaya generasi masa hadapan tahu benar-benar apa yang berlaku. Saya bagi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks nasionalisme, sumber negara. Kalau kita lihat, Melaka memulakan bab satunya daripada 'Macedonia dan Raja Suran'. Raja Suran dikatakan mempunyai satu *well-enhanced world view* yang begitu besar sekali ke arah membina satu negara kota yang begitu dahsyat. Kemudian dia balik, kejatuhan Melaka adalah kerana wanita, kuasa dan wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Itu yang digambarkan. Cukup habiskah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, dua minit sahaja. Saya minta tolonglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, gulunglah. Satu minit lagi.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Tidak sampai nanti. Ke tangan sahaja, tidak sampai ke mulut. Mintalah, dua minit tambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cepatlah.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Okay. Maka saya rasa dari segi nasionalisme, maka tugu-tugu negara, sumber-sumber ini perlu diserlahkan kepada generasi muda. Walaupun ada kajian tempatan di peringkat sekolah, tetapi pelajar itu membaca sebagai satu *knowledge-based*. Dia tidak menghayatinya. Macam di Washington DC, *Declaration of Independence*, Thomas Jefferson. "Everybody is equal" Abraham Lincoln dengan izin, dapat membangkitkan semangat nasionalisme rakyat Amerika. Maka, kita tidak gunakan segala itu untuk membahayakan kejiwaan Malaysia dalam kalangan rakyat kita.

Maka, perpaduan itu begitu penting sekali. Nasionalisme itu begitu penting sekali. Maka, segala sumber-sumber ini perlu dikaji semula dengan sumber input kewangan, pengurusan dan kepakaran *archaeology* dan juga dari segi sumber harapan supaya warisan itu dapat digunakan untuk pembangunan insan. Bukan hanya sebagai seperti yang dikatakan, sebagai replika sejarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Berhenti dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Tidak boleh dah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adoi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Rantau Panjang.

12.27 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bercakap berkenaan dengan pindaan Jadual Kesembilan dan juga Jadual Kesepuluh. Tegasnya, pindaan ini melibatkan *substantial* dan *fundamental* di dalam Perlembagaan negara kita sekarang ini. Saya dengan jelas mengatakan pindaan ini bagi saya, curiga dan bimbang dengan cara pengalihan kuasa dan hak oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Pusat daripada kerajaan negeri. Itu jelas. Saya ulang sekali lagi. Pengambilan pindaan Jadual Kesembilan dan Jadual Kesepuluh ini bagi saya ialah curiga dan bimbang sekali, terutama sekali kepada rakyat di masa hadapan ini.

Ini kerana apa yang berlaku pada tahun 1974 dahulu, kuasa cari gali minyak dari negeri-negeri khususnya di Kelantan telah bertukar tangan kepada Kerajaan Pusat melalui pindaan Perlembagaan. Tahun 1974. Ini semua orang tahu, sejarah yang menyebabkan kita, negeri-negeri menderita kerana kuasa ini telah ditarik balik oleh Kerajaan Persekutuan.

Dalam tahun 1980-an, kekebalan Raja-raja Melayu juga dicabuli dan semua yang terlepas angkara daripada pimpinan wakil itu ada yang gila kuasa. Ini sejarah. Sekarang, sampai pula kepada Jadual Kesembilan dan Jadual Kesepuluh akan dipinda hasil daripada perkara-perkara yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi. Walaupun kelemahan pentadbiran akhir-akhir ini, sebahagian besarnya dituju kepada Kelantan, tetapi apabila berlaku pindaan jadual ini, barulah kita merasai bahawasanya bukan Kelantan yang menjadi masalah besar tetapi termasuk negeri-negeri yang lain.

Kalau kita lihat dari segi latar belakang pindaan ini, pindaan ini juga dicadangkan kerana ketidakcekapan kerajaan negeri-negeri dalam mentadbirkan industri air. Sebahagian daripada permasalahan air ini berpunca daripada kedudukan PUAS yang tidak efisien. Menurut laporan akhbar pada 29 Jun 2004, Kerajaan Negeri Selangor telah menanggung hutang berjumlah RM1.4 bilion kepada SYABAS. Tiada penjelasan konkrit mengenai bagaimana hutang itu boleh menjadi menimbun begitu banyak. Hal ini juga telah memeningkan kepala Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik yang tidur sekarang ini, yang mengambil tanggungjawab menyelesaikan masalah ini daripada kerajaan, Kementerian Kerja Raya dahulu. [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: [Menunjukkan isyarat tangan]

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: dahulunya di bawah Kementerian Kerja Raya. Tetapi, kementerian baru dan ambil alih. Hasil daripada penswastaan PUAS dan SYABAS ini, dijangka akan berlaku kenaikan harga bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan sehingga 45%. Menurut laporan tidak rasmi bahawa hutang yang ditanggung PUAS kepada SYABAS adalah kerana hampir 40% air yang telah dirawat oleh SYABAS hilang kerana paip bocor dan menyebabkan PUAS tidak dapat mengutip tarif air. Pada masa kini pun, rakyat tidak berpuas hati kerana kualiti air yang amat tidak memuaskan tetapi kerajaan tetap ingin menaikkan taraf air ini. Kalau kita lihat, negeri-negeri yang tidak disebut oleh sahabat-sahabat kita tadi, barangkali masing-masing cuba menutup kelemahan pentadbiran air negeri masing-masing.

Tetapi, bagi saya ternyata perkara ini jelas. Sebelum pada ini, pentadbiran air ini dipolitikkan kerana semuanya menunjuk ataupun hentam pentadbiran kerajaan negeri. Menteri Kerja Raya dahulu, Dato' Seri S. Samy Vellu, yang dahulu, yang berkuasa tentang kedudukan air, menyebut dengan jelas bahawasanya Kerajaan Kelantan tidak pandai mentadbir air kerana terlalu kuat politik. Itu disebut dan di dalam akhbar pun disiarkan. Tetapi, rupa-rupanya negeri-negeri lain lebih teruk daripada Kelantan lagi! Sekarang, baru masing-masing sedar. Dahulu, masing-masing diam sendiri.

Bila Menteri Kerja Raya dahulu mengatakan Kelantan tidak pandai mentadbir negeri, tidak pandai menguruskan air, masing-masing tepuk tangan di Parlimen ini. Tetapi, sekarang masing-masing telah mendedahkan. Apa ini? Sekarang masing-

masing mahu mendedahkan. Masing-masing sudah tunjukkan bocor sana, bocor sini negeri itu, kelemahan ini, kelemahan negeri itu. Ada kelemahan negeri ini, ada. Dahulunya, seolah-olah negeri lain itu, semua baik belaka. Sekarang, barulah saya tahu.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Banyak di Kelantan!

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Ya, saya akui Kelantan juga ada punyai kelemahan. Tetapi, negeri-negeri lain lagi teruk!

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Pihak Kelantan paling teruk!

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Macam mana itu? Sabah dan Sarawak lagi teruk! Sebab itulah, sahabat-sahabat kita dari Sabah dan Sarawak mengamuk sebentar tadi! Itu ternyata. Saya berterima kasih banyak kepada kerajaan kerana memberi peluang kepada semua Ahli-ahli Parlimen mendedahkan kelemahan kerajaan masing-masing, pada hari ini.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun Yang Berhormat. Di belakang Yang Berhormat bangun. Pasir Puteh.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya lebih kurang enam bulan jadi Yang Berhormat ini. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa yang kita hendak bubar ini, undang-undang 2004 ini mengenai air, dua perkara yang lain saya setuju. Apakah setuju Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kita akui bahawa seluruh negeri menghadapi masalah. tetapi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh lagi teruk, fasal dia keluar air putih. Yang keduanya, dia keluar angin, meter tinggi. Jadi, saya dok bayang laa ni, meter itu air tidak keluar. Tekan tidak tekan pun, tidak keluar sehingga paip saya patah baru-baru ini, tekan. Jadi, setuju tidak kalau kita akui penggubal Perlembagaan tentang air ini, kita kena setuju walaupun kita dok letakkan susah payah negeri lain. Setujulah, saya rasa begitu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Kelantan keluar teh tarik!

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Ya, terima kasih. Saya tidak bermaksud setuju atau tidak setuju. Saya sebut tadi saya curiga dan bimbang, itu sahaja. Setuju atau tidak setuju tidak berbangkit. Kita tengok sebentar tadi. Petang ini kita boleh tengok siapa setuju siapa tidak setuju. Rakyat akan menilai. Rakyat akan menjadi hakim. Tiga tahun, empat tahun kemudian rakyat menjadi hakim siapa yang bersetuju siapa yang tidak setuju apabila tarif air itu dinaikkan. Saya yakin sebelum pilihan raya akan datang ini, menteri tidak akan menaikkan tarif air.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Selepas pilihan raya, baru ia naik seperti mana berlaku sekarang ini. Selepas pilihan raya, naik itu, naik ini. Sebelum pilihan raya, senyap dahulu dan saya yakin perkara ini berlaku.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Assalamualaikum*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi Yang Berhormat. Gulung, gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Assalamualaikum Assalamualaikum*

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Tidak sempat ini, tidak sempat! Baik, sebagai gulung ya, saya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haa, Jerai, Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron:.....hendak bagi ingatan kepada Kerajaan Barisan Nasional, pindaan ini memberi kesan yang banyak sama ada kesan jangka pendek dan juga kesan jangka panjang. Kesan jangka panjang tidak boleh lari dah daripada kenaikan tarif air menyebabkan rakyat akan merasai sesuatu perubahan yang mengejut terutama sekali rakyat yang sebelum ini, tarif airnya rendah seperti mana berlaku di negeri Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan sebagainya.

Bagi negeri Johor barangkali, tidak berbangkit kerana sekarang pun negeri Johor, tarif airnya tinggi. Kalau kerajaan hendak menaikkan lagi, tidak mungkin naik melangkah apa yang telah berlaku di negeri Johor, mesti melangkah negeri-negeri yang seperti Pulau Pinang, seperti Terengganu, seperti Kedah, Kelantan, seperti itu. Tetapi, negeri-negeri inilah akan terasa dan negeri-negeri inilah rakyatnya akan merasai bahawasanya yang Ahli Parlimennya juga cuba mempertahankan apa yang kita sebut sekarang ini. Itu sebabnya saya bangun *discuss* ini. Tidak kisah kerajaan hendak ambil kerana kerajaan akan langsai semua hutang yang ada di negeri-negeri. Tidak kisah itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang. Cukup.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron: Tetapi, kesan jangka panjangnya akan terkena kepada Ahli-ahli Parlimen yang menyokong pindaan Perlembagaan ini. Sekian, terima kasih. [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat enam minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Dia dapat lapan minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran.

12.35 tgh

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini walaupun Sabah memilih untuk tidak menyertai dalam *exercise* yang dilakukan. Tetapi tidak bermakna Tuan Yang di-Pertua, bahawa Sabah tidak ada masalah air. Seperti yang diperkatakan dan dibayangkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu memang betul dan memang benar bahawa Sabah merupakan antara negeri yang menghadapi masalah air yang kritikal. Sebulan yang lalu satu loji penapis air di Lahad Datu yang diswastakan, hampir *dishut down*, diberhentikan operasi kerana masalah pembayaran dari kerajaan negeri. Mujurlah *intervention* daripada Ketua Menteri *privatise company* ini menyambung semula operasinya untuk pembekal air kepada pengguna di Lahad Datu. Itu antara bayangan masalah air yang dihadapi oleh negeri Sabah. Walaupun Sabah memilih untuk tidak menyertai dalam *exercise* ini tetapi Kerajaan Persekutuan menerusi SPAN yang akan dibentuk ini tidak harus melihat bahawa Sabah tidak boleh dibantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Kalau kita lihat bahawa keperluan untuk menaiktarafkan sistem air di Sabah ini memerlukan kewangan yang amat tinggi. Dianggarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini RM2.49 bilion diperlukan untuk menaik taraf loji-loji penapis air yang antaranya berada di seluruh negeri Sabah menerusi lapan projek yang disenaraikan - sistem bekalan air Tawau, sistem bekalan air Daerah Beaufort, Likas, Kota Kinabalu, Jalan Buli Sim Sim, Sandakan, kawalan air Daerah Tuaran dan Tamparoli, Batu 4, Menumbok, Pekan Kota Merudu dan sekitarnya, sembilan projek yang diperlukan yang akan menelan belanja sebanyak RM2.49 bilion. Untuk membaiki sistem paip di mana *non-revenue water* yang dikatakan sebanyak 65% di Sabah memerlukan lagi tambahan lagi sebanyak RM553 juta ringgit. Ini bererti Sabah memerlukan lebih kurang RM3 bilion ringgit untuk menaiktarafkan sistem penghantaran air dan loji penapisan air di negeri tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ketidakmasukan Sabah dalam *exercise* ini, tidak bererti Sabah tidak mempunyai masalah yang perlu ditangani, diselesaikan dan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan, hakikatnya besar, penyertaannya nampak jelas bahawa

Sabah perlu. Alasan Sabah untuk tidak menyertai *exercise* ini adalah alasan yang diberi yang telah diuraikan panjang lebar oleh Yang Berhormat bagi Tuaran yang harus dilihat *beyond water*, iaitu jauh daripada masalah yang dihadapi. Harus dilihat melalui *political consideration, political judgment* yang telah diuraikan dan harus dilihat daripada sejarah, harus dilihat daripada penyertaan Sabah dalam Malaysia yang merangkumi semua itu. Bererti ketidaksertaan itu harus dilihat *beyond* masalah yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah perlu dibantu oleh Kerajaan Persekutuan, dalam apa pun bentuk bantuan, Sabah harus tidak diketepikan oleh Kerajaan Persekutuan walaupun Sabah memilih untuk tidak menyertai dalam *exercise* yang dijalankan di Semenanjung ini, itu hakikatnya.

Dalam bentuk apa bantuan, itu harus dilaksanakan mekanisme bantuannya haruslah *difine-tune* oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi yang jelas sekarang ini negeri-negeri yang akan menyertai *exercise* ini akan mempunyai kelebihan kalau dibandingkan Sabah yang tidak menyertai, akan mempunyai kelebihan dari segi hutang dengan Kerajaan Persekutuan, akan ditangani dengan baik oleh SPAN menerusi syarikat-syarikat konsesi yang akan dilantik. Kerajaan-kerajaan negeri yang menyertai juga tidak akan lagi meminjam kepada Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah air di negeri-negeri tersebut dan tidak lagi memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan kerana ianya akan dikendalikan oleh syarikat-syarikat konsesi yang dilantik.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, tiga pendekatan yang harus Kerajaan Persekutuan perhatikan untuk menangani masalah di negeri Sabah. Yang pertama, Selangor akan di *write-off* hutang, itu cadangannya dan akan diambil alih hutang Selangor ini menerusi syarikat konsesi yang akan dilantik. Cadangan pertama saya kepada Sabah yang sekarang ini menanggung beban sebanyak hampir RM1 bilion hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Sebagai menyamaratakan ataupun sebagai meneruskan *goodwill*, cadangan dan *the spirit* untuk membantu Sabah ini, menerusi *exercise* ini, saya cadangkan hutang ini di *write-off*, itu yang pertama.

Yang keduanya, Kerajaan Persekutuan harus juga memberi geran dan bantuan menerusi geran dan bukan lagi bantuan menerusi pinjaman kerana telah disenaraikan oleh Menteri ketika membentangkan semalam bahawa antara sebab mengapa *exercise* ini dijalankan adalah kerana kesukaran negeri-negeri untuk membayar balik hutang. Kerana itu saya cadangkan agar geran diberikan. Ini merupakan pendekatan yang harus diambil oleh Kerajaan Persekutuan. Tidak ada dalam Perlembagaan Persekutuan mengatakan peruntukan untuk air ini tidak boleh dibentuk dalam geran oleh Kerajaan Persekutuan, hanya melalui pinjaman tidak ada dalam Perlembagaan. Kerana itu saya cadangkan agar kerajaan melihat masalah besar Sabah ini ditangani dengan melalui pemberian geran dan bukannya pinjaman.

Yang ketiga, jika itu tidak dapat dilaksanakan, saya ingin mencadangkan agar Sabah diberi pinjaman dalam bentuk yang tidak perlu dibayar balik kepada Kerajaan Persekutuan. Kalau itu tidak boleh dilaksanakan.....[*Dewan menjadi riuh seketika*]

Beberapa ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Ronald Kiandee: Kalau geran tidak boleh dilaksanakan, berikan pinjaman dalam bentuk yang tidak perlu dibayar, itu dia.

Seorang ahli: Itu bukan pinjaman!

Datuk Ronald Kiandee: Itu cadangan sahaja dan saya melihat Tuan Yang di-Pertua, Sabah walaupun tidak memilih.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sokong geran sahajalah!

Datuk Ronald Kiandee:....tidak memilih untuk menyertai, Sabah harus diberi *advantage* sama seperti negeri-negeri yang memilih untuk menyertai *exercise* ini. Banyak di serata-rata seperti Pahang ada wakil dari Maran dan menyokong dan dapat melihat masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah, saya ingin menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran cukuplah Beluran. Silakan Pontian.

12.42 tgh.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbincangan pindaan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 122 dan 125 ini termasuk sebahagian daripada Jadual 9 tidak menjadi masalah kita pertingkatkan persaraan usia hakim. Selepas itu apabila dia sudah lebih daripada 66, kita pelihara mereka sebagai warisan, jadi kita bersetujulah perkara ini. Yang Berhormat Rantau Panjang tadi ada menyebut Johor tidak ada masalah dari segi air kerana kita punya tarif memang tinggi tetapi jangan pula tuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak akan naikkan tarif apabila hendak dekat pilihan raya. Untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang, pilihan raya baru-baru ini Johor menaikkan tarif air sebelum pilihan raya. Jadi sebenarnya rakyat tidak akan rasa tertipu apabila kerajaan perlu menaikkan tarif air ini. Walau bagaimana pun Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Menyampuk dan ketawa*]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Sudah lama tidak bercakaplah Sri Gading! Yang menjadi penting kepada kita hari ini dalam meminda Perlembagaan Persekutuan ialah apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini ditubuhkan, penyelarasannya itu penting. Saya harap apa yang berlaku sewaktu kita membangkitkan soal MRR2 dahulu, apabila kita membangkitkan soal Bangunan MATRADE yang terbengkalai lebih 10 tahun, Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa beliau tidak terlibat dalam soal melantik kontraktor-kontraktor ini.

Jadi saya pun merasa musykil apabila kita nanti apabila hendak berhadapan dengan akta industri air ataupun akta SPAN ini janganlah sampai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini tidak mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini dapat berfungsi dengan berkesan. Kalau boleh janganlah banyak sangat masuk campur tangan daripada EPU dalam hendak menentukan pengendalian ataupun pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, kita dapati bahawa SPAN ini patutnya ditentukan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Mereka yang menentukan siapa yang wajar, siapa yang sesuai untuk mengendalikan SPAN ini. Macam TNB ini adalah kawan-kawan saya bercakap tentang soal takkanlah Yang Berhormat Menteri tidak dapat lihat dalam barisan *board of directors* Tenaga Nasional ini, tidak ada seorang pun orang teknikal dalam itu. Sedangkan kita pun tahu TNB ialah sebuah syarikat *utility* yang memerlukan tenaga teknikal untuk membantu setidak-tidaknya memberi pandangan dan idea lebih-lebih lagi apabila berlaku masalah baru-baru ini sehingga 1, 700 mega watt hilang dan beberapa negeri terpaksa bergelap.

Jadi kita berharap biarlah kementerian yang tertentu dapat duduk sama-sama untuk menentukan SPAN ini dapat berfungsi dengan berkesan. Kerana kalau misal kata Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak bekerjasama untuk memastikan sumber-sumber bekalan air seperti sungai ini bersih, apabila sungai bersih sumber air itu kos hendak merawatnya rendah.

Jadi apabila kos hendak merawatnya rendah, bolehlah tarif air itu boleh direndahkan sedikit. Tetapi kalau misal kata sumber-sumber sungai kita tercemar macam Sungai Kelang, masalahlah kita dalam hendak merawat sekiranya bekalan air terpaksa kita perolehi daripada sumber-sumber yang sedemikian. Saya setuju dengan Ketereh kalau beliau mengatakan bahawa air ini sepatutnya percuma, memang percuma dari langit sampai ke bumi percuma. Di bumi hendak sampai ke rumah-rumah, sampai kepada pengguna itu yang dikenakan bayaran. Kapasiti loji rawatan sekarang ini mengeluarkan 11 bilion liter sehari. Kita perlu 9.6 bilion liter sehari, masih ada kelebihan. Kalau air ini diurus dengan betul saya tidak nampak kenapa kita harus bimbang soal kenaikan tarif. Kita harus bimbang tentang soal tidak kesempurnaan dalam kita mengendalikan penswastaaan-penswastaaan atau pun kontrak-kontrak yang kita berikan kepada konsesi-konsesi bekalan air. Maka akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menekankan bahawa penting di peringkat yang lebih atas itu, kerjasamanya mantap supaya dapat menentukan siapa yang patut tentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) itu, itu yang mudahnya, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), biarlah KTAK yang tentukan tidak payah orang-orang lain campur. Ini apabila ada soal lain, nanti Parlimen akan berhadapan lagi dengan keadaan di mana laporan yang sampai kepada kita, kementerian berkenaan kata, saya tidak bertanggungjawab kerana kita bukan pihak yang melantik mereka, jadi itu yang kita hendak elakkan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

12.48 tgh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk melibatkan diri dalam perbincangan pindaan perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat sebenarnya apa yang sedang kita perbincangkan pada sesi kali ini adalah lebih kepada sifat kasih dan sayang Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri dan mungkin sesetengah daripada kita boleh memanggil ini sebagai satu *bail-out* atau pembelaan kepada kerajaan negeri yang menanggung beban yang begitu banyak terhadap Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, fenomena ini berlaku kerana pengurusan dan pengendalian yang tidak cekap dan berkesan dapat dikenal pasti di peringkat kerajaan negeri kerana kalau dirakam semula apa yang disebutkan oleh Menteri semalam, pertama sekali adalah kerana pengurusan *loses non-revenue water* dan di sini. Dan di sini kita dapat lihat negeri-negeri menyumbang 40% hingga 45% kepada tidak mendatangkan hasil kepada kerajaan negeri. Jadi ini telah menyebabkan kerugian yang besar di mana kerajaan negeri memerlukan bantuan dalam bentuk dana di dalam projek-projek pembangunan dan pusat-pusat penyimpanan air, loji-loji rawatan dan seterusnya kepada pengurusan penyampaian perkhidmatan bekalan air kepada pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tekankan di sini sebenarnya apabila berlaku pembelaan Kerajaan Pusat ataupun *Centralization of Water Management* ini, dengan izin, di peringkat Kerajaan Pusat ialah lebih kepada meneruskan proses yang berlaku di awal tahun 1900 yang mana pada ketika itu pembekal-pembekal air adalah terdiri daripada kerajaan-kerajaan tempatan. Kemudian apabila keperluan meningkat, ekspektasi pelanggan-pelanggan meningkat maka kerajaan negeri mengambil alih pengurusan dan pentadbiran air.

Sekarang kita menyerahkan kepada Kerajaan Pusat untuk mengurus dan mentadbirkan perkhidmatan bekalan air ini. Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, kalau kita belajar betul-betul di dalam "*Learning Organization*" oleh Mckenzie mengatakan perubahan perlu berlaku jika kita ingin terus hidup di dalam situasi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, ia sebenarnya menurun kepada perubahan budaya kita bekerja. Kalau kita lihat hari ini kebocoran adalah merupakan 60% menyumbang kepada kehilangan ataupun *non-revenue water* ini. Bagaimana perkara ini boleh berlaku? Kebocoran paip. Sebenarnya kebocoran paip ini boleh dijangkakan Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh mengukur sejauh manakah ketahanan, berapa lamakah *lifespan* untuk - umpamanya hari ini kalau di dalam sistem pembekalan di dalam syarikat-syarikat pembekalan air, perbadanan air, kita mempunyai asbestos paip yang boleh tahan untuk menanggung beban air selama 30 tahun tetapi kenapa ada sehingga 70 tahun.

Kemudian kita ada *cast iron* yang boleh tahan hingga 50 tahun. Tetapi hari ini kita mempunyai penyampai paip *cast iron* ini yang berumur hingga 100 tahun. Begitu juga kita mengetahui bahawa untuk memanjangkan lagi perkhidmatan air yang lebih cekap dan berkesan, kita perlu menggantikan paip-paip yang lama ini dengan *polyethylene pipe* dan kita akan menjangkakan berapakah *lifespan*, berapakah umur *polyethylene pipe* ini boleh menanggung bekalan-bekalan air yang keperluannya semakin meningkat oleh pelanggan-pelanggan.

Apabila ini berlaku, perancangan yang terperinci, perubahan minda perlu berlaku di kalangan anggota-anggota yang membekal, anggota-anggota syarikat ataupun perbadanan yang membekalkan air kepada pelanggan-pelanggan. Mereka perlu berfikir, mempunyai budaya berfikir, menyenggara dan membaiki – *the repairs and maintenance culture* perlu ada di dalam syarikat-syarikat ataupun konsesi-konsesi yang mengurus dan mentadbir bekalan air ini nanti.

Jika mereka tidak mengubah sikap serta cara mereka berfikir tentang bagaimana untuk membekalkan air yang berkualiti tinggi kepada para pelanggan maka masalah yang sama akan berulang lagi. Parlimen akan bersidang, tidak tahulah mungkin pada masa hadapan kita akan menyerahkan pengurusan dan pentadbiran air ini kepada Kerajaan Persekutuan sudah habis, satu tingkat atas lagi, kerajaan dunia mungkin, kerana kita tidak mampu mengurus dan mentadbir air pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sampaikan pada hari ini adalah merupakan suatu perkara yang memang dihadapi rata-rata oleh kerajaan negeri. Pengurusan *non-revenue water* ini perlu satu budaya *maintenance culture* – budaya senggaraan yang begitu tinggi, yang memerhatikan, jika ada manual itu, setiap perkara dalam manual itu perlu dilihat dengan terperinci supaya perkara-perkara seperti ada setengah-setengah negeri yang kehilangannya hingga 62% dapat dielakkan.

Ini sebenarnya sungguh memalukan jika ada terlibat pakar-pakar yang mempunyai pengetahuan di bidang pembahagian dan pembekalan air. 62% adalah sesuatu yang tidak dapat kita terima kerana daripada RM1 pelaburan kita, 62 sen masuk ke dalam parit ataupun terbenam ke dalam bumi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Inilah yang perlu kita berikan penekanan Tuan Yang di-Pertua.

Harapan saya, supaya untuk kita bersedia menyediakan kuantiti air yang mencukupi, kualiti yang baik, kosnya yang ekonomik, perkhidmatan yang cekap dan mesra, pihak kerajaan perlu memberikan penekanan kepada perubahan daya berfikir, cara berfikir dalam mengendali dan menguruskan bekalan air ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya pohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya faham ramai Yang Berhormat yang hendak berucap. Yang tidak sempat itu saya minta maaf, sila simpan sehingga bulan Mac. Saya cuma membenarkan seorang lagi bercakap, saya bagi Tanjong.

12.55 th

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan ini untuk membahaskan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan di mana kita tidak mempertikaikan hak parti pemerintah untuk Meminda Perlembagaan Persekutuan dalam tempoh pemerintahannya. Tetapi ia haruslah dilakukan sejajar dengan semangat sistem demokrasi berparlimen dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

Pada hakikatnya rakyat hendaklah diberi peluang untuk membangkitkan pandangan dan bantahan, lebih-lebih lagi apabila hak mereka dirampas melalui pindaan ini. Rakyat negeri Pulau Pinang tidak meminta supaya perkhidmatan air diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan sebab pengurusan air di negeri Pulau Pinang walaupun bukan 100% *perfect* tetapi ia menjadi negeri yang menjaga perkhidmatan air dengan baik yang menjadi contoh bagi negeri-negeri yang lain malah dikenali di peringkat antarabangsa.

Kalau rakyat negeri Pulau Pinang tidak minta perkhidmatan air diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, apakah sebab kerajaan negeri dan Ketua Menteri tidak mempertahankan hak negeri Pulau Pinang untuk menguruskan perkhidmatan air. Kita tidak nampak Ketua Menteri ataupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan kepada rakyat Pulau Pinang mengapa kerajaan negeri telah setuju untuk menyerahkan hak negeri yang apabila hilang hak itu tidak mungkin dapat ditebus balik selamanya.

Apabila Kerajaan Persekutuan melahirkan hasrat untuk mengambil alih perkhidmatan air, alasan utama ialah membantu negeri-negeri yang menghadapi masalah dan kurang upaya untuk mengendalikan perkhidmatan air dengan baiknya. Sekiranya ini alasannya, apakah negeri Pulau Pinang tidak boleh terus untuk menikmati hak Perlembagaannya untuk meneruskan perkhidmatan air memandangkan prestasinya amat baik. Apakah sebabnya mengapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ketua Menteri tidak dapat mempertahankan hak Perlembagaan ini.

Kita tahu bahawa pindaan Perlembagaan ini akan membuka jalan kepada penswastaan perkhidmatan air seperti mana berlaku kepada lain-lain kemudahan asas yang lain dan ini menandakan hilangnya kawalan kerajaan kepada entiti korporat yang akan dilantik untuk menguruskan perkhidmatan air ini. Apabila ini berlaku, kita tahu

bahawa perhubungan di antara rakyat jelata sebagai pengundi dengan kerajaan akan tergugat dari segi kebertanggungjawaban kerajaan kepada rakyat.

Kedudukan pengundi akan bertukar taraf sebagai *consumer* sahaja dan bukan *citizen* yang mempunyai kedudukan yang istimewa. Kita menuntut kerajaan mengamalkan sikap yang bertanggungjawab dan telus dan terbuka dalam pengendalian penswastaaan kelak. Kita tidak ingin rela melihat rakyat jelata diturunkan taraf semata-mata sebagai *consumer* sahaja. Penswastaaan perkhidmatan yang asas telah menimbulkan pelbagai masalah selama ini dan sebagai Wakil Rakyat, kita membantah sekeras-kerasnya model penswastaaan yang membebankan rakyat.

Kita di sini di pilih oleh rakyat dan kita tidak boleh menjadi pihak yang memberikan kuasa yang pada akhirnya akan memeras rakyat yang memberi sokongan dan mandat kepada kita. Saya juga berharap Kerajaan Persekutuan dapat memberi pertimbangan yang khas kepada model pengurusan air yang digunakan di negeri Pulau Pinang yang sekurang-kurangnya dapat menghasilkan keuntungan di samping memenuhi tanggungjawab sosial untuk membekalkan air yang bersih dan mencukupi kepada rakyat, dan pada pagi ini saya melihat berita bahawa negeri Sarawak berhasrat untuk *emulate* the Penang model dalam menguruskan perkhidmatan air di negeri itu dan saya berharap dalam penswastaaan kelak, kerajaan akan dapat menggunakan Penang model untuk penswastaaan ini.

Pindaan ini akan melibatkan pemeliharaan warisan dan kita mengambil pendirian terbuka ke atas perkara ini tetapi kita berharap melihat kerajaan negeri, khasnya negeri Pulau Pinang dapat terus memainkan peranan yang penting dalam soal pemeliharaan warisan. Kita menuntut kerajaan negeri menegakkan hak kerajaan negeri untuk menjaga kepentingan negeri atas isu ini. Kita tidak mahu melihat keadaan seperti pemansuhan Akta Kawalan Sewa di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi persetujuan tetapi akhirnya selepas pemansuhan akta ini kita tidak melihat apa-apa usaha gigih untuk mengatasi impak negatif ke atas pembangunan ekonomi dan usaha pemeliharaan warisan di Bandaraya Georgetown di Negeri Pulau Pinang.

Akhirnya, memandangkan butiran pemilihan warisan ini diletakkan dalam senarai bersama, kita menuntut supaya kerajaan negeri diberi hak dan tanggungjawab bersama dalam usaha pemeliharaan warisan dan juga menuntut bahawa penglibatan sektor awam dan swasta dan juga kumpulan kepentingan awam dapat digembleng untuk menggubal undang-undang yang dapat memelihara warisan negara di samping dapat mencapai keseimbangan atas pembangunan ekonomi dan pemeliharaan warisan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih Yang Berhormat. Masa perbahasan kita telah selesai. Pada sebelah petang nanti, Menteri akan menjawab dimulakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Waktu sekarang ialah jam 1.01 tengah hari. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Yang Berhormat Menteri, silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan di tangguhkan sehingga selesai di bahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Pada kiraan saya seramai 24 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan rang undang-undang ini. Ini adalah satu *indication*, dengan izin, tentang betapa pentingnya rang undang-undang ini dan mengapa perlu diadakan satu Mesyuarat Khas khusus untuk membahaskannya sahaja.

Mesyuarat Khas ini sudah tentunya akan membolehkan tumpuan sepenuhnya diberi kepada rang undang-undang ini. Mesyuarat Khas ini tidak diadakan secara terburu-buru atau tergesa-gesa sebagaimana yang disangkakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk memberikan kesempatan yang secukup-cukupnya dan peluang yang seluas-luasnya kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan perkara-perkara yang sangat penting, yang terkandung dalam rang undang-undang ini, yang tidak dinafikan akan membawa implikasi yang besar kepada banyak pihak khususnya kerajaan-kerajaan negeri dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa penggulungan saya ini akan hanya merangkumi persoalan undang-undang, mahkamah dan yang berbangkit dengannya. Penggulungan bagi persoalan-persoalan yang menjurus kepada air dan pemeliharaan warisan akan dibuat oleh rakan-rakan saya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Saya mohon izin untuk memulakan Ucapan Penggulungan saya selepas kedua-dua Yang Berhormat Menteri selesai menjawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan berkenaan dengan kementerian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

2.37 ptg.

Menteri Kebudayaan Kesenian, dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih khususnya kepada Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya bagi mengulas dan memberi sedikit

penjelasan berkaitan dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan dalam urusan pembahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2004.

Terima kasih juga khusus kepada rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan pindaan Perlembagaan khususnya yang menjurus kepada warisan.

Pertama, izinkan saya menerangkan secara amnya bahawa warisan telah sedemikian lama berada di dalam tanggapan kemanusiaan. Dan semenjak zahirnya tamadun dari Alexander the Great atau Iskandar Zulkarnain membawalah kepada Roma serta tamadun-tamadun lain di dalam dunia, maka warisan menjadi terus menerus pegangan dan sesuatu yang amat bernilai kepada kemanusiaan.

Syukur Alhamdulillah, dengan gesaan dan nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka kita telah dapat menanam satu lagi semangat yang boleh dianggap sebagai penting dalam tamadun kita membina masyarakat Malaysia. Dalam persoalan-persoalan yang berbangkit tentunya tiga perkara ini bermain di dalam pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu antara kebudayaan, antara kesenian dan warisan apakah kaitannya.

Pertama, izinkan saya menyatakan iaitu ketiga-tiga ini tidak ubah seperti tali tiga sepilin dan seperti tungku tiga sejerangan. Ketiga-tiga unsur atau elemen ini penting dalam kehidupan kita, justeru pindaan kepada Jadual 9 dalam Perlembagaan kita dipentingkan. Dalam persoalan itu, maka yang menjadi rumit ialah apabila budaya dan seni dijalinan sebagai perlakuan manusia dalam zaman berzaman dan dari warisan ke warisan, maka ia menjadi suatu pemilikan kepada bangsa dan masyarakat itu.

Dalam hal yang sedemikianlah, maka selama ini warisan itu tidak tertera dalam mana-mana jurusan pemilikan kuasa atau pentadbiran yang diurus oleh kerajaan. Dan di dalam senarai yang ada pada Jadual 9 hanya diterbitkan di situ dua perkataan iaitu kebudayaan dan juga sukan, tetapi warisan tidak tertera. Lantaran itulah maka difahamkan dalam pemerintahan dan pentadbiran kerajaan supaya warisan itu diletakkan di bawah Senarai Bersama atau dengan izin *Concurrent List*.

Ahli Yang Berhormat bagi Dungun mengemukakan tiga soalan dan beliau mempersoalkan sebagai langkah pertama, soalan beliau ialah berapakah jumlah pelawat yang melawat Muzium Negara dalam satu-satu masa dari dalam dan dari luar negara?

Pada tahun 2004, jumlah pelawat yang melawat Muzium Negara ialah 342,614 orang di mana seramai 258, 648 orang pelawat dari dalam negeri dan seramai 83,966 orang pelawat dari luar negara.

Soalan yang kedua ialah pada masa ini terutamanya anak-anak muda tidak berminat untuk melawat ke muzium. Apakah langkah-langkah atau cara-cara untuk menarik lebih ramai pelawat datang melawat ke muzium kita? Bermula dari tahun ini dan akan diteruskan ke Rancangan Malaysia ke-9, Jabatan Muzium dan Antikuiti yang merupakan agensi di bawah kementerian ini telah merangka beberapa program bukan sahaja untuk menarik ramai pelawat malahan juga menarik penyelidik-penyelidik. Di antaranya ialah menekankan kepada kualiti muzium dan bukan kuantiti. Bagi mencapai tujuan ini pendekatan telah dibuat dengan cara menaik taraf pameran di semua muzium terutamanya teknik pameran dan persembahan.

Kedua ialah menyediakan lebih banyak pameran yang bersifat interaktif yang bukan sahaja menarik golongan muda dan kanak-kanak tetapi lebih mudah difahami. Ketiga, melaksanakan program.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri di negara Mesir dan lain-lain negara pelancong-pelancong yang melawat muzium dikenakan bayaran. Bagaimana dengan negara kita? Apakah kita mengenakan bayaran ataupun percuma? Kalau percuma tidakkah kerajaan berhasrat mencadangkan supaya pelawat-pelawat membayar seberapa yang difikirkan perlu untuk lebih - bukan menampung kos tetapi -

lebih untuk merealisasikan hasrat kita ke arah industri pelancongan ini selain daripada ia memperkenalkan muzium kita. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang telah menyatakan hasratnya melihat supaya dikenakan bayaran. Sekarang, Yang Berhormat, sekiranya dikenakan bayaran mungkin orang tidak masuk langsung. Jadi kita merasakan apabila sampai masanya bagi kita mengenakan bayaran tiket barulah kita mengukur setakat mana daya tarikan muzium itu dapat kita sampingkan dengan bayaran. Cadangan Yang Berhormat sangat menarik dan baik tetapi oleh kerana masa dan ketikanya belum lagi sesuai bagi kita mengenakan yuran ataupun bayaran terhadap tiket kita terpaksa menangguhkan dahulu. Kita akan melihat dalam Rancangan Malaysia ke-9 bagaimana tarikan kemuziuman dan juga antikuiti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri laluan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini pengalaman saya sendiri. Baru-baru ini saya pergi ke muzium di Mesir. Saya terpaksa membayar RM130 nilai wang kita iaitu lebih kurang dolar 20 ringgit untuk masuk ke muzium dan lebih kurang RM50 lagi untuk melihat *mummy* ataupun mumia. Jadi apakah kita melihat untuk pelancongan di muzium-muzium kita ini kerana kalau pelancong boleh membayar harga tiket untuk melihat apa yang berlaku di negara-negara berkenaan sehinggakan hendak masuk ke dalam terowong piramid terbongkok-bongkok itu pun dibayar dalam lebih kurang RM5 nilainya. Apakah kita akan melihat supaya kalau orang hendak melihat apa yang berlaku dalam negara kita, mereka akan bayar? Tidak mustahil. Tidak ada yang *free* dalam dunia ini. Jadi, adakah ini akan difikirkan oleh pihak Kementerian? Terima kasih, kerana khazanah kita pun ada nilainya kecuali nilai-nilai warisan yang dibawakan oleh pembangkang yang tidak ada satu contoh yang baik untuk diperkenalkan kepada orang lain. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas galakan itu dan mungkin sekiranya masyarakat nanti menghantar surat bantahan kepada kementerian, saya akan sebutkan sahabat-sahabat saya Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya mengenakan cukai pintu masuk dalam muzium.

Tuan Yang di-Pertua, telah kita usahakan pada tahun 1992 misalnya dikenakan RM2 bagi seorang dewasa dan RM1 bagi kanak-kanak. Tetapi reaksi masyarakat masih belum meyakinkan kerajaan bahawa terpaksa mengenakan bayaran masuk ke muzium-muzium kita. Tetapi cadangan ini sangat positif sekiranya kita halakan kepada pelancong-pelancong buat masa yang akan datang, *Insyallah*.

Izinkan saya meneruskan memberi penjelasan tentang persoalan sebentar tadi. Kita akan melaksanakan program pengembangan dan di antaranya mengadakan pameran bergerak dari negeri ke negeri. Ini merupakan satu inovasi dan diharap akan mendapat perhatian serta minat masyarakat kita di daerah-daerah dan di negeri-negeri. *Insyallah* apabila *The Perak Man* atau 'Orang Perak' yang didapati di negeri Perak sebagai bahan tarikan *anthropology* maka muzium di negeri Perak khususnya akan mendapat tarikan dan minat yang berlebihan lagi.

Seterusnya kita akan menganjurkan program-program seperti forum *curator*, gema warisan, seminar-seminar dan juga berita mengenai penemuan-penemuan dalam artifak muzium dan antikuiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan negara-negara moden, mereka telah membahaskan bahawa negara-negara seperti Mesir, China dan sebagainya mendapat dorongan yang kuat dalam rangka lawat-melawat berkaitan dengan muzium. Sesungguhnya hal ini tidaklah menjadi sesuatu yang pelik bagi kita sekiranya artifak-artifak kemuziuman dan juga antikuiti kita dapat kita serlahkan dalam penjelasan dan juga naratif yang menarik serta seni pameran yang kuat buat masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Jerai. Beliau menanyakan dan sambil itu mencadangkan pula bagaimana mengenal pasti dan supaya kita dapat menentukan bangunan yang perlu dipulihara kerana ia menjadi "tarikan pelancong", kata beliau. Kementerian ini sebenarnya telah membuat inventori dan inventori pertama didapati sekitar 25,000 buah bangunan telah disenaraikan sebagai perlu mendapat perhatian pemuliharaan oleh pihak-pihak berkuasa tetapi oleh kerana ketiadaan peruntukan yang khusus pada masa itu maka

kita tidak dapat menjalankan kerja-kerja yang berkesan atau meliputi bilangan sebesar itu.

Pada masa ini sebanyak kira-kira 100 buah bangunan dan tapak tanah bersejarah yang dapat atau berjaya dibaik pulih mengikut piawaian antarabangsa. Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga menanyakan di Pulau Pinang, katanya rumah-rumah lama yang diubahsuai sepatutnya tidak boleh dilakukan. Sehingga kini pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah pun membuat penyenaian ke atas semua bangunan di Pulau Pinang dan telah dizonkan mengikut kepentingan bangunan tersebut. Melalui penyenaian ini telah dikenal pasti sama ada bangunan itu wajar dikekalkan ataupun dibenarkan untuk diubahsuai.

Bagi tujuan ini Jabatan Muzium dan Antikuiti adalah juga terlibat dalam membantu termasuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan ke atas beberapa buah bangunan di Pulau Pinang. Sekiranya usaha-usaha kementerian ini untuk menyenaraikan Georgetown bersama-sama Melaka ke dalam senarai warisan dunia berjaya, maka program pemuliharaannya akan dapat diperhebatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta sedikit laluan, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tan Sri. Cuma saya hendak minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Datuk Seri Menteri, bangunan-bangunan yang kita anggap macam Datuk Seri kata tadi ada 2,000 lebih buah yang dianggap sebagai bangunan yang harus dan patut dikekalkan identitinya.

Jadi walaupun pihak kementerian di luar kemampuan pada masa ini, ada tidak undang-undang yang kita boleh kenakan kepada tuan bangunan tersebut supaya bangunan tersebut tidak boleh diubahsuai ataupun tidak boleh dijual beli di antara mungkin kepada orang luar dan sebagainya atau diubahsuai menjadi pejabat dan sebagainya yang akhirnya hilang identiti warisan itu. Contohnya Yang Berhormat, macam Hotel E&O, walaupun hotel itu taraf lima bintang tetapi diubahsuai begitu elok dan hari ini kita dapati bahawa pelancong-pelancong dia suka duduk di hotel tersebut kerana warisan yang begitu dapat mereka nikmati. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan perbandingan antara kuasa undang-undang jika ada dan juga pengubahsuaian yang perlu dilakukan. Sebenarnya saya sendiri mengakui bahawa pada masa-masa yang lalu pengurus bagi kita menentukan supaya sesuatu bangunan itu disenaraikan sebagai warisan, yakni *heritage*, kita telah tidak dapat melaksanakan tuntutan undang-undang *universal* ataupun undang-undang domestik kita sebenarnya. Ini adalah di atas terhadnya kemampuan pihak-pihak berkenaan dan tiadanya undang-undang yang komprehensif terhadap pemuliharaan dan juga pemuliharaan sementara ataupun di atas imbuhan yang boleh kita beri kepada tuan punya harta.

Misalnya, Hotel *Majestic* di mana kita telah menandatangani berbagai-bagai dokumen sejarah, dari bantahan Raja-raja Melayu terhadap rancangan *Sir Harold MacMichael* misalnya sampailah kepada masa-masa penyerahan kuasa masa Jepun. Hotel ini telah dimiliki sekarang oleh orang lain dan tidak ada kuasa pada masa itu untuk menahannya daripada diurusniagikan. Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, setelah lulus pindaan Perlembagaan ini maka kementerian akan mengadakan perbincangan untuk meluluskan rang undang-undang baru dan diluluskan hendaknya oleh Kabinet dan di dalamnya kita akan mengadakan pelbagai peruntukan yang mengandungi kuasa-kuasa tertentu. Kemudian Lembaga Warisan, Dana Warisan serta peruntukan-peruntukan lain yang memberi jaminan supaya artifak budaya menerusi warisan ini dapat kita jamin sebagai sesuatu yang kekal. Suka saya menyatakan iaitu warisan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit lagi, Yang Berhormat. Yang ini mustahak fasal warisan. Saya hendak ucap terima kasih kepada kementerian kerana memberi peruntukan untuk mengubahsuai dan membina semula rumah Almarhum Tunku Abdul Rahman di Jalan Putera, Alor Setar. Di situ banyak sejarah - perbincangan konfrontasi antara Malaysia-Indonesia pun diadakan di situ. Cuma di depan bangunan itu terdapat satu hotel yang bertaraf satu bintang setengah. Jadi bolehkah kementerian beli hotel itu dan kita roboh hotel itu agar rumah Almarhum Tunku Abdul Rahman ini akan nampak begitu segar sekali. Sekarang ini rumah itu terlindung, rumah yang elok yang diubahsuai dan

terlindung dengan satu hotel yang jenis bawa naik buku besar, sains dalam bilik, bukan *check-in di* kaunter. Jadi bolehkah tidak pihak kementerian guna sedikit duit, beli hotel tersebut, Yang Berhormat, supaya kita boleh jaga warisan Almarhum kerana beliau adalah Perdana Menteri yang pertama kita. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat. Insya-Allah pada 8 Februari kementerian akan pergi ke Kedah sempena perasmian bangunan tersebut. Insya-Allah kita akan berunding dengan kerajaan negeri tentang cara apakah yang sebaiknya kita lakukan terhadap cadangan seperti itu, tinggal lagi hal-hal yang berkaitan dengan pemuliharaan tadi tetap kita laksanakan. Dalam pada itu sekiranya nilai kepada sesuatu pegangan ataupun *property* berkaitan dengan warisan itu terjejas akibat adanya bangunan lain maka kita boleh mengambil tindakan dan tindakan itu sekiranya dipersetujui hendaklah bersama dengan kerajaan negeri. Ini akan kita rundingkan. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Sedikit masa dahulu Stadium Merdeka pernah hendak dirancang untuk diroboh dan hendak dibangunkan dengan projek lain, apakah kementerian pada hari ini telah membuat keputusan supaya dapat mengekalkan Stadium Merdeka ini daripada dirobohkan kerana ia merupakan tempat bersejarah di mana kita menyambut Kemerdekaan kerana pada waktu itu kitalah yang mula-mula sekali menuntut kemerdekaan. DAP, PAS belum ada lagi. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih, saya memberi jaminan di sini iaitu Stadium Merdeka tidak akan dirobohkan. Di dalam minit kementerian telah dicatatkan bahawa memang ada suatu usaha tidak beberapa lama dahulu untuk mengetengahkan cadangan pembangunan baru dan setelah kita teliti maka cadangan itu amat bercanggah dengan Dasar Warisan Negara kita. Justeru kita memaklumkan kepada pihak berkenaan supaya projek sedemikian tidak dilangsungkan dan perkara ini telah pun diminit serta ditakrif oleh kerajaan sebagai mustahak dan tidak lagi akan timbul buat masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan iaitu warisan mempunyai beberapa aspek yang harus kita tanggap ertinya dan ini berkaitan dengan kemahuan Yang Berhormat bagi Seri Gading yang mempersoalkan tentang definisi "warisan". Sukacita saya mengambil masa sedikit untuk menghuraikan secara ringkas. Definisi "warisan" mempunyai pengertian yang luas yang mencakup apa jua sesuatu yang diturunkan atau yang diterima turun temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya. Ia merangkumi segala aspek sama ada yang semula jadi atau buatan manusia. Mengikut definisi yang diberikan oleh UNESCO bahawa warisan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu warisan budaya atau *cultural heritage* dan warisan alam semula jadi yakni *natural heritage*.

Tentang warisan budaya atau *cultural heritage*, ia dibahagikan kepada dua yakni warisan budaya yang ketara atau fizikal yakni *tangible cultural heritage* dan warisan budaya tidak ketara atau bukan fizikal, iaitu *intangible cultural heritage*. Bagi warisan budaya yang ketara, iaitu warisan budaya tidak mudah alih, adalah satu daripada bahagiannya dan warisan budaya mudah alih ataupun *movable cultural heritage* sebahagian lagi. Definisi mengikut *Convention Concerning The Protection Of The World Cultural And Natural Heritage*, UNESCO, maka kita harus melihat semula takrif-takrif tersebut dan sekiranya disetujui oleh Kerajaan Malaysia, kita akan ikut ataupun padankan pengertian di negara kita kepada yang ada pada UNESCO itu. Tetapi izinkan saya pada masa yang sama menyatakan bahawa perkara-perkara seperti bahasa, tarian, lagu ataupun apa yang dianggap sebagai ciptaan seni menerusi bunyi, ini merupakan *intangible heritage* dan ianya juga harus kita pelihara.

Salah satu daripada permasalahan bahasa misalnya ialah campuran penggunaan bahasa sehingga bahasa itu tidak lagi merupakan bahasa yang asal ataupun yang boleh menjurus kepada penentuan bangsa yang menuturkannya. Ini jua merupakan salah satu aspek yang harus kita jaga bersama dalam konteks pengertian kita berkaitan dengan warisan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan iaitu tentang warisan alam semula jadi. Definisi mengikut *Convention Concerning The Protection Of The World Cultural And Natural Heritage*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum Yang Berhormat Menteri beralih kepada tajuk yang baru, tadi Yang Berhormat menteri ada sebut mengenai tarikh 8 Februari, adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan perayaan besar-besaran mengenai tarikh yang begitu penting itu oleh kerana tidak pernah dilakukan oleh kerajaan. Mengenai Hari Jadi Bapak Malaysia, adakah kerajaan berhasrat buat begitu dan apa rancangannya?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Secara kebetulan kerajaan telah pun mengadakan beberapa hari perayaan tetapi secara kecil-kecilan terhadap tarikh lahir para pemimpin ulung kita seperti bekas-bekas Perdana Menteri dan juga sebahagian daripadanya termasuklah Tun Abdul Razak, apatah lagi Tunku Abdul Rahman, tetapi sebahagian daripada perayaan ini adalah meliputi pengiktirafan kita menerusi majlis-majlis doa selamat.

Kementerian telah berfikir semula bahawa oleh kerana pemimpin-pemimpin ulung seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan seterusnya Allahyarham Tun Hussein mempunyai gelanggang sejarah yang tersendiri dan signifikannya amat besar, adalah mencadangkan supaya beberapa perayaan ataupun pengiktirafan penghormatan diberi kepada mereka. Ini masih dalam perancangan tetapi memorabilia ataupun bahan-bahan artifak berkaitan dengan peninggalan mereka sudah pun kita saksikan, cuma perayaannya sahaja yang belum sempat kita lakukan secara yang lebih besar. Insya-Allah, kita akan cuba susul program ini dalam perancangan warisan kita yang menepati tuntutan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan penerangan sedikit mengenai warisan alam semula jadi. Definisi UNESCO itu adalah tepat dan kita tidak perlu lagi mengkhawatiri tentang hal-hal yang berada di bawah tanggapannya. Cuma yang menjadi masalah kepada kita ialah bagaimana tempat-tempat seperti Kota Melaka, sebahagian daripada Pulau Pinang, Gua Niah, Gunung Kinabalu dan juga bahagian alam semula jadi kita di Malaysia dapat diiktiraf terus menerus oleh UNESCO sebagai warisan fizikal.

Kita sedang membuat kajian yang terakhir pada masa ini bagaimana harus kita mendapatkan sokongan antarabangsa agar bukan sahaja Pulau Pinang, Melaka, Gua Niah di Sarawak ataupun Gunung Kinabalu misalnya diiktiraf terus menerus tetapi kita sebagai negara juga harus menanam semangat dan mengambil bahagian memeliharanya. Jika kita tidak berbuat demikian maka UNESCO tidak akan teragak-agak untuk mengeluarkan dari senarai yang mereka sedang simpan dan menjalankan ikhtiar membantu Malaysia untuk masa-masa yang akan datang.

Soalan berikut dari Yang Berhormat bagi Sri Gading ialah apakah satu tempoh untuk dikategorikan sebagai warisan itu penting, sebenarnya penting. Di bawah undang-undang kita yang ada sekarang iaitu Akta Benda Purba 1976 biasanya tanggapan undang-undang bahawa sesuatu perkara warisan itu, bangunan itu misalnya hendaklah 100 tahun atau lebih kurang 100 tahun untuknya mendapat sifat sebagai warisan. Tetapi ini bukanlah satu perkara yang mandatori sekiranya sesuatu bangunan, katalah 80 tahun ataupun sesuatu peninggalan seni 80 tahun atau 70 tahun, ia boleh dikategorikan sebagai warisan, tidak menjadi masalah.

Ataupun selepas 10 tahun sesuatu perkara itu menjadi penting bagi negara memiliki dan mengekalkannya kita boleh kategorikan sedemikian. Cuma masalah pengkategorian ini menjadi rumit sedikit. Pada undang-undang yang ada sekarang, ianya tidaklah secara automatik. Pada undang-undang yang akan kita gubal seperti yang saya sebutkan tadi di bawah Akta Warisan akan datang, kita akan wujudkan satu senarai atau jadual di mana pihak berkuasa boleh menambah kepada jadual itu satu artifak budaya atau warisan dari masa ke semasa dan ia akan bertambah dan ditokok mengikut pemeliharaan yang ada pada kita dari zaman ke zaman.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading juga menanyakan apakah peninggalan sejarah seperti di bandar Melaka tanyanya dianggap sebagai warisan. Walaupun peninggalan ini mengingatkan kita kepada suatu zaman yang tidak begitu secocok dengan apa yang dianggap oleh penduduk atau warga sekarang. Jawapannya mudah iaitu mengikut pengertian dan definisi yang telah dihuraikan tadi, semua peninggalan sejarah dan seni bina seperti di bandar Melaka boleh dianggap sebagai warisan. Tetapi untuk UNESCO menganggapnya terus menerus ada beberapa ciri yang harus kita isi dan ciri-ciri itu termasuklah sifat-sifat asal yang masih ada dan dipelihara.

Kedua, seni bina ataupun tarikannya dari segi *the artistic, esthetic* dan sebagainya dapat difahamkan dan dinukilkan ke dalam laporan yang berkenaan. Tinggal lagi Kota Melaka adalah peninggalan Portugis dan mereka menjadi orang yang memerintah negeri Melaka dan dengan cara pemerintahannya dianggap bahawa sebahagian dari sejarah telah tidak dapat kita anggap sebagai penting kepada sesetengah pihak. Itu tidaklah menjadi hal ataupun masalah, asalkan dari segi sejarah ianya masih dapat kita hargai.

Begitu juga peninggalan-peninggalan yang lain. Yang Berhormat bagi Sri Gading juga mempersoalkan seterusnya. Adakah budaya Melayu seperti pantun, syair dan sebagainya...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum beralih lebih jauh lagi, adakah Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan sama ada mengenai warisan di Kota Melaka, adakah kementerian beliau mengakui bahawa Bukit China sebagai warisan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Minta ulang sedikit, Yang Berhormat. Yang akhir itu.

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada mengakui Bukit China di negeri Melaka, Bukit China.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Bukit China.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, bukit bersejarah 500 tahun itu sebagai warisan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya menyebut bahawa di bawah akta yang baru, kita akan mengadakan satu lembaga *heritage* atau lembaga warisan. Dan lembaga warisan ini juga akan diwakili oleh pihak yang berkenaan dari negeri-negeri yang berkenaan. Sekiranya pada masa itu penelitian dan kajian telah selesai dibuat, mana-mana tempat pun di negara kita boleh disenaraikan sebagai kawasan warisan, asalkan lembaga itu menasihatkan Menteri yang berkenaan bahawa ia harus dijadikan sedemikian. Pada masa itu bolehlah kita kemukakan hujah-hujah sama ada dari Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Sabah dan lain-lain bagi menentukan status sesuatu kawasan, bangunan ataupun artifak yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung sedikit lagi tentang adakah budaya seperti pantun, katanya, syair dan sebagainya dianggap warisan, sememangnya begitu. Budaya adalah memang sebahagian daripada warisan dan pengikut-pengikut ataupun warga yang mengamalkannya adalah sebahagian daripada mereka yang mencetuskannya. Pelukis-pelukis terkenal misalnya juga adalah elemen warisan penting dan mereka pun boleh dianggap sebagai pencetus kepada terbitnya warisan-warisan. Dalam melaksanakan program pemuliharaan warisan ia tidak terbatas kepada sesuatu yang fizikal sahaja, malah sesuatu yang dinilai oleh sesuatu masyarakat, keturunan, kesukuan dan sebagainya boleh dianggap sebagai warisan. Jadi, dalam konteks negara kita bilangan bangsa dan kaum yang ada telah menjadikan budaya Malaysia, ia bukan dicetuskan oleh suatu kaum sahaja tetapi pelbagai.

Justeru, amalan kita menerusi syair, nyanyian, lirik, muzik, tarian dan sebagainya harus kita senaraikan dan sekiranya dalam jadual tersebut penting bagi kita berbuat sesuatu untuk mengekalkan bentuknya, keseniannya, maka kita perlulah berbuat sedemikian. Ada seorang dalam penelitian budaya menyatakan namanya *Frederick March*, beliau menyatakan iaitu *the cultural artifacts of mankind is endless*.

Jadi kita bersetuju dengan pandangan itu ianya seperti aliran air, tambahannya meluap tetapi akhirnya memberi kebahagiaan kepada masyarakat. Ahli Yang Berhormat dari Seri Gading juga menanyakan, adakah Tan Sri P. Ramlee dikategorikan sebagai warisan dan tokoh-tokoh lain seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Mustapha dan sebagainya yang melibatkan diri dalam menuntut kemerdekaan dan pembentukan Malaysia sebagai bahan-bahan kepada warisan.

Tidak perlu saya jawab sebab ianya sudah jelas sedemikian. Izinkan saya mengambil masa sedikit lagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tokoh-tokoh dalam kategori sedemikian memangnya harus kita simpan dalam lipatan sejarah sebagai yang bernilai, seperti kata pepatah, "harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Untuk tujuan ini, misalnya pemuliharaan makam-makam adalah menjadi salah satu bukti kewujudannya. Hasil-hasil sumbangan Tan Sri P. Ramlee adalah merupakaninggalan seni yang amat agung dan ia mempunyai *outstanding universal value*, dengan izin.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berputar semula kepada rangka istilah yang disebut oleh Fredric March yang Datuk sebutkan tadi. Adakah bahasa sama ada etnik-etnik yang tertentu, umpamanya bahasa Melayu Sarawak, bahasa Johor Riau, bahasa Kelantan dan Terengganu mungkin pada suatu ketika nanti akan lenyap oleh kerana penerapan penggunaan bahasa baku yang kita gunakan sekarang. Apakah rancangan dan adakah ini juga diistilahkan sebagai satu warisan, kalau ya, apakah perancangan untuk membukukan ataupun *preserve*, dengan izin, bahasa-bahasa yang mungkin akan pupus ini, khususnya kalau dilihat di Sarawak, bahasa yang diguna pakai pada tahun 1950-an dan 1960-an hampir 60% hilang oleh sebab kemasukan bahasa Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa ke loghat? Yang Berhormat, bahasa ke loghat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk bahasa Minangkabau?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Orang Sarawak dahulu, dia ada dua macam Tuan Yang di-Pertua, satu loghat, dan lagi satu bahasa. Bahasa istilah-istilah yang tertentu dalam bahasa Melayu Sarawak banyak tidak dipakaikan lagi sekarang. Jadi kita merasa bimbang yang ini akan hilang ditelan zaman. Kerana bahasa, Datuk sendiri cukup ketahui bahawa banyak bahasa etnik, loghat-loghat etnik di seluruh dunia telah pupus oleh kerana penggunaan bahasa-bahasa universal.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat maksudkan bahasa ataupun loghat?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bahasa dan loghat.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa loghat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya lebih mirip menganggap itu sebagai bahasa tempatan yang juga *current thesis* boleh kita mengertikan sebagai loghat. Saya setuju sangat supaya loghat itu dikekalkan pengkajiannya atau dijalankan kajian terhadapnya.

Masalah yang wujud kini ialah bahasa Melayu sendiri telah diapit oleh pembangunan pesat dan di atas kemasukan istilah-istilah baru, sifat-sifat serta hala tuju komunikasi, bahasa itu sendiri telah mengalami beberapa permasalahan yang tak perlu saya sebut secara *detail*.

Salah satu daripada permasalahannya ialah penggunaan istilah-istilah yang tidak dikawal langsung sehingga rosaknya struktur, makna ataupun keindahan bahasa itu sendiri. Menjawab soalan Yang Berhormat itu, kementerian memang telah mengadakan dasar baru-baru ini untuk mewujudkan segmen penyelidikan bahasa dan juga budaya yang berkaitan dengan bahasa. Saya pun telah memaklumkan kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa Kementerian Kebudayaan ini akan menjalankan kerja-kerja penyelidikan secara usaha sama dan kerjasama dengan kementerian tersebut sebab terlampau banyak aspek pembudayaan bahasa yang harus kita laksanakan sekarang.

Berbalik kepada soal menyelidik semula, ini harus kita jalankan secara serius dan caranya yang paling baik ialah menggunakan khidmat tempatan yakni mereka yang mempunyai minat serta kebolehan untuk membuat penyelidikan semula tentang bahasa-bahasa atau loghat-loghat yang kedapatan kian lama kian hilang di kawasan kita. Izinkan saya sedikit lagi

Tuan Lim Kit Siang: Ya, penjelasan. Dalam satu masa apabila dasar kerajaan dipandukan oleh dasar asimilasi, tulisan-tulisan oleh rakyat Malaysia bukan dalam bahasa Malaysia, tetapi dalam bahasa Mandarin, Tamil atau dalam Inggeris, kita diiktiraf atau diakui sebagai bahasa sastera Malaysia.

Sekarang dengan ketepikan dasar asimilasi dan menerima dasar integrasi, adakah tulisan-tulisan oleh rakyat Malaysia dalam semua bahasa sama ada dalam bahasa Mandarin, Tamil, Inggeris atau bahasa Malaysia sekarang diakui terima sebagai sastera Malaysia?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor boleh saya padankan semula kepada pengertian terhadap kebudayaan kebangsaan iaitu yang telah diluluskan menerusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

Esen ataupun patinya ialah bahawa kebudayaan Malaysia kita asaskan kepada kebudayaan masyarakat asal di tanah air tetapi semua budaya, kaum dan bangsa lain diterima supaya dapat diamalkan dan selarastah dasar itu seperti amalan-amalan yang berkaitan dengan budaya yang ada pada negara kita.

Sekiranya ada sesuatu yang menonjol, yang menjadi sesuatu boleh kita anggap sebagai seni dan membimbing kita ke arah pencapaian yang lebih tinggi, maka tulisan-tulisan itu harus kita teliti dan jadikan sebahagian daripada rujukan pihak-pihak yang berminat untuk meninggikan taraf pengetahuan mereka.

Dalam pada itu, mari kita lihat kepada apa telah jadi kepada Shakespeare. Inggeris telah menjadikan Shakespeare sebagai batu perbandingan masyarakat Inggeris sehingga kita telah dengan tidak disedari di mana kedudukan Shakespeare itu sebagai perbandingan sastera yang paling tinggi. Namun, kita harus juga di Malaysia mempunyai sempadan atau perbandingan seperti itu.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu aspek penting di dalam warisan negara kita ialah Institusi Raja-raja Melayu. Institusi Raja-raja Melayu ini adalah merupakan warisan negara kita yang telah wujud beratus-ratus tahun dan apakah terdapat suatu undang-undang ataupun terdapat di dalam Perlembagaan yang boleh menjamin bahawa Institusi Raja-Raja Melayu ini akan terus kekal sebagai institusi warisan negara yang tidak akan diganggu gugat kerana di dalam perkembangan globalisasi dan juga dunia yang semakin progresif maka akan wujud idea-idea baru khususnya demokrasi yang akhirnya boleh menggugat kepada Institusi Raja-raja Melayu ini yang boleh juga menggugat warisan Melayu kita. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Institusi Raja-raja Melayu ini juga sebahagian daripada warisan. Sekiranya ianya merupakan sebahagian daripada warisan negara kita apakah usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjaga warisan negara kita yang begitu bernilai.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan ini. Bak kata orang, "bila terpijak, ia terlenda", jadi sekali terpijak banyak perkara yang dibahaskan. Walaupun saya tidak lagi mengendalikan hal yang berkaitan dengan undang-undang misalnya tetapi saya masih ingat iaitu di bawah Perkara 159, kita tidak boleh meminda, apa-apa berkaitan dengan darjat kebesaran Raja-raja.

Di bawah Perkara 38 juga, yakni di mana diletakkan Majlis Raja-Raja, jelas menunjukkan bahawa ia merupakan entiti yang tidak boleh kita pinda sewenang-wenang. Selain dari itu pula, di bawah Akta Hasutan tahun 1948, kita dicegah daripada memperkatakan sesuatu yang berbentuk hasutan yang berkait dengan darjat, kedudukan Kebesaran Raja-raja. Jadi, dengan adanya peruntukan-peruntukan itu, bagi pengertian kita memadai bahawa institusi itu tidak akan tergugat. Tetapi, walau apapun undang-undang yang berkata, yang penting ialah masyarakat sendiri.

Masyarakat Melayu khususnya, adalah mendapat imbuhan dari budaya istana sebagai berkata halus, berkeadaan yang sopan dan sebagainya dahulu. Tetapi, kita jarang menoleh ke belakang melihat bagaimana harus kita mengekalkan sopan santun itu. Sebab itulah kita mengadakan kempen baru-baru ini ke arah yang tersebut. Di harapkan secara Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni itu, kita sekalikan dengan Rukun Negara, iaitu *ambit* yang kelima, prinsip yang kelima, Ketatasusilaan yang ada di perkara lima Rukun Negara itu mengajar kita supaya jangan lupa ke arah apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakan saya menunggu untuk menjawab seterusnya, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, maka saya cuba ringkaskan jawapan berikut, iaitu saya ingin menyatakan sebagai terakhir, apakah yang hendak dipertahankan dalam warisan, persoalan dari Yang Berhormat bagi Sri Gading. Beliau berminat sungguh untuk mengetahui. Secara ringkas izinkan saya menyatakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Santubong bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya Dato', saya ingin menyentuh soal warisan ini tadi, tetapi malangnya saya hanya ada 15 minit, kawan mengganggu, jadi saya tertinggal soalan ini. Saya terajak semula untuk membincangkannya semula apabila Datuk menyebut soalan *Shakespeare* tadi sebagai suatu panduan sebagai budaya masyarakat khususnya di Britain. Kalau kita melihat siapa sahaja yang mempelajari ilmu kebudayaan, tidak cukup kalau tidak membaca *Homer, Elliott, Odyssey Shakespeare*. Jadi di Malaysia apakah garis panduan, umpamanya pelayaran Abdullah.

Adakah ini boleh diguna pakai sebagai suatu warisan Melayu dan diajar di sekolah-sekolah. Sekarang kita menggunakan buku-buku siapa sahaja yang boleh mempromosikan buku itu kepada kementerian, jadi orang itu akan mendapat kontrak *supply* buku dan diguna pakai sebagai bahan pengajaran. Tetapi warisan-warisan lama, sejarah-sejarah lama tidak banyak digunakan. Jadi kita kurang mengetahui apa yang berlaku di negara sendiri, lebih banyak mengetahui sejarah di negara orang lain, *Shakespeare, Homer, Elliot* umpamanya. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan Yang Berhormat kita. Sentimen itu saya terima. Di sebelah saya ialah rakan saya Menteri Pelajaran. Beliau pun mencuit kepada saya, kata beliau: "Ini semua boleh, kita alur semula." Tidak pernah sesuatu bangunan itu tidak boleh diubah suai, semuanya boleh, cuma mahu, tidak mahu kita berbuat sedemikian.

Jika bangsa Malaysia ingin bangun ianya tidak boleh diukur hanya menerusi Bangunan PETRONAS *Twin Towers*. Mesti diisi bak kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sahsiah, character serta bimbingan dalaman. Insya-Allah kita akan laksanakan penilaian semula, bukan sahaja Pelayaran Abdullah, misalnya tetapi Hikayat-hikayat yang lain.

Ini terserahlah kepada cerdik pandai di perenggan yang mengajar bagaimana kita cinta asal usul kita, bahasa kita, budaya kita dan apa yang kita anggap sebagai penting untuk membina dan menjana kita sebagai suatu bangsa yang bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan terakhir dari Yang Berhormat bagi Sri Gading ingin saya jawab ialah tentang apakah yang hendak

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun hendak bincang sedikit sebanyak mengenai pemuliharaan warisan, tetapi tidak cukup masa. Walau bagaimanapun, saya bersetuju, kita mesti adakan satu kempen untuk budi bahasa, untuk mengamalkan nilai-nilai murni dan di dalam Dewan ini juga kadangkala – kita nampak tidak begitu sopan santun juga.

Walaupun bagaimanapun, sejak mengambil alih jawatan kementerian ini, bolehkah Yang Berhormat mengkaji sebab apa, kita merdeka sejak 1957, kita hanya ada dua tempat yang disenaraikan di dalam *World Heritage* iaitu Kinabalu dan juga Mulu, dua sahaja, itupun warisan alam sekitar, bukan warisan kebudayaan. Ini tidak bermakna, kita tidak mempunyai kebudayaan yang boleh disenaraikan di dalam *World Heritage*. Apakah strategi dan kaedah yang akan digunakan oleh Yang Berhormat untuk membuat sistem laporan, sistem kawalan dan sistem mengenalpastikan tapak-tapak, harta-harta di Malaysia yang boleh disenaraikan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Pertanyaan beliau ini tidak boleh dijawab oleh satu bahagian pentadbiran sahaja. Ianya mesti dihayati, diterima, dan diamalkan oleh semua pihak. Oleh kerana UNESCO membuat piagam atau piawai yang tinggi, barangkali hanya dua perkara tadi sahaja yang diterima sekarang sebagai wajar

dianggap sebagai artifak *World Renown*, dengan izin dari segi *Heritage*. Tetapi saya yakin, tidak berapa lama lagi beberapa tempat lagi dapat kita masukkan ke dalam senarai tersebut.

Misalnya Kota Melaka dan juga Kota Tampan di Perak, cuma hubungan kita dengan UNESCO insya-Allah menerusi rakan sejawat saya, Yang Berhormat Menteri Pelajaran, kita akan salurkan maklumat yang lebih tepat dan juga lawatan-lawatan daripada mereka untuk datang ke tanah air kita. Insya-Allah senarai itu akan dapat kita tokok, tetapi sekiranya apa yang dianggap oleh UNESCO sebagai (*the acid test*) atau ujian yang penting, iaitu kualiti daripada artifak ini hendaklah dijaga. Untuk itu kita harus mendidik pegawai-pegawai kita, orang ramai bagaimana tidak memusnahkan artifak-artifak ini dari segi penggunaan. Ini adalah sesuatu yang amat rumit.

Sebagaimana yang kita maklum, ketinggian kita memelihara, dan memulihara sesuatu kawasan itu, tidak dapatlah saya perakukan pada saat ini, tetapi, jika dapat kita tingkatkan pemeliharaannya dan pemuliharaannya kemudian, maka senarai ini akan bertambah. Kita baru merdeka 47 tahun lebih kurang, insya-Allah kita akan tokok kepakaran kita menerusi kegigihan kita di bawah Jabatan Muzium dan Antikuiti dan setelah Akta Warisan ini selesai, urusan ini akan kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan secara ringkas iaitu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading akhirnya, bagaimana yang kita faham, jati diri dan ketamadunan setiap bangsa di dunia ini perlu, tanpa warisan, maka kita tidak akan wujud di salah satu kelompok masyarakat di dunia ini.

Pernyataan itu sangat penting dan saya setuju kementerian sangat menilai pandangan sedemikian. Memelihara warisan adalah untuk mengangkat martabat warisan sekali gus.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Kayu ukur... Sekejap, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Kayu ukur untuk mencapai taraf ini ialah jika kita disenaraikan di dalam Senarai Warisan Dunia (*World Heritage List UNESCO*), maka markah kita, pencapaian kita akan lebih terserlah. Tetapi untuk sampai ke tahap itu, saya telah cuba menjawab tadi beberapa ujian harus kita laksanakan.

Pada masa yang sama ada satu lagi badan yang harus kita beri perhatian iaitu ISESCO yakni badan yang diiktiraf oleh masyarakat Islam seluruh dunia sebagai mempunyai nilai-nilai budaya, seni dan warisan tersendiri. Badan ini pun, yakni ISESCO ini kita harus gunakannya sebagai kayu pengukur kepada pencapaian kita di dalam warisan. Insya-Allah di bawah pengkerusinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah menghadiri beberapa mesyuarat dan kita akan mengemukakan kepada ISESCO beberapa cadangan supaya kawasan-kawasan, artifak-artifak warisan kita tersenarai hendaknya lebih segera daripada yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Datuk Seri Menteri, saya ingin meminta penjelasan, artifak dan juga warisan sejarah negara kita sebenarnya banyak tersimpan di muzium-muzium dan juga di arkib-arkib di negara-negara luar khususnya negara-negara Eropah seperti negara Britain, Holland dan juga beberapa negara yang lain.

Saya minta penjelasan daripada Datuk Seri Menteri sama ada pihak kerajaan ataupun pihak kerajaan ada mengambil inisiatif-inisiatif tertentu untuk membawa kesemua ataupun meminta semua daripada dokumen-dokumen itu untuk dibawa balik dan juga dijadikan sebagai warisan kita kerana saya percaya kalau sekiranya kita tidak mendapat warisan ini maka kita akan selama-lamanya bergantung kepada muzium-muzium dan arkib-arkib negara luar untuk membuat kajian tentang bangsa kita sendiri dan ini adalah merupakan satu kekurangan sebagai sebuah negara yang bertamadun. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini telah pun saya jelaskan baru-baru ini dalam satu wawancara khas dan kementerian memandang berat sebenarnya. Warisan kita yang dimiliki oleh muzium-muzium luar ada tiga perkara penting. Pertama ialah kita belum ada cukup senarainya yakni muzium mana yang menyimpan artifak Malaysia dan apakah artifak-artifak sejarah atau warisan yang ada pada muzium tersebut. Juga pihak-pihak yang mengumpul secara peribadi pun ada menyimpan manuskrip-manuskrip serta dokumen-dokumen lama milik Kerajaan Negeri Melaka serta Kerajaan Melayu Riau lama.

Masalahnya ialah belum ada satu mekanisme antarabangsa yang jelas bagaimana kita boleh menuntut bahawa artifak itu adalah milik kita. Artifak itu memang kita tahu bahawa ia ditulis oleh seorang raja berasal dari Johor misalnya, tetapi bagi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk pergi ke sana dan menyatakan, "*This belongs to us*", dengan izin, "Ini hak kami" bukanlah semudah itu. Jadi sebelum instrumen persefahaman dapat kita tandatangani, maka urusan untuk cuba mengambil alih pemilikan bahan-bahan ini agak rumit.

Sebagai contoh, di London ada manuskrip-manuskrip lama dan juga peninggalan-peninggalan yang harus kita miliki semula, tetapi sistem untuk mendapatkannya itu memerlukan persefahaman antarabangsa. Saya dimaklumkan baru-baru ini bahawa UNESCO boleh membantu kita dalam soal ini. Jadi saya sedang menguruskan suatu kertas Kabinet untuk dipersetujui sebelum susulan ini kita buat, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan sebentar lagi iaitu soalan daripada Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya bacakan dahulu, Tuan Yang di-Pertua sebab jika tidak, takrif kemudiannya mungkin tidak tepat. Di Pulau Pinang, katanya banyak rumah lama yang diubahsuai di mana sepatutnya tidak boleh dilakukan. Jawapan kementerian ialah senarai yang disebutkan tadi sedang kita siapkan, tetapi mengikut tertib dan juga nilai warisannya. Kita akan menentukan kemudian. Sekiranya sesuatu bangunan itu dikenal pasti bahawa penting sekali diabadikan menerusi proses pewarisan, kita akan berbuat sedemikian.

Lantaran senarai ini begitu panjang dan melibatkan begitu banyak artifak, maka kita harus berwaspada di atas mana yang dahulu dan mana yang harus kita kemudiakan. Tetapi sejarahnya telah menentukan iaitu jika kepentingan sebahagian besar masyarakat terlibat, kita akan menjadikannya sebagai warisan yang wajib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita pergi ke kota London, mereka sangat konservatif dengan seni warisan mereka. Dalam konteks negara kita, Malaysia, saya melihat bahawa di antara warisan yang berharga adalah seni pertukangan rumah kediaman dan yang paling menarik ialah di Melaka dan Negeri Sembilan. Ini antara contoh rumah dan seni warisan yang saya rasa telah hampir pupus. Generasi yang akan datang ini, generasi yang ada pada hari ini apabila mereka mengubahsuai rumah mereka, mereka mengubah segala-galanya. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan dan kementerian yang ada ini untuk memelihara warisan ini supaya tidak terus pupus daripada Melaka dan Negeri Sembilan, sebab contoh. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Ada satu buku *bernama "The Malay House"* yang dikarang kira-kira 10 tahun yang lalu dan ayat yang terkandung dalam persoalan Yang Berhormat itu seakan-akan sama yang terdapat dalam buku itu. Juga saya teringat kepada tulisan Mubin Sheppard yang sudah pulang ke rahmatullah. Beliau yang menulis mengenai warisan di Terengganu juga membuat lamentasi seperti yang sama.

Kementerian yang mempunyai bahagian warisan yang baru adalah sensitif terhadap hal ini, bukan hanya rumah-rumah lama yang dipertukangkan oleh tukang-tukang lama dahulu tetapi juga struktur-struktur lain yang mencerna dan mewarnakan kehidupan kita di Malaysia. Sekiranya rumah-rumah kampung, misalnya yang dibina sebelum darurat ataupun pada tahun 20-an, ia sentiasa mengimbuu satu jenis perasaan yang nostalgik dan kita akan cuba mengenal pasti kembali beberapa rumah tersebut.

Pada masa ini memang benar di Melaka, di Negeri Sembilan, di Johor, di Perlis dan juga di Kedah, beberapa struktur rumah lama kampung memang masih ada dan usaha ini kita akan laksanakan dalam satu senarai yang nanti diharap membanggakan kita dari segi pemulihannya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat bagi Kepong, saya mengucapkan terima kasih. Beliau mencadangkan supaya laporan kemas kini mengenai Program Pemulihan Warisan Negara diadakan dan dipadankan dengan Senarai Warisan Dunia (*World Heritage List UNESCO*). Saya telah mengakui tadi beberapa masalah yang kita hadapi tetapi kita berazam di kementerian ini untuk mengatasinya dan interaksi dengan UNESCO dan juga dengan ISESCO yang saya sebutkan tadi akan berjalan dengan lebih pesat. Lapornya akan kita kemukakan kemudian dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang meminati hal-hal berkaitan warisan tentunya akan gembira membaca laporan itu kelak.

Kedua ialah tentang kata beliau, "*The Historic Straits Settlements of Malacca And Penang*" dicalonkan sebagai satu entiti bersama sepatutnya. Jawatankuasa ini telah menghantar Senarai Warisan Negara kita ke UNESCO untuk dipertimbangkan dan perkara ini adalah salah satu daripadanya. Gua Niah di Sarawak begitu jua. Tetapi selain daripada itu kita akan cuba menyenaraikan artifak lain dan juga kawasan-kawasan yang boleh membanggakan negara dari segi *heritage* atau warisan.

Mengenai *Trans-border Rainforest Heritage of Borneo* pula....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya dahulu biasa membawa anak-anak sekolah kita ke muzium dan saya juga ada membuat tinjauan, kajian baru-baru ini tentang anak-anak kita yang melawat muzium. Ramai di antara mereka menyatakan bahawa tidak ada apa-apa di muzium. Mereka tidak dapat merasai ataupun menjiwai apa yang ada di muzium. Sebagai contoh kalau di Selangor, sebenarnya di situ tapak lama yang bernilai sejarah seperti di Kuala Langat, di Jugra, di bandar, kemudian di Kuala Selangor, di Permatang, di Melawati, ada semua di muzium. Tetapi anak-anak kita yang masuk ke muzium itu tidak dapat merasai dan menjiwainya dan kita mendapati salah satu daripada sebabnya ialah kurang sangat dokumentasi.

Jadi, maknanya mengenai tempat-tempat ataupun monumen oleh negeri Selangor yang bersejarah ini sangat kurang bahan penulisannya. Oleh kerana itu, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri supaya di muzium ini lebih banyak dokumentasi ataupun penulisan mengenai perkara-perkara yang sangat *significant* kepada perkembangan bangsa kita ini diperkenalkan. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyatakan bahawa beberapa kelemahan ataupun keadaan yang perlu diperbaiki harus kita terima, saya terima itu. Salah satu daripadanya ialah seni mempamerkan sesuatu artifak.

Seni yang ada pada kebanyakan muzium adalah mereka menggunakan acara atau kaedah dan bantuan teknikal yang baru. Suasana sesuatu artifak itu disimpan dengan celahan cuacanya atau dengan istilah pencahayaannya adalah dilakukan bersama. Jadi sesuatu artifak tadi dalam suasana yang diatasi oleh kegemilangan cuaca itu menarik perhatian manusia, misalnya. Itu belum dapat kita atasi.

Jadi, cara yang paling praktikal bagi kita ialah melatih semula pegawai-pegawai dan mereka yang berkaitan dengan penyerlahan artifak ini secara yang *contemporaneous*, dengan izin. Alhamdulillah, beberapa orang apabila pulang nanti daripada Muzium British, dari Australia kita akan dapat beberapa pembaharuan.

Tetapi dalam masa yang sama, saya juga pohon Yang Berhormat tolonglah lawati semula muzium kita dalam tempoh yang singkat supaya beberapa pemerhatian baru dapat kita buat. Dengan jawapan seperti itu, kita juga akan pohon kementerian-kementerian lain supaya menggalakkan anak-anak muda dan pelajar-pelajar kita diwajibkan melihat artifak-artifak, masyarakat dan negara kita kembali. Tetapi ini memerlukan pengajaran sejarah yang menarik dan ikatan atau kaitan antara sejarah dengan muzium sangatlah rapat.

Jika pengajaran sejarah atau tawarikh misalnya tidak kena ataupun tidak menarik kepada segolongan besar, orang itu tidak akan pergi melihat muzium atau apa yang disajikan di dalam muzium. Hal-hal seperti ini kita ambillah ingatan dan saya akan cuba dengan para pegawai kita memperbaiki keadaan agar minat kita ke arah warisan itu bukan hanya setakat menyatakan sesuatu berkaitan bangunan ataupun gunung tetapi juga tentang muzium itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tambah sedikit lagi mengenai *Transborder Rain Forest Heritage of Borneo*. Tajuk ini juga dikemukakan kepada UNESCO supaya mereka melawat kemudian dan menentukan kepastiannya sama ada piawai mereka itu tepat mengenai tuntutan yang kita kemukakan. Taman Negara Batang Air dan juga kawasan-kawasan lain akan kita kemukakan. Tetapi ini hanya kawasan-kawasan fizikal alam yang boleh kita cadangkan kepada mereka. Tempat-tempat tertentu atau peninggalan budaya belum dapat kita kemukakan secara yang memberi kepuasan atau kelulusan kepada UNESCO.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Mambong bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Akhir sekali, sedikit sahaja. Tambahan sebelum saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim:dengar apa yang dikomen oleh Yang Berhormat itu, yakni Taman Negara Semenanjung, Segenting Kra di Selatan Thai juga termasuk ke dalam senarai yang akan dikemukakan untuk kepastian UNESCO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Taman Negara Batang Air dan juga Lanjak Entimau *Wildlife Sanctuary*. Kawasan ini adalah satu kawasan besar dan disambung juga dengan satu kawasan *contiguous* di Kalimantan. Walaupun kawasan ini hanya dilihat bahawa ianya ada hutan dan ada kehidupan liar di situ, namun semasa kita membuat kajian, saya yang terlibat, kita dapat *financial funding* daripada ITTO, kita masukkan juga orang tempatan yang tinggal di pinggir hutan tersebut.

Oleh yang demikian, jika kita mohon supaya kawasan ini menjadi satu kawasan *heritage* kepada UNESCO, kita seharusnya juga lihat kepada kebudayaan dan juga warisan orang-orang yang tinggal di pinggir hutan-hutan tersebut. Ini adalah salah satu sebab daripadanya yang kita harus pohon daripada UNESCO supaya permohonan kita ini akan lebih substantif lagi kerana kita ada warisan orang-orang tempatan. Di sebelah Kalimantan, tempat itu seluas satu juta hektar besarnya dan di sini lebih banyak lagi warisan orang-orang tempatan di Kalimantan.

Kita telah pun membuat satu kajian yang besar dahulu pada tahun 1997 dan kita tahu apakah warisan yang ada di dalam kawasan itu. Terima kasih, sila komen.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Sekarang komen. Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat itu memang kena pada tempatnya. Tadi sebenarnya saya sudah jawab, iaitu warisan juga termasuk aspek yang tak nampak atau *intangible*. Di kawasan itu sebenarnya kita harus mengemukakan aspek humanisme ataupun aspek kemanusiaannya. Kita sebutkan tadi iaitu tarian, loghat, perkara-perkara yang tidak nampak dilihat seperti muzik, cara mereka bergaul, misalnya orang Asli kita di Semenanjung ataupun kaum-kaum bumiputera Asli kita di Sabah dan Sarawak. Ini

semua harus kita senaraikan sebagai *intangible heritage* dengan perilaku mereka dan dengan budaya mereka.

Tetapi ini lebih menarik kepada pengkajian antropologi bagi kita. Justeru, soal yang berbangkit ialah untuk meyakinkan UNESCO iaitu orang kita harus boleh mengkaji orang kita sendiri. Masalahnya bagaimana kita hendak tahu mengkaji tentang orang kita sendiri sedangkan minat orang kita sendiri menulis tentang orang kita sendiri kurang pada masa ini.

Kita ambillah semula penulisan J.M Galik tentang Kuala Lumpur, tentang Malaya, tentang *Society of the Chinese*, sebutannya, tentang penulisan *Swettenham* tahun 1948 "*Federation of Malaya*". Kita bandingkan semula dengan apa yang ada sekarang. Berapa ramai anak watan kita sendiri yang mahu dan sayang untuk meneliti kembali tentang budaya tempatan kita. Ini masalah yang wujud di kalangan kita. Jadi setelah kita mengetahui sedemikian, bagi memberi satu sokongan kepada pandangan Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mewujudkan Bahagian Warisan dan telah memohon sekian ramai penyelidik pegawai kita untuk berminat menyelidik semula tentang bangsa kita sendiri. Tentang budaya kita, bahasa kita, syair, pantun, muzik, tarian kita, tentang kedudukan kita di hulu, tentang sungai kita dan sebagainya. Soal ini bak kata orang, dilipat sekecil kuku, dibentang seluas alam. Ianya tidak selesai hanya kita berdebat di sini tetapi jika ada hasrat dan sentimen kita untuk memperbaiki, pandangan Yang Berhormat ini kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sampai ke perenggan terakhir, [Ketawa] jadi, tidak tahulah kalau Datuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan atau tidak? Mana satu Yang Berhormat? Ada dua.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Serah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri. Saya ingin bertanya dan ingin meminta penjelasan, kita telah mewujudkan pelbagai jabatan khususnya Jabatan Pengajian Melayu dan juga pelbagai jabatan yang mengkaji tentang sejarah, kebudayaan dan juga apa-apa yang berkaitan tentang bukan sahaja kebudayaan Melayu, sejarah Melayu, tetapi juga sejarah bangsa-bangsa seperti Cina, India dan juga jabatan yang mengkaji tentang etnik-etnik Sabah dan Sarawak dan setakat manakah hasil-hasil kajian sejarah yang telah dibuat oleh universiti-universiti ini dan juga jabatan-jabatan ini telah dapat dikumpulkan untuk dijadikan sebagai warisan dan apakah kriteria-kriteria yang digunakan?

Adakah jawatankuasa penapis yang telah disediakan untuk melihat tentang apa juga tentang kajian-kajian yang dibuat ini supaya ia menjadi satu kajian yang *authentic*, ianya menjadi satu kajian yang menjadi warisan yang boleh dibanggakan oleh negara kita?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan itu. Sebagai reaksi ringkas, kita tidak mahu memperkecilkan usaha pengkajian yang telah dibuat oleh universiti-universiti kita. Di Universiti Malaya misalnya, kita sedia mempunyai sekian banyak penyelidikan atau *research papers* yang tinggal di sana tetapi tidak ada pihak yang mengungkainya balik untuk mencari mana yang bernas dan boleh kita jadikan panduan. Sebab itu di bawah Jabatan Warisan tadi, kita telah menggariskan sebagai satu projek Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya supaya semua penulisan penyelidikan tentang kebudayaan, tentang bangsa kita, bahasa, antropologi dan lain-lain, kita tapis semula dan dengan bantuan daripada ATMA misalnya di Universiti Kebangsaan Malaysia, kita boleh mengadakan rundingan terus menerus mendapatkan senarai-senarai kajian yang akan membantu kita.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang lebih penting ialah tentang pegawai kita. Di kementerian yang berkenaan juga, kita memerlukan kepegawaian ataupun tenaga yang

cergas untuk menghidupkan semula ilmu yang berkaitan dengan antropologi dan sebagainya, tentang bahasa linguistik dan seterusnya. Jadi dengan adanya kemahiran ini dan setelah diluluskan bahagian tersebut, insya-Allah kita akan cuba langkah yang pertama dalam perjalanan yang beribu batu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi teguran dan pandangan kepada kementerian yang baru ini. kementerian ini memang baru tetapi subjeknya amatlah lama dan di atas keikhlasan masing-masing. Saya akhiri dengan kenyataan berversi iaitu:

Rama-rama si kumbang jati;

Minum manis dalam gua;

Jagalah budaya dan seni;

Warisan kita kekallah jua.

Terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hebat! Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menjawab.

3.54 ptg.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sudi mengambil bahagian membahaskan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh perkara yang berkaitan dengan pengurusan perkhidmatan air negara.

Ramai Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan ia barangkali setengahnya juga telah memberikan jawapan bagi pihak saya. [Ketawa] Penglibatan yang ramai ini menunjukkan bahawa isu berkaitan pengurusan perkhidmatan kumpulan air negara yang dibahaskan ini adalah sangat penting dan semua masalah berkaitan dengannya perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan. Perbahasan banyak menyentuh mengenai keperluan untuk membangunkan satu industri perkhidmatan air yang progresif dan mampan di samping berupaya menjaga kepentingan pengguna.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga turut membangkitkan keperluan untuk mewujudkan satu badan kawal selia perkhidmatan air yang profesional dan berkesan. Selain itu, isu-isu yang berkaitan dengan tarif kadar Air Tidak Berhasil (NRW), hutang kerajaan negeri, perlindungan kawasan tadahan, penswastaaan serta perkara-perkara penting lain turut dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penerangan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan - industri yang mampan dan fungsi SPAN. Saya mengucapkan terima kasih kerana ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedar mengenai keperluan untuk membangunkan industri perkhidmatan air yang mampan, berdaya maju dan holistik di mana pihak industri akan digalakkan untuk terlibat bukan sahaja bagi satu aspek perkhidmatan seperti rawatan atau bekalan tetapi juga meliputi keseluruhan rantaian nilai meliputi rawatan, pengagihan dan pengebilan.

Saya ingin menyentuh sedikit berkaitan fungsi dan peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai badan kawal selia pengurusan air negara yang dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Banyak yang telah disebut berkenaan SPAN tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu cakap semua yang berkenaan dengan SPAN, nanti Akta SPAN dibawa kepada Dewan ini pada dua, tiga bulan nanti, nanti tidak ada orang hendak bercakap lagi. [Ketawa]

Jadi, ada satu peluang untuk membahaskan perkara berkenaan dengan SPAN. Ingin saya menjelaskan bahawa kewujudan sebuah badan kawal selia yang mantap, berkesan dan telus adalah penting bagi menjamin sebuah industri perkhidmatan air yang mampan dalam jangka masa panjang. Ini memandangkan rejim kawal selia di peringkat negeri pada masa ini bukan sahaja tidak seragam malah lemah dan kurang berkesan. Dengan adanya SPAN, fungsi kawal selia akan diperkuatkan untuk mencakupi empat bidang kawal selia utama ialah ekonomi termasuk pelesenan,

teknikal dan kualiti, pengguna termasuk penetapan tarif dan sosial serta akses luar bandar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SPAN bukanlah satu syarikat untuk menjalankan apa-apa aktiviti operasi rawatan atau perbekalan tetapi satu badan atau suruhanjaya yang akan mengawal selia operator-operator yang dilesenkan sama ada ia sebuah syarikat, perbadanan atau pihak berkuasa air sekalipun. Keahlian SPAN akan terdiri daripada mereka yang profesional dan berjiwa rakyat termasuk badan-badan yang mewakili pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan Persekutuan ini...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Minta jalan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, ..

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: ...akan memberi laluan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menentukan dasar dan hala tuju industri perkhidmatan air negara yang menekankan aspek pengurusan secara holistic. Bagi merealisasikan hasrat ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dua rang undang-undang akan digubal....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Boleh atau tidak saya minta jalan, Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Nantilah, bagi saya habiskan dahulu, you sudah bercakap empat jam, saya 20 minit pun belum ada lagi, sudah mahu tanya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya takut ketinggalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengkalan Chepa dia sudah bagi. Sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya takut ketinggalan. Yang Amat Berhormat pun ada. Masalah keahlian SPAN ini Yang Berhormat sebut ialah ahli-ahli yang profesional. Banyak Ahli Yang Berhormat menyuarakan untuk menjaga kepentingan rakyat ini perlunya ada wakil-wakil daripada kawasan Parlimen.

Yang kedua, saya hendak tanya adakah SPAN ini memasukkan ahlinya daripada wakil negeri kerana ini perlu untuk meletakkan tarif-tarif supaya dapat dibincangkan dengan secara terperinci dengan tidak membebankan rakyat. Adakah ada cadangan untuk memasukkan wakil-wakil kerajaan negeri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kerajaan negeri? Kerajaan Kelantan. Tetapi saya ingat kalau semua wakil dari kerajaan negeri yang mana ada 13 dan termasuk profesional, termasuk 190 Ahli Parlimen, susulah suruhanjaya. Tetapi tengoklah, orang yang berdaya, ada profesionalisme yang boleh memberikan sumbangan kepada pengurusan SPAN barangkali itu kita boleh memilih mereka untuk dijadikan Ahli SPAN itu.

Digubal iaitu Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, kementerian saya akan berusaha sedaya upaya agar kedua-dua rang undang-undang ini dapat dibentangkan untuk perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat pada sesi akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, tarif isu berkaitan dengan tarif juga mendapat perhatian ahli-ahli.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Ipoh Timor bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Yang Berhormat Menteri sudah habis dengan SPAN dan dua rang undang-undang yang dia sebut akan dikemukakan dalam Parlimen yang akan datang.

Yang pertama kenapa semua butiran-butiran yang lengkap mengenai sama ada SPAN atau dua rang undang-undang ini sampai sekarang tidak diumumkan, dan Yang Berhormat Menteri berkata bahawa mahu tunggu sehingga bulan Mac atau April, kalau tidak nanti tidak minat. Bukankah ini satu sikap yang salah yang kita perlukan satu proses *consultation* yang pada awal-awalnya Yang Berhormat Menteri ada pergi ke UK yang tahu *water bill* dalam UK.

Satu *draft consultation* ada dikemukakan pada tahun 2000 dan ada siri kertas-kertas dan dokumen-dokumen dan mesyuarat-mesyuarat konsultasi sehingga *water bill* diluluskan pada November 2003 (4 tahun), dan setiap peringkat ada perbincangan. Kenapa Yang Berhormat Menteri tidak rela mengikut contoh ini yang menunjukkan kerajaan sekarang ialah *accountable, transparent* yang terbuka.

Yang kedua, SPAN – adakah Yang Berhormat Menteri rela memberi satu jaminan bahawa tanggungjawab utama SPAN ialah untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna dan bukan untuk menjaga kepentingan korporat-korporat. Dalam dua hari ini kita dengar Yang Berhormat dari Barisan Nasional semua tunjuk tidak percaya kepada Yang Berhormat Menteri sungguhpun ada buat jaminan bahawa dua tahun tarif tidak akan dinaikkan. Tetapi tidak percaya oleh kerana ada kes PLUS atau Projek Lebuh Raya Utara Selatan dan ini ada disebut sebagai satu contoh di mana kerajaan atau *privatization* ini sudah menggadaikan masa depan negara ini dan siapa yang bertanggungjawab kerana ini? Yang Berhormat Menteri sendiri seorang menteri dalam kabinet ini yang bersetuju dengan PLUS (*North-South Highway contract*) yang menggadaikan masa depan negara, dan kalau begitu siapa boleh percaya Yang Berhormat tidak akan mengkhianati nanti, tidak akan mengkhianati masa depan negara ini dengan *water contract*.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pun Ini bukan saya kata.

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti. Nanti. Nanti. Saya kata

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ramai berdiri yang kata bahawa

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: saya percaya Yang Berhormat dari

Tuan Lim Kit Siang: bahawa kontrak ini menggadaikan masa depan. Nanti!.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Dato' Seri S. Samy Vellu: nantilah saya pun mintalah.

Tuan Lim Kit Siang: menggadaikan masa depan generasi yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Selepas Yang Berhormat bangun, saya pun ada hak bangun. Boleh bangun, boleh, saya pun ada.

Tuan Lim Kit Siang: Yang, saya habis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak tahu apa itu yang betul.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti!, saya belum habis.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri boleh jawab nanti.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tadi Ahli Yang Berhormat kata, saya tidak menandatangani lebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Lepas saya habis dahulu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Siapa menandatangani.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Siapa menandatangani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat kata tadi, saya yang menandatangani. Saya mana ada menandatangani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat sudah tahu tidak mempunyai maklumat, jangan cakap besar.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah tangani tetapi bertanggungjawab dalam peringkat awal.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jangan cakap besar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu lari dari tanggungjawab!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat tidak mempunyai maklumat tidak boleh cakap besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Ini bukan soal jawab. Ini

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekejap.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Oh! Tembak sahaja bukan semua boleh oh?

Tuan Lim Kit Siang: Pembangkang mahu jelas. Apa itu, saya habis dahulu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak pedulilah. Tak betullah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Siput.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Perdana Menteri ada di sini, tengok!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak ada maklumat mahu cakap ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mana ada budi bahasa!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun dan mengangkat buku Peraturan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Ipoh Timor cukup *[Dewan gamat]* Cukup! Cukup, Yang Berhormat Menteri menjawab Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Cakap lebuah raya, saya boleh cakap bila-bila. Cakap besar sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukuplah. Yang Berhormat Menteri sila jawab. Sila jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Menteri sila jawab. Sila jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bila saya jawab, tidak mahu cakap, sekarang cakap besar lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila jawab. Sila jawab. Sungai Siput sila duduk.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor saya mahu beritahu satu hal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Beri orang cakaplah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Ipoh Timor. Ipoh Timor cukuplah. Cukup. Cukup. Cukup!

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukup! Tak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timor sila duduk. Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Minta Ahli Yang Berhormat menghormati Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah. Yang Berhormat Sungai Siput sila duduk dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor sila duduk. Cukup. Cukup!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bila sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Siput sila duduk. Sila duduk. Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan pendirian saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini dalam perbincangan dua hari ini bahawa PLUS *contract* menggadaikan masa depan generasi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Jerai, tak apa.

Tuan Lim Kit Siang: menggadaikan masa depan generasi Yang Berhormat Menteri sini, sana dan beberapa orang di sini bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Ipoh Timor cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu bagaimana saya boleh percaya. Tidak akan mengkhianati masa depan rakyat dalam warta kontrak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, ini ialah *floor* Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri beri jalan, saya beri jalan. Sekarang Yang Berhormat hendak beri jalan kepada Menteri *[Pembesar suara dimatikan]* Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya ada satu perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor! Ipoh Timor! Ipoh Timor sila duduk! [*Dewan gamat*] Yang Berhormat Menteri hendak beri jalan atau tidak kepada Sungai Siput?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya minta kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Siput, hendak minta jalan dengan Menteri dahulu. Minta jalan dengan Menteri. Menteri hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Okey. Tak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Sana duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sudah kalah pilihan raya tidak tahu apa mahu cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Sungai Siput! Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua!..... Isu berkaitan dengan tarif juga mendapat perhatian dari Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, Kuala Terengganu, Puchong dan banyak lagi.

Ingin saya terangkan bahawa hampir keseluruhan Perjanjian Konsesi yang sedia ada memperuntukkan kenaikan tarif atau kadar pembelian air secara pukal [*bought supply rate*] secara automatik atau bayaran pampasan kepada operator pengeluaran air sekiranya kenaikan tarif tidak dibenarkan oleh kerajaan.

Fenomena ini nyata merugikan kerajaan-kerajaan negeri atau membebankan syarikat-syarikat pembekal air dalam kes kadar pembelian air pukal. Agak sukar bagi saya memberi jaminan bahawa tarif tidak akan dinaikkan selama-lamanya selama-lamanya. Akan tetapi ia di bawah struktur baru yang bakal dibentuk, kerajaan melalui SPAN dan kementerian saya akan memastikan agar kenaikan tarif adalah tidak secara automatik. Tidak secara automatik.

Tetapi akan mengikut satu proses penilaian yang rapi dan terbuka serta mengambil pandangan pelbagai pihak termasuk operator pengguna yang akan diwakilkan oleh Forum Air atau Suara Air dan kerajaan sendiri. Keputusan ini akan dimasukkan banyak pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat seperti kuasa untuk melihat buku-buku kewangan operator. Kita boleh melihat dan periksa apa perbelanjaan mereka untuk menentukan keuntungan atau mereka adalah cekap atau tidak cekap.

Untuk mengkaji *efficiency*

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya belum habiskan kesemuanya lagi. Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: [*Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor*] Dia belum beri jalan lagi Yang Berhormat. Dia belum beri lagi. Sila duduk Ipoh Timur.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dia sudah bercakap setengah jam, saya 20 minit pun belum ada lagi, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, dia belum bagi. Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu beri jalankan?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tidak mahu bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri, dia belum beri lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu beri?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tidak mahu bagi.

Tuan Lim Kit Siang: Takutlah dia.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Eh! Tidak fahamkah? Tidak mahu bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, sila ikut peraturan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, Ipoh Timor.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tidak boleh, tidak fahamkah? Tidak mahu bagi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, sila duduk. Dia tidak bagi.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak fahamkah? Tidak mahu bagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak adil! *[Pembesar suara terpadam]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, hari ini bukan Malam Oscar, *[Disorak]* ..yang mana dia boleh buat pertunjukan untuk mendapatkan oscar. Ini orang pandai, dia sudah main 35 tahun, lagi mahu mainkah? *[Dewan semakin riuh]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dungun bangun Yang Berhormat. Ada yang bangun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: *[Menggelengkan kepala]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat Dungun. Sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tidak bagi. Saya ada banyak yang mahu dicakapkan lagi. Projek kontrak secara tender terbuka, termasuk apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang mana *subsidiary* syarikat, *subsidiary* dia tidak boleh mengambil bahagian. Ada Yang Berhormat yang lain berkata, dia boleh menggunakan syarikat lain dengan *nominee*. Saya ingatlah, kalau ada operator itu, dia berani buat begini yang mana syarat perlesenannya bergantung kepada ketelusannya dan tidak main-main, dia main-main, kita pun boleh main-main balik. *[Tepuk]* Kita ada SPAN, bukan sayalah, hah? Okey?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ini ketelusan, ha, apa ini? Saya tengok ini lebih baiklah.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak bagi jalankah tidak? Hendak bagi laluan atau tidak?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, satu orang mahu memonopoli seluruh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Apa jelas? Saya sudah

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Kena ikut peraturan Yang Berhormat. Dia tidak hendak bagi. Dia tidak hendak bagi.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri bagikah tidak?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya belum jelas semua lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, dia belum jelaskan. Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Selain daripada itu, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Selain daripada itu, kerajaan akan memastikan bahawa sebarang permohonan semakan tarif akan tertakluk kepada beberapa angkuabah (*variable*) seperti berikut. Perubahan dalam hasil perbelanjaan modal atau (CAPEX) dan kos operasi (OPEX) dan memenuhi *performance standard* dari segi kadar NRW dan kos pengagihan atau *distribution cost*.

Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, untuk menjelaskan satu perkara atau konsep penting berkaitan tarif yang perlu kita jelaskan kepada orang ramai. Ada banyak pihak mengatakan termasuk beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa air adalah percuma kerana ianya datang daripada langit. Jadi, kenapa air perlu dibayar atau perlu membayar tarif?

Di sini saya ingin menegaskan bahawa tarif yang dibayar bukanlah untuk membayar harga air itu, tetapi ialah harga atau kos perkhidmatan yang bertujuan merawat air yang dibekalkan kepada orang ramai. Tanpa kos perkhidmatan, maka air yang kita gunakan adalah tidak bersih dan selamat seperti menggunakan air hujan, air perigi dan sungai secara percuma. Jika kita tidak menjaga sumber air dan sungai dicemarkan atau kotor, kos perkhidmatan untuk merawat akan ditingkatkan. Dengan itu tarif akan dinaikkan. Perkara ini yang perlu dijelaskan kepada orang ramai.

Ingin saya jelaskan bahawa konsep '*ring fencing*' atau kawalan yang diamalkan oleh *Water Office, United Kingdom* yang mana saya telah pergi melihat sekali sahaja, bukan banyak kali, juga akan diperkenalkan. Konsep ini ialah untuk memastikan perolehan daripada hasil air tidak dilaburkan ke sektor-sektor yang lain. Ini bagi memastikan tumpuan penuh dapat diberikan kepada sektor ini agar tahap keberkesanan perkhidmatan dan khidmat pelanggan dapat ditingkatkan.

Mengenai kadar pembelian air pukal pula, SPAN akan memastikan mana-mana perjanjian bekalan air secara pukal tidak akan merugikan syarikat-syarikat perbekalan air dan lebih baik lagi jika aspek rawatan dan pengagihan dijalankan oleh syarikat yang sama di bawah pendekatan yang kita sebut sebagai *holistic*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ha, yang itu boleh. [*Dewan riuh dengan Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Kepong. Ya, Kepong, silakan, jangan ambil masa yang panjang sangat.

Dr. Tan Seng Giaw:: Tidak panjang, memang tidak panjang. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Mengapa Yang Berhormat memilih United Kingdom sekali sahaja? Takkan negara-negara yang lain seperti Denmark mempunyai sistem penswastaan juga untuk bekalan air. Di manakah negara yang mempunyai bekalan dan perkhidmatan air yang baik? Takkan kita ada United Kingdom sahaja, itu pun ada kelemahan juga. Tadi saya ada sebutkan bahawa krisis Yorkshire Water 6 tahun yang lepas. Ini kerana di United Kingdom ia bermula daripada tahun 80an lagi, ada kelemahan juga. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kenapa kita memilih UK sahaja, bukan di Denmark, Perancis dan sebagainya?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih. Ha, saya cakap Kepong bila-bila pun baik. Dia bertanya yang betul-betul dia mahu tanya, bukan dia mahu main untuk mendapatkan oscar. *[Dewan riuh dengan Ketawa]*

Yang Berhormat bagi Kepong, saya jawab. Betul. Saya sebutkan Water Officer, UK yang mana saya gunakan satu aspeknya ialah '*ring fencing*' tetapi kita juga melihat sistem di Perancis dan di Australia termasuk sistem di Denmark dan Sweden. Kita akan memilih pencampuran yang mana difikirkan adalah lebih baik untuk Malaysia.

Saya bukan bodoh mahu tengok satu pihak sahaja. Tengok-tengoklah, tetapi tidak pakai semua. Mana yang boleh pakai, pakailah. Yang mana tidak boleh pakai jangan pakailah. Okey? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalankah Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dia orang cakap tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak mahu. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai Office Water pun takut. Pergi London satu kali

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Timor, Barat tidak boleh. Kepong *anytime* pun boleh. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okeylah, Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih berdiri dan bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: NRW – kadar air tidak terhasil turut menjadikan tumpuan

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, ikut peraturan, Ipoh Timor, sila duduk ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik : Turut menjadikan tumpuan perdebatan ialah kadar air tidak terhasil atau NRW (Non-Revenue Water), seperti yang dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Puchong. Pada masa sekarang terdapat NRW yang amat ketara di antara negeri iaitu yang paling rendah ialah 20% di Pulau Pinang dan 74% di Sabah. Ini adalah data tahun 2002. Keadaan seperti ini menyebabkan industri perkhidmatan air yang tidak menguntungkan.

Terdapat dua punca utama terjadi masalah NRW ini ialah kehilangan fizikal dan kehilangan komersial. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu melihat fenomena ini berterusan memandangkan kos untuk menangani isu-isu ini adalah tinggi maka penglibatan kerajaan Persekutuan dirasakan perlu untuk sama-sama memikul tanggungjawab ini. Justeru itu Pindaan Perlembagaan yang kita bahaskan kali ini perlu untuk memberi laluan kepada Kerajaan Persekutuan membuat perancangan untuk maksud mengatasi masalah NRW. Contohnya kerajaan Persekutuan boleh menetapkan tahap NRW yang perlu diturunkan sebagai salah satu syarat prestasi syarikat sebelum boleh diberi pertimbangan untuk semakan takrif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, masalah tadahan air oleh kerana tidak terbabit atau tidak berada dalam hutan simpan dan mungkin tidak berada di dalam kementerian ini, dia berada mungkin dalam pengelolaan atau pengurusan Kementerian Sumber Asli dan ia berkaitan dengan satu kawasan yang agak untuk dirizabkan sebagai hutan simpan. Oleh kerana hutan simpan ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri yang hanya Kerajaan Negeri akan mematuhi dasar perhutanan negara dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan dalam media bahawa hutan kita yang tersimpan secara kekal hanya tinggal 52%. Jadi oleh kerana kerajaan Negeri juga mempunyai halangan-halangan mereka di dalam mendapatkan beberapa peruntukan dan pendapatan melalui hutan simpan ini, jadi bagaimanakah untuk jangka panjang supaya Kerajaan Pusat (Kerajaan Persekutuan) dapat memberi satu bentuk royalti ataupun ganti rugi kepada kerajaan Negeri.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bagikan pandangan berkenaan kawalan kawasan tadahan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Satu lagi dakwaan DAP tadi yang menyatakan kepada Ahli-ahli *Backbenchers* seperti tidak percaya kepada Menteri-Menteri. Sebenarnya inilah cara Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional berjuang bersama-sama dengan pimpinan di peringkat kerajaan, bukan seperti DAP dan sebagainya yang dilihat oleh rakyat sebagai satu kumpulan pembangkang yang tidak relevan lagi. Kita mempunyai peranan komplementari, bukan kita tidak percaya kepada Menteri supaya media dan sebagainya faham cara Ahli Parlimen BN mengemukakan cadangan kedua kepada kerajaan untuk membela rakyat bersama-sama, bukan seperti dakwaan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi yang mengatakan seolah-olah Ahli Parlimen BN tidak percaya kepada Menteri. Itu dakwaan yang menyeleweng yang harus diperbetulkan dalam Penyata Rasmi hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih Ahli Dungun, bukan semua ahli DAP. Hanya Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sahaja. Yang Berhormat bagi Kepong ada baik. Yang Berhormat bagi Kepong bila-bila kita boleh jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: *You* Pulau Pinang punya orang jangan cakap banyaklah! *[Dewan riuh]*.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan perkhidmatan bekalan air, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa terdapat beberapa penswastaaan perkhidmatan bekalan air pada masa sekarang yang tidak mapan (*sustainable*) kerana

bukan berpandukan kepada pendekatan secara *holistic* seperti yang saya sebutkan tadi. Apabila struktur baru industri perkhidmatan air diwujudkan kerajaan Persekutuan akan berusaha untuk berbincang dengan syarat pemegang konsesi mencari jalan penyelesaian demi kebaikan kedua-dua pihak. Ini bukan bermakna kerajaan Persekutuan akan menyelamatkan atau *bail-out* syarikat-syarikat air yang menghadapi masalah kewangan. Saya ingin memberi jaminan bahawa kepentingan pengguna akan diutamakan pada setiap masa. Pada masa yang sama adalah penting untuk operator pengeluaran air membuat keuntungan yang munasabah supaya mereka berupaya untuk melabur semula dalam industri ini untuk pembangunan yang berkesan dan berterusan.

Mengenai keperluan bekalan air luar bandar, pada masa sekarang kerajaan sememangnya sudah mempunyai program untuk melaksanakan perkhidmatan bekalan air luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Baharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri membuat kenyataan bahawa konsesi-konsesi yang telah ditandatangani akan dikaji semula dan tarif tidak akan dinaikkan secara automatik. Jadi kedudukan kerajaan ialah akan berbincang. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, penyakit penswastan ini telah pun lama berlaku di negara kita, bukan sahaja soal air. Dan kita dengar dalam Dewan masalah yang ditimbulkan. Kita tubuhkan UDA, kita menswastakan UDA, kita menswastakan MARA, banyak perkara kita telah swastakan dan akhir-akhir ini air menjadi tumpuan. Hanya beberapa bulan dahulu untuk menyelamatkan sebuah syarikat swasta kerajaan memberi pinjaman \$2.9 bilion di Selangor.

Jadi saya lihat kesungguhan ini untuk mengkaji semula amatlah perlu bukan sahaja dalam segi operator air di Selangor tetapi di seluruh konsep penswastan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan melalui Menteri mengapa tidak mahu mengkaji semula dasar penswastan ini kerana kita tahu bahawa ada perkara dan *services* yang boleh diswastakan tetapi ada juga yang tidak boleh diswastakan oleh kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat. Persoalan saya ialah sanggupkah kerajaan ini mengkaji semula dasar penswastan secara keseluruhannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Apa yang saya jelaskan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau perkhidmatan air diuruskan dengan *holistic* yang mana rawatan dengan penghantaran atau perbekalan adalah lebih baik, tetapi adalah pihak negeri-negeri yang telah diswastakan kepada syarikat-syarikat dengan memijakkan fungsinya. Saya ingat konsesi telah ditandatangani. Kerajaan tidak mahu sewenang-wenangnya tidak menghormati atau tidak mengikut konsesi yang telah ditandatangani. Sebab itu saya cakap bukan kaji semula tetapi kita akan berbincang. Saya ada *confidence* yang mana melalui perbincangan kita boleh dapat satu keadaan yang mana semua akan memainkan peranan mereka untuk menentukan satu perkhidmatan air di seluruh negara akan dalam keadaan yang mapan diteruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri. Di sini, Speaker di sini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Oh! Speaker pun mahu tanyakah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kena tanya. Banyaklah lagi? Jawapan banyak lagi?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tengoklah, minta dia jangan kacau saya bila bercakap, jadi bolehlah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nanti boleh sambung semula. Sekarang dibenarkan berehat satu jam untuk Yang Berhormat Menteri. Sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Boleh saya sambung lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Okay, boleh. Terima kasih.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18 (1)**

**WABAK DENGGI – PENDEKATAN MENANGANI DAN
LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, suatu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan Usul itu. Yang Berhormat bagi kawasan Gombak, sila kemukakan.

4.31 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya membahaskan usul ini. Saya akan membahaskan Usul ini dalam tajuk-tajuk berikut iaitu :

- (i) situasi kini dan data penyakit,
- (ii) wabak dan bagaimana kawalan penyakit boleh diperbaiki,
- (iii) pendekatan pencegahan yang bagaimana yang ingin dilihat oleh rakyat, dan
- (iv) implikasi wabak penyakit kepada kerajaan dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa penyakit denggi adalah disebabkan oleh virus denggi yang di bawa oleh nyamuk aedes. Nyamuk aedes terbahagi kepada dua, iaitu *aedes aegypti* yang merupakan *vektor primer* dan juga *vektor* nyamuk *aedes albopictus* yang merupakan *vektor sekunder* ataupun *secondary vector*, Nyamuk aedes ini mudah membiak walau pun di dalam keadaan air yang kecil, walau pun dalam bilangan kandungan air yang kecil sebanyak lima milimeter air atau isi padu yang kecil. Ia boleh membiak dalam keadaan air yang bersih dan keadaan yang teduh dan kita tahu bahawa virus denggi ini boleh menyebabkan tiga keadaan, iaitu demam denggi, demam denggi berdarah dan juga sindrom kejutan denggi.

So apa yang kita lihat baru-baru ini banyak dimaklumkan dalam surat khabar dan banyak laporan-laporan di buat dalam media, kita dapati bahawa peningkatan yang agak ketara bilangan kes denggi di beberapa buah negeri, iaitu terutamanya di Selangor, di Kuala Lumpur, di Pahang dan juga di Pulau Pinang. Dan dikatakan bahawa bilangan kes ini mencapai sehingga melebihi satu ribu kes, kejadian kes dalam satu minggu. Persoalannya kalau kita lihat mengapa rakyat menakuti ataupun takut terhadap wabak atau penyakit denggi ini. Ada beberapa permasalahannya. Yang pertama ialah kerana penyakit ini kita tahu boleh menyebabkan kematian, itu sebabnya rakyat takut. Yang kedua, kita akan mengetahui bahawa penyakit denggi ini tidak ada ubat yang khusus dan rawatannya ialah merupakan rawatan *supportive*, rawatan sokongan ataupun rawatan *systematic* ataupun merawat gejala penyakit ini, dan yang ketiga, kita tahu bahawa apabila diserang, penyakit ini menimbulkan gejala yang begitu sengsara dan juga oleh sebab penyakit ini boleh direbakkan oleh nyamuk tersebut selalunya bukan sahaja individu itu sahaja yang terkena, kadang-kadang melibatkan keluarga dan juga ahli masyarakat itu.

Kalau kita baca akhbar baru-baru ini, semalam misalnya dalam *The New Straits Time*, kita lihat di kawasan Pandan Indah, kita lihat dipaparkan bahawa dalam keluarga itu ramai yang masuk ke rumah sakit dan ramai mereka yang tinggal di dalam kawasan tersebut bukan sahaja berjiran dengan jiran mereka di rumah tetapi berjiran dengan jiran mereka di katil hospital. Dan kita lihat oleh kerana penyakit ini banyak berlaku di kawasan yang sesak, di kawasan yang ramai orang, didapati bahawa ini boleh menimbulkan kehilangan pendapatan kepada contohnya peniaga-peniaga yang kecil apabila terkena demam ini.

Dan faktor yang kelima mengapa penyakit ini ditakuti ialah oleh kerana walau pun seseorang itu telah terkena demam denggi bukan bermakna pesakit itu ada perlindungan, oleh kerana demam denggi ini, penyakit denggi ini mempunyai empat *serotype* dalam virusnya dan di antara *serotype-serotype* itu ada empat *serotype* yang dipanggil sebagai Den 1 sampai ke Den 4 dan di antara *serotype-serotype* ini, hanya ada *partial protection* dengan izin, ataupun ada *temporary protection* dengan izin. Jadi oleh itu, apabila seseorang itu telah terkena demam denggi, dalam masa yang terdekat juga beliau mungkin boleh terkena lagi. Jadi inilah faktor-faktor yang kita lihat mengapa seseorang itu takut kalau dihinggapi atau terkena demam denggi.

Jadi kita lihat, telah dikenal pasti iaitu di manakah nyamuk aedes ini suka membiak, telah dikenal pasti melalui *surveillance* yang dijalankan oleh pihak kementerian dan juga oleh pihak-pihak yang berkuasa. Dari data-data yang kita didapati bahawa misal katanya, tempat yang selalu berlaku pembiakan ialah di tapak binaan. Kalau mengikut data kebangsaan menunjukkan bahawa tapak binaan menyumbang 15.4 peratus kepada tempat pembiakan. Di kilang-kilang contohnya menyumbang kepada 8.5 peratus, di tempat yang kedua, di tanah-tanah kosong, di sekolah-sekolah.

Kalau kita lihat di negeri Selangor contohnya, negeri Selangor tapak pembinaan menyumbang 75 peratus kepada tempat pembiakan denggi, diikuti dengan pejabat 16.6 peratus dan diikuti dengan kilang dan juga diikuti dengan tanah-tanah kosong. Dan kalau kita lihat, kebanyakan kes denggi atau wabak ini berlaku di tempat-tempat yang mana pembangunannya begitu pesat. Persoalannya, haruskah kita bayar pembangunan ini dengan penyakit. Kalau ini berlaku, ini menunjukkan bahawa pendekatan kita dalam pembangunan tidak *holistic* kerana aspek ini tidak dilihat dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita sedang menghadapi wabak dan kita tahu bahawa wabak ini harus ditangani dengan baik kerana kitaran penyakit ini harus diputuskan. Kalau kitaran penyakit ini tidak diputuskan maka wabak ini akan terus merebak. Jadi kita tahu bahawa dua cara yang paling utama untuk kita putus penyebaran penyakit ini. Yang pertama, kita harus membunuh nyamuk dewasa, kerana nyamuk dewasa inilah yang membawa virus denggi itu. Jadi kita harus bunuh nyamuk dewasa. Yang kedua, kita harus juga memusnahkan tempat-tempat yang menjadi pembiakan iaitu dengan cara kita yang dipanggil sebagai 'cari dan musnah' (*search and destroy*).

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dan apa yang kita perhatikan bahawa yang pertama, seperti mana yang saya katakan tadi, untuk membunuh nyamuk dewasa ini ialah dengan cara yang dilakukan sekarang ialah dengan cara penyemburan asap racun serangga yang selalu digunakan sebagai perkataan *fogging*. Tuan Yang di-Pertua, kita, sebagai wakil rakyat, kita memohon, kalau kita lihat dari segi statistik, tahun lepas contohnya, tahun lepas lebih daripada 11.2 juta premis yang *difogging*. Daripada maklumat yang saya dapat, kalau kita ikuti bahawa kos untuk *fogging* ini, kalau kos untuk *fogging* ini, kalau kita katakan RM30, kalau 11 juta premis yang *difogging*, cubalah kita darabkan jumlahnya - lebih RM300 juta.

Bagaimanakah kehilangan ekonomi yang disebabkan oleh perbelanjaan yang begitu tinggi - untuk *fogging* sahaja RM300 juta. Soalnya mengapa? Adakah *fogging* ini salah? Tidak. *Fogging* itu tidak salah tetapi masalahnya adakah pengawasan itu betul. Kita tahu bahawa ini harus diperhatikan oleh pihak kementerian dan juga oleh pihak-pihak yang berkuasa di dalam melakukan *fogging*. Kita tidak mahu bahawa ini membazirkan wang rakyat, kita buat *fogging* sebanyak 11.2 juta walhal kita tahu itu adalah salah satu strategi yang penting.

Contohnya, mesti ada pengawasan yang rapi bila masa *fogging* dilakukan, bagaimana cara *fogging* dilakukan. Kita tahu bahawa *fogging* harus dilakukan semasa nyamuk itu beredar, iaitu pada waktu senja dan waktu subuh bukannya waktu 12.00 tengah hari, dan kita harus perhatikan bahawa untuk *fogging* itu berkesan, ia harus dilakukan dalam sekitar 200 meter di mana rumah pesakit tersebut supaya pergerakan nyamuk itu dapat dipantau.

Banyak perkara yang begini, yang pemantauan tidak diperkuatkan. Inilah Tuan Yang di-Pertua, yang kita lihat, bukan sahaja wabak ini tidak dapat ditangani tetapi membazirkan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya. kalau kita lihat seperti mana yang saya katakan tadi iaitu bila kita sekarang ini berada dalam keadaan wabak, kita bersetuju dengan Menteri Kesihatan juga telah banyak mengeluarkan kenyataan bahawa harus dilibatkan orang ramai. Saya bersetuju betul dilibatkan orang ramai, harus dilibatkan dengan semua agensi. Kalau kita katakan tadi bahawa tempat pembiakan ini berlaku di banyak tempat, iaitu berlaku di tapak binaan, di sekolah, di pejabat dan ini harus melibatkan semua agensi dan juga berlaku juga pembiakan ini di masjid dan di surau. Dan, orang yang pergi ke masjid dan surau boleh tergigit kerana mereka pergi waktu Subuh, iaitu di mana masa nyamuk itu sedang beredar.

Jadi, apa yang kita mahukan ialah kita perlukan partisipasi dari masyarakat, tetapi yang pentingnya siapa yang harus koordinasi perkara ini? Oleh itu harus ada *task force* yang berfungsi di peringkat bawah untuk koordinasi penglibatan masyarakat. Kita tahu masyarakat kita prihatin, tetapi kita harus gerakkan mereka, kita harus beri mereka pelajaran kesihatan yang mana mereka harus bersama-sama. Kita tahu NGO-NGO yang ada di bawah seperti RELA, seperti Rukun Tetangga, belia dan sebagainya. Kalau kita gerakkan mereka, saya percaya mereka akan sama-sama mahu menangani wabak yang berlaku ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang kita dapati juga boleh merupakan masalah ialah soal birokrasi, notifikasi, pemberitahuan penyakit. Pemberitahuan penyakit ini juga kita dapati bahawa tidak ada pemantauan yang baik. Kita tahu bahawa seseorang pesakit itu apabila terkena denggi, badannya mengandungi virus denggi dan masa itulah gigitan kepada nyamuk terhadap pesakit itu virusnya boleh disebarkan.

Tetapi masalah yang berlaku oleh kerana notifikasi yang lambat, pesakit itu telah sihat, telah baik daripada penyakit itu ataupun ada yang telah mati barulah tindakan *fogging* ini mahu dijalankan. Ini tidak berkesan di dalam pencegahan penyakit. Kita tahu ada sistem yang kita tahu boleh ditelefon sahaja Jabatan Kesihatan dan sebagainya dan bagaimana pemantauan di klinik swasta, adakah dipantau perkara ini? Walaupun di jabatan kerajaan, adakah ini dipantau dengan baik kerana kita dapati bahawa banyak kes-kes yang telah lama berlaku ataupun yang telah meninggal dunia barulah *fogging team* ataupun pasukan penyembur itu baru sampai. Ini tidak berkesan dan terus juga dilakukan dan juga membazirkan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat apakah pendekatan yang diinginkan oleh rakyat. Kita tahu bahawa rakyat mahu melihatkan pada masa akan datang tidak berlaku peningkatan yang begitu ketara. Dan, kita mahu percaya kepada kajian-kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan ataupun kementerian-kementerian yang berwajib. Tetapi di peringkat bawah kita mahu melihat *task force* yang berfungsi dan kepada saya denggi ini adalah satu perkara yang penting dan perkara yang berulang-ulang dan harus ditangani dengan serius dan harus ada unit *task force*.

Kalau di peringkat daerah harus dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, pengerusi bersama dengan YDP, sesuatu Majlis Perbandaran. Mereka berdua ini harus duduk sebagai pengerusi bersama dan harus setiausahanya, Pegawai Kesihatan Daerah. Dan libatkan semua agensi kerajaan dan libatkan semua NGO dan juga libatkan ketua-ketua masyarakat. Kita tahu harus ada tindakan bersepadu. Kita juga tahu bahawa kita tidak mahu bertindak selepas berlakunya wabak dan saya percaya Kementerian Kesihatan juga ada melakukan kajian-kajian.

Dia mengenal pasti bahawa kawasan utama, *priority one*, *priority two*, dengan izin, dan apakah yang dilakukan dengan kawasan-kawasan *priorities* ini. Kita tahu bagaimana menentukan kawasan itu *priority*. Kalau kawasan itu pernah berlaku wabak, pernah berlaku kes denggi, ini kita jadikan sebagai kawasan yang utama. Adakah *follow-up*, adakah yang dilakukan masa *off season*, masa tidak berlakunya wabak dibuat terhadap kawasan-kawasan yang *priority* ini. Kita hendak tahu juga bahawa kawasan-kawasan yang mana bila dilakukan *survey*, kajian, di dapati aedes indeksnya tinggi. Adakah juga pemantauan yang dibuat terhadap kawasan-kawasan ini?

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga penguatkuasaan walaupun kita ada undang-undang ataupun akta yang dinamakan sebagai Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan) 2000, saya dapati bahawa undang-undang ini tidak digunakan dengan keras dan undang-undang ini tidak dapat sebagai alat untuk menolong bersama-sama mencegah penyakit ini. Misal kata contohnya, di dalam tahun 2004, sebanyak 14,337 kompaun dikeluarkan hanya 76 kes sahaja yang dibawa ke mahkamah. Kita juga tahu bahawa kebanyakan kawasan-

kawasan yang terbengkalai, kebanyakan tapak-tapak binaan menjadi sumber dan punca kepada pembiakan nyamuk aedes ini.

Selain daripada itu, kita mahukan bahawa setelah kita kenali bahawa kawasan-kawasan utama itu, kerja-kerja *preventive* yang agresif dan bersungguh-sungguh seperti *source reduction* dengan melibatkan masyarakat. Kita tahu bahawa nyamuk ini membiak bila ada *collection of water*, dengan izin, tentulah datangnya pada masa hujan, musim hujan da kita harus bersedia. Bila tiba musim hujan, sebelum tiba musim hujan, kita harus bersedia, kita mobilisasikan pasukan-pasukan kita, terutama kawasan yang kita kenal pasti banyak tapak-tapak pembinaan, kawasan yang tanah-tanah lapang, kawasan-kawasan yang terbiar.

Saya juga pohonkan, yang kita ingin lihat bahawa perbaiki sistem notifikasi ini ada pemantauan. Kita tidak mahu *on the paper, it looks very nice*, telefon, boleh tahu dengan sekejap sahaja tetapi pada hakikatnya di dalam, *on the field* ataupun yang berlaku ialah apabila kes telah mati, apabila pesakit telah sembuh barulah penyemburan ingin dilakukan. Ini hanyalah pada saya membuang masa dan membuang wang sahaja.

Selain daripada itu, seperti mana yang selalu ditekankan oleh Perdana Menteri, kita mahukan bio-teknologi. Kita tidak mahu kita punya pencegahan, aspek pencegahan kita hanyalah setakat mengutip sampah, mengambil tin-tin yang kosong ataupun dengan secara penyemburan asap racun serangga sahaja. Kita mesti melihat bahawa pencegahan yang berteknologi tinggi dan kita tahu dan kita melihat bahawa sekarang ini dunia berlumba-lumba membuat bahan pencegahan yang dinamakan sebagai vaksin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Boleh saya habiskan sekejap, Yang Berhormat. Berlumba-lumba menghasilkan, membuat kajian yang dinamakan sebagai vaksin denggi. Kita tahu bahawa Thailand bersungguh-sungguh dan menjadi negara yang utama di dalam melibatkan diri dalam kajian denggi vaksin ini dengan melibatkan diri mereka dengan pasca *institute*, dengan melibatkan diri mereka dengan *Centre Of Disease Control Atlanta, USA*.

Begitu juga dengan Indonesia, begitu juga dengan Filipina, begitu juga dengan Singapura. Saya dapati usaha ini tidak ada bersungguh-sungguh dan tidak ada usaha kajian-kajian ini membawa organisasi-organisasi besar supaya kita dapat melihat dan mencegah penyakit dalam teknologi yang lebih canggih dan kita tahu itu adalah masalah kita dan masalah ini adalah merupakan masalah jangka panjang dan kita tidak boleh berhenti dengan menjadi pakar membersihkan sampah atau menjadi pakar penyemburan asap, kalau kita mahu maju dan setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Soal penyelidikan ini merupakan satu komoditi yang harus kita ceburi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun lagi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Gombak. Saya ini orang Johor, saya pun pernah jadi EXCO yang pegang berkaitan dengan hospital, antaranya mengawal penyakit denggi di Johor.

Saya bercanggah sedikit pendapat agaknya, saya bimbang apabila kita terlampau uar-uarkan penyakit denggi dan seolah-olah kita tidak dapat nak mengawal, ia akan menjejaskan sektor lain dalam negara ini. Sebab itu saya menggunakan perkataan, saya orang Johor.

Lebih-lebih lagi apabila Gombak menyentuh Philipines, Singapore, Thailand....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, nak beri ucapan atau nak minta penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta penjelasan tetapi dengan penjelasan juga. Kalau saya tidak membuat penjelasan yang saya nak minta penjelasan dia, dia pun tidak tahu penjelasan yang saya hendak.

Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua bersabar, tidak lama Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ada sedikit mungkin akan menimbulkan kerugian kepada kita dalam sektor pelancongan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun orang Johor faham apa yang saya maksudkan ini. Saya buka satu *channel* TV negara jiran kita, masalah denggi kita ini menjadi tajuk utama dalam berita dia.

Kita faham apa matlamat dia, kita faham apa matlamat dia. Saya harap kita berhati-hati. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjawab secara mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk Yang Berhormat sembilan minit sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:dalam masa hendak menyelesaikan masalah yang kita hadapi tetapi jangan lupa kita akan dipergunakan untuk merugikan negara kita. Apakah Gombak faham maksud saya? Tuan Yang di-Pertua faham maksud saya?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading kerana komen tersebut. Dalam perbincangan saya tadi, tidak sedikit pun saya mengatakan bahawa kita harus uar-uarkan penyakit ini. Yang saya katakan tadi bagaimana kita harus memperbaiki untuk mencegah penyakit ini. Saya tidak katakan tadi langsung yang kita harus beritahu seluruh dunia. Yang saya katakan tadi ialah *we have to condone the disease*, itu saja yang saya katakan.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang ingin saya sambungkan tadi ialah saya sebagai wakil rakyat di bawah, saya melihat implikasi penyakit ini, saya wakil bagi Gombak, kerana Gombak dan Selangor kita tahu bahawa menduduki tangga yang teratas dari segi bilangan kes dan Gombak juga menyumbang kepada kes-kes tersebut. Saya dapati bahawa implikasi kepada kerajaan ialah pertama; rakyat menimbulkan kemarahan kepada rakyat, jadi soalnya mudah saja, soalnya cuma seperti yang kita katakan tadi kita harus melakukan kerja-kerja preventif; jangan biarkan ada tempat pembiakan; lakukan semburan asap yang efektif dan sesuai pada masa. Jadi kita harus jangan bila berlakunya, ramai yang masuk hospital.

Kalau kita baca surat khabar hari ini, surat khabar semalam kita lihat bagaimana kemarahan rakyat. Dan juga kita tidak mahu timbul tuduhan-tuduhan yang sepatutnya tidak timbul dari rakyat misalnya mengatakan bahawa kerajaan tidak telus. Saya contohkan dalam rencana hari ini yang tertulis bahawa – “Arahan tutup mulut, ancam nyawa rakyat.”

Berita-berita begini seolah-olah menunjukkan bahawa kerajaan tidak telus. Jadi soalnya mudah saja, kita kawal penyakit, kita cegah penyakit ini bila penyakit dan wabak ini tidak berlaku maka soal-soal ini tidak timbul. Dan saya juga faham seperti mana yang dibangkitkan oleh Sri Gading, kita mahu mencegah kerana kita tidak mahu menakutkan pelancong. Bila pelancong itu takut untuk datang ke Malaysia - ini dipaparkan oleh akhbar-akhbar kita sendiri dan juga dipaparkan dalam media-media elektronik. Jadi yang saya bawa hari ini bagaimana cara dari perspektif rakyat kita harus menangani penyakit ini dengan berkesan.

Kita tak bahawa penyakit denggi ini dan wabak denggi ini merupakan bebanan kepada kerajaan. Dilaporkan di dalam hospital baru-baru ini didapati bahawa *outpatient department* dan juga *casualty department*, dengan izin, dipenuhi dengan ramai pesakit, dikatakan bahawa banyak hospital yang berdekatan di Lembah Kelang ini dipenuhi oleh orang yang telah diagnosis penyakit demam denggi.

Ini adalah satu kenyataan dan kita tahu bahawa ini boleh mendatangkan bebanan ekonomi kepada kerajaan, bukan sahaja bebanan semasa menangani wabak tersebut seperti yang saya katakan sebentar tadi, terpaksa tahun lepas menggunakan 11.2 juta premis yang *difogging*, dan kalau kita ambil puratanya RM30.00 satu premis yang *difogging*, kita membelanjakan lebih RM300 juta untuk perkara yang seharusnya tidak sampai kepada itu.

Jadi oleh kerana saya melihatkan bahawa pencegahan denggi ini memerlukan koordinasi bukan sahaja Kementerian Kesihatan, juga menuntut koordinasi ini kepada kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran dan juga beberapa

Kementerian Penerangan contohnya. Jadi saya rasakan bahawa seharusnya dipengerusikan sekurang-kurangnya di peringkat Federal, ada *task force* di peringkat Federal. Kerana kita tidak mahu bahawa penyakit ini berulang lagi, wabak ini terjadi lagi dan boleh menyebabkan implikasi-implikasi yang saya sebutkan tadi. Saya percaya bahawa untuk *task force* ini berkesan, untuk ada koordinasi dengan kementerian-kementerian ini dan untuk kita lebih libatkan NGO-NGO, saya rasa dan *task force* ini di peringkat Federal, pada pandangan saya haruslah dipengerusikan sekurang-kurangnya di peringkat Timbalan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya minta Menteri menjawab, saya beri peluang kepada seorang lagi, Bukit Mertajam, sila.

4.56 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejumlah 68 nyawa terkorban dalam bencana Tsunami baru-baru ini. Pada tahun 2002 dan juga tahun 2003 lebih ramai yang terkorban kerana penyakit demam denggi. Pada tahun 2002 ialah 99 nyawa, 2003 ialah 72 nyawa, dan 2004 ialah 58, dan tahun ini, baru-baru kita masuk tahun 2005 sudah seorang telah terkorban.

Jadi kepada keluarga-keluarga mangsa ini sama ada kerana Tsunami ataupun demam denggi kehilangan ini adalah sangat menyedihkan. Kita telah belajar dari bencana Tsunami dengan keazaman untuk memasang sistem amaran awal. Kita juga harus bertindak dengan lebih cepat dengan memberi amaran kepada orang ramai sebelum wabak demam denggi berlaku. Menurut Yang Berhormat supaya Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kebajikan Negeri Pulau Pinang, penyakit demam denggi mencapai kemuncak pada setiap 4 tahun dan tahun 2004 ialah tahun kemuncaknya.

Itu bermakna Kementerian Kesihatan seharusnya tahu penyakit demam denggi akan meningkat pada tahun 2004. Jadi langkah-langkah pencegahan haruslah diambil pada awal tahun 2004 seperti memberi amaran pada orang ramai supaya mereka lebih berwaspada dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Selain daripada itu, doktor-doktor juga harus beri amaran untuk, dengan izin, *to look out for symptoms of* demam denggi.

Demam denggi juga seperti kanser, kalau dirawat pada awal boleh sembuh. Banyak nyawa terkorban kerana demam denggi pada hakikatnya boleh diselamatkan jika doktor memberi amaran lebih awal dan mereka lebih berwaspada untuk *to look out for the symptoms*. Di sini pihak kami ingin menegur Menteri Kesihatan kerana tidak memberi amaran wabak demam denggi lebih awal walaupun sudah tahu tahun 2004 ialah tahun kemuncak penyakit demam denggi.

Kami meminta Kementerian Kesihatan meningkatkan efisiensi dan profesionalismenya kerana kelalaiannya akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada rakyat termasuk kehilangan nyawa. Efisiensi kementerian dapat diukur daripada beberapa tepatnya data yang diumumkan. Baru-baru ini Menteri Kesihatan mengumumkan negeri Pulau Pinang bersama dengan Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pahang telah menjadi kawasan yang berbahaya, dengan izin, *high-risk area for* demam denggi. Beliau mengatakan kes demam denggi di Pulau Pinang telah meningkat dari 20 ke 50 kes seminggu. Tetapi Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri Pulau Pinang membuat kenyataan yang berlainan, beliau mengatakan keadaan penyakit demam denggi di negeri Pulau Pinang adalah dalam keadaan terkawal bukan berbahaya.

Angka yang diberi oleh beliau juga berlainan daripada yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi dua angka yang berlainan ini telah menyebabkan rakyat bertanya-tanya. Mana satu yang betul? Pada Mac 2003, Menteri Kesihatan pada waktu itu memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa pada tahun 2002 jumlah kematian denggi ialah 57 dan jumlah kes ialah 11,394. Sekarang kita tahu angka ini tidak betul kerana Dr. Ramli Rahmat baru-baru ini mengumumkan jumlah kematian denggi pada tahun 2002 ialah 99, dan jumlah kes ialah 32,767 kes. Jauh lebih banyak daripada angka yang diberi oleh bekas Menteri. Saya menyuarakan perkara ini untuk memperingatkan Menteri-menteri jangan mengulangi kesilapan seperti ini kerana kesilapan seperti ini bukan menjejaskan nama baik Menteri sendiri, tetapi lebih teruk lagi ia akan mengancam nyawa rakyat.

Kami percaya kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk mencegah berulangnya wabak demam denggi sekiranya kementerian sedar keseriusan penyakit demam denggi pada tahun 2002, di mana nyawa yang terkorban jauh lebih banyak daripada bencana Tsunami. Saya ingin memetik dari laporan *The Malay Mail* pada 13 Januari 2005. Di sini ada satu kes iaitu Mohd. Nasrul, dia kehilangan seorang anak dan isterinya dalam masa tiga minggu. Isteri dan anaknya meninggal dunia kerana penyakit demam denggi. Anaknya meninggal terlebih dahulu kerana demam denggi. Dua minggu selepas itu, isterinya juga jatuh sakit, demam dan tiga hari demamnya tidak turun.

Dia pergi dari satu doktor ke satu doktor yang lain, semua merawatnya sebagai demam yang biasa walaupun dia telah menerangkan bahawa anaknya baru meninggal kerana demam denggi. Tetapi doktor masih enggan mengambil ujian darah, *blood test* kepada dia, sehingga dia bergaduh dengan doktor itu, barulah dia mengambil ujian dan ujian itu *confirm* bahawa dia telah dijangkiti oleh demam denggi. Tetapi sudah terlambat, dua hari kemudian isterinya juga meninggal dunia.

Pada tahun 2002, kisah yang sama juga telah berlaku, mengapa kita tidak mengambil iktibar? Walaupun nyawa telah hilang, kami semua sangat simpati kepada mangsa Tsunami dan sepatutnya kita simpati juga. Tetapi bagaimana dengan mereka yang meninggal kerana demam denggi setiap tahun. Apakah langkah yang telah kita ambil? Kita tidak memberikan apa-apa bantuan, RM1,000 ataupun RM2,000.

Tetapi dia terus seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak. Kita tidak mengambil tindakan yang berkesan dan kalau pihak di sini menyalahkan pihak kerajaan, kerana kematian seperti ini, pihak di sana akan mengatakan kita tidak berasingan dan tidak akan mengakui, daripada *Malay Mail* 13 January, "*Father blames Government for daughter's death*" pada 2002, anak perempuan tunggal meninggal kerana demam denggi dan juga kerana doktor tidak *diagnose* bahawa itu adalah demam denggi. Saya rasa kalau kita tidak mahu rakyat bimbang tentang kes demam denggi ini, tentu kita boleh memberi amaran kepada doktor bahawa, kes demam denggi ini sedang meningkat dan *please look out for the symptoms* supaya nyawa boleh diselamatkan.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan memikul tanggungjawab yang sangat berat kerana nyawa di tangan beliau. Dahulu di Nipah kerana penyakit Nipah, lebih kurang 100 nyawa telah terkorban dan Coxsackie 34 nyawa juga terkorban.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup

Puan Chong Eng: Sekarang demam denggi, jadi saya berharaplah kita lebih bertanggungjawab dan lebih berkesan supaya betul-betul Barisan Nasional ini gemilang, terbilang dan cemerlang dan boleh memerangi wabak demam denggi ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Kesihatan diminta menjawab.

5.08 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi berucap tentang denggi. Demam denggi adalah sebenarnya endemik di negara kita. Ini bermakna penyakit ini memang ada di negara kita dan dari masa ke semasa ia akan menjadi *epidemic* atau wabak terutamanya apabila berlaku musim hujan, diikuti dengan panas yang boleh meningkatkan pembiakan nyamuk aedes. Kadang-kadang di musim kemarau, wabak juga boleh berlaku kerana kita perlu menyimpan air yang mungkin terdedah kepada pembiakan nyamuk aedes.

Di samping itu, seperti kita sedia maklum oleh Ahli Yang Berhormat bagi Gombak, terdapat empat jenis *strain* virus penyakit demam denggi, iaitu *Dan* 1,2,3, dan 4. Keempat-empat *strain* ini adalah di negara kita dan kebiasaannya salah satu *strain* akan menjadi dominan pada masa-masa tertentu. Apabila terdapat pertukaran *strain* yang dominan, kebiasaannya ia menjadi wabak kerana tahap *immunity* masyarakat tidak begitu tinggi pada *strain* baru itu.

Pada tahun 2001, bilangan kes yang berasaskan kepada *clinical* adalah sebanyak 16,368 dan bilangan kes yang sah dikatakan *positive* adalah sebanyak 8,669 dan bilangan kematian ialah 50.

Pada tahun 2002, bilangan kes yang berasaskan *clinical* adalah sebanyak 32,767 dan bilangan kes yang sah adakah *positive* adalah sebanyak 15,493 dan bilangan kematian ialah 99 dan pada tahun itu, kes naik begitu mendadak kerana pertukaran *strain dominant* daripada *Dan 2* kepada *Dan 3*.

Pada tahun 2003, bilangan kes yang berasaskan *clinical* adalah sebanyak 30,513. Bilangan kes yang *positive* adalah sebanyak 15,442 dan bilangan kematian ialah 72.

Pada tahun 2004, bilangan kes yang berasaskan *clinical* adalah sebanyak 33,203 dan bilangan kes yang sah adalah *positive* 11,697 dan bilangan kematian adalah 67.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin keliru atau sudah buat tafsiran yang tidak tepat kerana angka yang berlainan disebabkan kes klinikal dan kes yang dikatakan positif selepas ujian. Sejak minggu 'medeologi' minggu yang ke-47 tahun yang lepas didapati mula meningkat terutama di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Pahang dan adalah didapati peningkatan ini disebabkan juga dengan musim hujan dan panas yang tidak menentu dan juga *strain* virus denggi yang dominan adalah denggi satu mengatasi denggi 3 sebelum ini.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya mengenai angka tadi yang Yang Berhormat Menteri ada beri mengenai angka tahun lalu, 2004 mengenai bilangan yang meninggal dunia, beliau kata ada 67, kalau saya tidak silap, 67 yang meninggal dunia pada 2004, betul?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: 67 – 2004, betul?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: 67

Tuan Lim Kit Siang: 67? Oleh kerana beberapa hari dahulu, angka yang diberi oleh Dr. Ramli adalah berlainan iaitu 58. Kenapa ada perbezaan angka semacam ini?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Saya ingat ini tidak ada perbezaan angka. Angka yang saya petik ini adalah laporan daripada Dr. Ramli. Mungkin ada kesilapan dalam catatan atau tersiar dalam akhbar atau kesilapan daripada Yang Berhormat apabila baca surat khabar. Boleh saya sambung lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Kebiasaannya semasa wabak, peningkatan kes klinikal dilaporkan adalah tinggi disebabkan oleh dengan izin, *over diagnosis* daripada pengamal perubatan dan hospital. Keadaan berhati-hati ini adalah baik untuk tujuan kawalan dan pencegahan. Seperti saya sebut tadi, perbezaan kes yang disahkan dengan kes klinikal yang dilaporkan adalah sekitar 35% hingga 53% bagi empat tahun yang lepas. Kes yang dilaporkan hanya diketahui selepas hasil ujian darah diperolehi. Ini disebabkan pengesahan pemeriksaan darah untuk semua kes bergantung kepada tahap antibodi yang ada pada pesakit pada masa itu dan kebiasaannya dia adalah di antara 3% hingga 50% daripada kes klinikal yang dilaporkan.

Walau bagaimanapun, bagi tindakan kawalan pihak kementerian bertindak atas kes klinikal yang dilaporkan dan tidak menunggu sehingga kes disahkan positif. Ini adalah bertujuan supaya jangkitan dapat diputuskan dengan seberapa segera yang boleh. Berkaitan dengan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan ialah yang pertama kita memantau laporan data-data kes denggi dari negeri-negeri setiap minggu. Pihak negeri dan daerah juga memantau kedudukan kes setiap

minggu dan apabila berlaku peningkatan kes, kita akan memberikan peringatan kepada negeri untuk meningkatkan usaha-usaha pengawalan.

Yang kedua, kita juga memantau situasi pembiakan nyamuk aedes atau *aedes index*. Pada minggu satu tahun ini sebanyak 54,500 premis berbanding dengan 37,977 premis diperiksa pada minggu yang lalu dan daripada 54,500 premis yang diperiksa, sebanyak 496 premis adalah positif nyamuk aedes. Premis yang tinggi pembiakan aedes adalah di tapak pembinaan, kilang dan tanah kosong. Di antara premis yang diperiksa adalah rumah kedai, tapak binaan, sekolah, kilang, pejabat-pejabat kerajaan, rumah terbengkalai, tempat ibadat, tanah perkuburan, tempat pembuangan sampah, tanah kosong, *facility* kesihatan, pembahagian jalan, taman rekreasi dan lain-lain.

Bagi kawasan-kawasan menakung air yang terbiar, pihak anggota kesihatan juga telah membubuh ubat pembunuh jentik-jentik dan sebanyak 3,053 premis telah dibubuh *Abate* dan orang ramai digalakkan untuk menggunakan ubat pembunuh jentik-jentik ini seperti *Abate* untuk diletak di air bertakung sama ada di rumah masing-masing dan di tempat kerja masing-masing, di kilang-kilang, sekolah dan di tapak-tapak pembinaan. Kita juga membuat *fogging* dan kita juga memberi *guideline* sebagai panduan bagaimana *fogging* itu dapat dijalankan.

Memang betul bahawa sekadar *fogging* tidak berkesan dalam usaha membendung wabak denggi. Ia hanya sekadar membunuh aedes yang dikatakan dewasa. Melainkan *fogging*, anggota-anggota kesihatan memusnahkan tempat-tempat pembiakan aedes semasa menjalani pemeriksaan aedes di lapangan bagi tempat-tempat yang boleh dimusnahkan dan orang ramai digalakkan untuk membuat perkara yang sama jika ada bekas-bekas air bertakung yang boleh dimusnahkan di tempat masing-masing. Aktiviti-aktiviti gotong-royong sangat-sangat digalakkan di tempat masing-masing dan khidmat nasihat teknikal boleh didapatkan daripada pejabat kesihatan yang berhampiran. Dalam konteks ini...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: ...memang menjadi harapan kami supaya wakil rakyat menjadi penggerak untuk menganjurkan gotong-royong dengan anak buah masing-masing dan NGO. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat, saya setuju memang kita mesti adakan pendidikan yang cukup untuk semua pihak dan bolehkah Yang Berhormat terangkan tentang keberkesanan *Abate* dan masih adakah dalam beberapa tahun ini *Abate* masih berkesan untuk digunakan.

Yang kedua, dengan garis-garis panduan yang digunakan untuk *fogging* ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dari masa ke semasa ada syarikat-syarikat atau petualang-petualang yang membuat semburan dan mengutip wang. Ini termasuk ahli-ahli politik, dia sembur waktu tengah hari, dia hendak tunjukkan begitu prihatin kepada rakyat, "Kami sembur, dengan gambar dan sebagainya waktu tengah hari". Saya pun tidak tahulah apa Kementerian boleh buat untuk menerangkan dan memberi pendidikan kepada orang ramai supaya hal-hal yang tidak betul ini jangan dilakukan lagi.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Setakat ini memang *Abate* masih dikatakan berkesan dan digunakan walaupun ada kajian-kajian tetapi belum digunakan di Malaysia bahawa kita boleh menggunakan bioteknologi yang lain untuk jentik-jentik nyamuk.

Berkaitan dengan dikatakan penipuan ataupun penyelewengan yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab, kebanyakan ini sebenarnya adalah dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan kadangkala ada orang yang mengambil kesempatan kerana mereka sedar bahawa rakyat apabila diberitahu kawasan tersebut ada banyak penyakit denggi, maka mereka sanggup menghulurkan wang kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai masalah *fogging* ini, di kawasan saya, saya selalu terima aduan daripada *public* bahawa pihak keluarga pesakit demam denggi, mereka kata selalunya selepas dihantar ke hospital mereka tidak nampak pihak berkuasa tempatan datang menyembur ubat di kawasan mereka. Saya bagi satu contoh pada bulan lepas di Overseas Union Garden (OUG) di mana dalam satu jalan iaitu rumah teres bersambung itu ada hampir 10 orang dimasukkan ke hospital tetapi mereka tidak pernah lihat ada pihak berkuasa tempatan datang menyembur di kawasan itu.

Selepas itu apabila saya bercakap dengan penduduk di sana, mereka kata pesakit itu dihantar ke hospital yang berlainan. Saya juga nampak surat yang ditulis oleh pihak hospital. Kemudian saya *check* dengan Jabatan Kesihatan Tempatan, mereka kata tidak terima surat. Jadi perkara macam ini selalu berulang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalnya sekarang?

Puan Teresa Kok Suh Kim: Okey, soalnya adalah jelas bahawa wujudnya dengan jelas ketiadaan koordinasi di antara agensi kerajaan ini. Saya rasa ini adalah salah satu sebab yang menyebabkan peningkatan kes demam denggi sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Jadi, saya berharap pihak Kementerian Kesihatan boleh mengambil perhatian tentang aduan daripada *public* ini.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh. Mungkin ada kelemahan dalam koordinasi, tetapi kita seperti saya menyatakan tadi, kita tidak boleh bergantung sebulat-bulatnya kepada *fogging* dalam usaha membanteras demam denggi. *Fogging* hanya sekadar membunuh nyamuk yang dikatakan dewasa. Ia tidak berkesan terhadap tempat pembiakan nyamuk dan tempat pembiakan nyamuk adalah lebih bahaya kerana dalam jangka masa lima atau enam hari jentik-jentik itu atau daripada telur, ia akan menjadi dewasa. Itu akan dikatakan berlipat ganda kalau tempat pembiakan nyamuk itu tidak dimusnahkan.

Dalam konteks memusnahkan tempat pembiakan nyamuk ini, kerjasama daripada penghuni amat penting, kerana semua agensi kerajaan mempunyai batasan dan hadnya dari segi kewangan, dari segi tenaga manusia untuk sampai kepada tiap-tiap rumah. Daripada halaman hadapan, halaman belakang, bilik dan sebagainya maka rakyat seharusnya menunjukkan kesedaran, komitmen dan kerjasama yang lebih tinggi dari apa yang ditunjukkan pada hari ini.

Dalam konteks ini juga saya berharap bahawa janganlah menyalahkan sesiapa pun kerana kalau kita hendak menangani wabak ini kerjasama daripada semua pihak adalah penting. Agensi kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira daripada Barisan Nasional mahupun daripada parti pembangkang dan juga NGO-NGO. Kalau kita sekadar menyalahkan *fogging* yang tidak berkesan, kalau kita menyalahkan bahawa *notification* itu lambat, maka kita akan bersidang di Dewan ini berdebat menyalahkan satu sama lain.

Akhirnya yang berkesan adalah kerjasama, kesedaran dan tanggungjawab semua pihak termasuklah rakyat.

Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Datuk Dr. Chua Soi Lek: So, kalau Wakil Rakyat daripada Seputeh difahamkan dan diberitahu bahawa ada banyak kes wabak seharusnya menjadikan penggerak untuk menganjurkan gotong-royong dan dapatlah kerjasama daripada semua pihak dan supaya *fogging* yang dijalankan walaupun tidak berkesan tetapi kerana penglibatan Ahli Yang Berhormat dan NGO, maka ia berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gombak minta laluan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Soal penguatkuasaan dan juga pendidikan kesihatan sering dijalankan supaya kita dapat meningkatkan kesedaran. Sebenarnya dalam konteks ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Gombak bangun.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan kepada saya. Jadi, Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa tindakan kita adalah berasaskan kepada data yang ada dan kita tahu bahawa kalau kita lihat bahawa penyakit denggi ini adalah penyakit yang berlaku di bandar. Kita lihat bahawa di dalam kita mencari premis-premis yang menjadi tempat pembiakan nyamuk, masalahnya di bandar ialah apabila pemeriksaan dilakukan iaitu ketika waktu pejabat kebanyakan premis-premis dan rumah-rumah ini tutup kerana penghuninya keluar bekerja.

Jadi sebab itulah kita dapati bahawa sesetengah kawasan aedes indeksnya rendah, tetapi masih berlaku penyakit demam denggi. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa modus operandi mencari tempat pembiakan ini harus ditukar. Kita tahu bahawa penghuni rumah itu akan balik ke rumah pada waktu malam atau di hujung minggu. Itu sebabnya didapati bahawa di bandar kalau 100 premis yang dilawati hanya 10 premis sahaja yang dapat diperiksa. Ini tidak menggambarkan data yang sebenar dan kalau data itu tidak sebenarnya, bagaimana tindakan susulan ini dilakukan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Kita sebenarnya berulang balik kepada apa yang kita bincangkan tadi. Kerjasama daripada penghuni adalah amat penting dan tidaklah boleh bergantung kepada agensi kerajaan sahaja. Kalau dia tutup pagi, petang dan malam, sukar untuk agensi kerajaan sampai ke rumah selepas 12.00 malam.

Jadi, kalau dia tahu bahawa dia bekerja di sebelah pagi dan hanya ada di rumah pada sebelah malam, dia sebenarnya kalau ada kesedaran dan tanggungjawab dia seharusnya membersihkan tempat-tempat di mana air boleh bertakung dan di mana nyamuk boleh membiak. Jadi, kerjasama antara agensi juga penting. Ini melibatkan PBT, Jabatan Bomba, Jabatan Pendidikan dan NGO-NGO.

Dalam usaha menangani wabak ini dan untuk mengelakkan *transmission* yang berlarutan, kita seharusnya mengurangkan jumlah tempat pembiakan nyamuk aedes. Aedes dewasa juga perlu dikurangkan dan penglibatan semua pihak terutamanya orang ramai adalah sangat penting. Berkaitan dengan tuduhan bahawa Kementerian Kesihatan sudah memberi peringatan yang lewat ini adalah tidak benar kerana kalau kita meneliti data-data yang ada tiap-tiap minggu, kita perhatikan peningkatan berlaku daripada minggu 47 pada tahun yang lepas.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [Bangun]

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Apabila perkara ini berlarutan dan terus meningkat kita umumkan selepas tiga minggu. Sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa denggi ini memang endemik di Malaysia. Tetapi kalau saya fikirkan dahulu semasa kita membesar *elephantiasis*, *filariasis* itu adalah endemik di Malaysia dan kerajaan pada masa itu membuat langkah-langkah untuk menangani masalah ini dan *filariasis* ini timbul dalam darah pada waktu malam dan memang pihak berkuasa pergi waktu malam. Apakah tidak ada tindakan kerajaan memikirkan bagaimana hendak menyedarkan masyarakat. Ya, memang masyarakat perlu disedarkan, tetapi pihak kerajaan juga bertanggungjawab mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan endemik dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah sebab saya terpaksa tutupkan perbincangan ini pada jam 5.30.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ada lagi tidak sampai dua minit.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Okey. Lagi sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Kementerian Kesihatan sentiasa bersikap telus dalam menangani epidemik denggi ini demi kesihatan orang ramai dan rakyat negara dan ini juga selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dalam menangani wabak penyakit tidak kira demam denggi atau apa-apa penyakit, kerajaan seharusnya telus dan tidak sembunyi apa-apa. Sebab itulah Kementerian Kesihatan telah memutuskan bahawa rakyat diberikan informasi terkini dua kali seminggu oleh Pengarah Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan.

Pindaan ini adalah merupakan jaminan kita supaya semua rakyat dapat maklum tentang status epidemik denggi secara berkala dan dapat mengambil langkah yang sewajarnya. Untuk menunjukkan komitmen yang tinggi oleh kerajaan, kita telah menubuhkan satu *task force* di peringkat nasional yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Kebersihan dan Kesihatan dan ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dan dalam Mesyuarat yang kebelakangan ini, kita telah bincang dan memberi perhatian dalam soal kawalan khususnya demam denggi termasuklah isu-isu yang dibincangkan ialah struktur bangunan yang boleh menakung air, kedua penglibatan persatuan-persatuan arkitek di dalam perancangan sesuatu bangunan supaya situasi air bertakung dapatlah dikurangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan dengan yang demikian, saya tutup perbincangan ini.

Majlis mesyuarat diteruskan dan saya meminta Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyambung semula jawapannya.

5.30 ptg.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai keperluan bekalan air luar bandar pada masa sekarang, kerajaan sememangnya sudah mempunyai program untuk melaksanakan perkhidmatan bekalan air luar bandar. Dengan penubuhan SPAN, perkara ini akan tetap diteruskan bagi memenuhi keperluan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, hutang tertunggak kerajaan negeri – Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan Jerai membangkitkan perkara berkaitan hutang tertunggak kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang sekarang berjumlah kira-kira RM1.5 bilion. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kos CAPEX untuk kerja-kerja pembinaan infrastruktur air seperti empangan, loji rawatan dan radikal dengan paip-paip adalah tinggi. Di samping itu operator pengeluar air juga terpaksa menanggung kos pinjaman bank yang tinggi memandangkan jangka masa bayaran balik yang singkat dengan kadar faedah yang tinggi. Keadaan ini diburukkan lagi di mana kenaikan tarif dikawal atau '*kept*' dan tertakluk kepada kelulusan kerajaan. Sebagai jalan penyelesaian, modul Public Private Partnership boleh dijadikan panduan bagi tujuan pembiayaan. Melalui modul ini, kerajaan boleh mendapat manfaat daripada kekuatan sektor awam dari segi mendapatkan pembiayaan yang murah dengan mengadakan pinjaman yang panjang dengan faedah yang murah.

Modul ini juga akan menggabungkan kepakaran dan keberkesanan sektor swasta dalam aspek pengurusan dengan disokong oleh satu rejim dalam SPAN kawal selia yang mantap dan efektif. Kementerian.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ya Yang Berhormat, sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang NRW dan kerosakan paip dan saya rasa SPAN itu berperanan penting untuk mengatasi masalah ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian mempunyai *blueprint* untuk menukar paip-paip yang

rosak? Dan sebelum itu, adakah kita memiliki data-data di manakah paip-paip itu dipasang sejak 50 tahun yang lalu? Dan adakah kita gunakan GIS untuk mencari kalau kita tidak ada? Dan apakah teknologi yang akan digunakan untuk menukar paip? Adakah kita masih gunakan tukar paip, selesaikan masalah ataupun kita sediakan injap-injap atau yang kita dapat memantau kebocoran paip-paip? Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Pertanyaan ini adalah betul, kebanyakan paip sudah lama dan Asbestos Cement (AC) yang sudah pecah tetapi kebanyakan paip kita tidak tahu mana dia? Macam mana kita mahu ganti? So, betul mahu menggunakan Geographical Information System (GIS) patut satu sistem kena digunakan untuk mengenal pasti mana paip itu dahulu dan keadaan paip itu dan jangan tunggu dia bocor kemudian datang untuk menggantikannya.

Selain dari itu, kita kena mengadakan data-data yang mana semua paip itu jika digunakan untuk menggantikan dengan korek-mengorek, selalu kita ada jawatankuasa korek-mengorek, sudah korek kena korek lagi. Saya ingat lebih baik di bandar, jangan kurangkan korek untuk mencari paip itu. Gunakan cara yang mana kita mengadakan paip dalam paip, paip dalam paip, you tahu itu? Tahu baguslah, banyak yang tidak tahu iaitu Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Ipoh Timur tidak tahu paip dalam paip, apa saya cakap.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Pengkalan Chepa.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kita boleh masuk satu paip dalam paip yang lama dan tidak payah korek dan tidak payah keluarkan paip itu. Dengan itulah saya harap kita boleh membaiki keadaan yang mana paip lama boleh ditukar dan boleh berjalan dengan baik lagi. Ya Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ya, saya hendak bagi dia dahulu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri ada sebut Public Private Partnership. Saya ingin memohon dan juga minta penjelasan, adakah *company* yang akan ditubuhkan sebagai *holding company* WAHCO itu boleh dimasukkan dalam senarai GLC supaya kerajaan dapat mengawal dan kontrol bukan oleh SPAN sahaja tetapi oleh kerajaan? Bolehkah timbang masukkan senarai itu?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Modul *Public Private Sector* ini yang mana di mana Water Asset Holding Company (WAHCO) digunakan, ia dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan bukan GLC, bukan ROC-ROC, IC dan macam-macam lagi, you tahulah. So, Kementerian percaya cara-cara ini boleh dijadikan asas untuk kerajaan menimbang cara-cara bagi mengatasi keperluan pembiayaan CAPEX yang tinggi di samping dapat mengatasi masalah hutang tertunggak kerajaan negeri. Public Private Sector Partnership ini boleh dijadikan panduan bagi tujuan pembiayaan. Saya tahu ahli dari....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Nanti, nanti, you ada *chance*. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sudah baca dari buku yang dikeluarkan oleh pakar dia, Charles Santiago – Privatization Vs Public-Partnership di Malaysia yang mana Charles Santiago mengatakan, dengan izin, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA), negeri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, datang. *As a result of his public, although private approach, there is no like any other revenue-generating commodity. It has invested its profits and maintains highly affordable rates in order to show universal assets and equity.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, tunggu sekejap, saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timur duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Nantilah, kasi saya baca dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta dia duduk, saya minta dia duduk, nanti.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ha, minta dia duduk, sekejap Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sekejap [Ketawa] Dan disebutkan oleh Charles Santiago sebagai terbaik sekali, PBA Pulau Pinang ini dan baru-baru ini saya dapat memorandum dari NGO-NGO yang Yang Berhormat bagi Ipoh Timur selalu suka main dengan mereka. *Memorandum to Members of Parliament* yang mana dia sebut, "We therefore call upon Members of Parliament to urge the government to embrace and promote a public-public-partnership in a successful water management. Specifically we encourage the government to follow the Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang's (PBA's) successful and profitable experience in water management".

Sebab itu saya cakap, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ada *form* tetapi tidak ada *content*, itu pun dia pakai orang lain punya *form*. Dia tidak tahu orang lain sudah salah tafsir di mana apa ini *public-public partnership*? Mana ada *public-public partnership* – ada *public*, semua *public*, mana ada *public-public*? [Dewan gamat seketika] [Ketawa] Betul tidak Yang Berhormat? Kalau ada, mesti *public-private partnership*, bukan *public-public partnership*. Apa ini? Saya pun tidak tahu. Saya baca sehingga saya punya rambut semua sudah jatuh [Ketawa], juga tidak boleh faham. Hah, okay, you punya *turn*, sila, sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada apa yang dicadangkan oleh Charles Santiago dan mengenai PBA, betul kita pernah setuju tetapi apa Yang Berhormat Menteri tidak tahu mungkin, ialah dalam siasatan atau *study*, kajian yang dibuat oleh Charles Santiago, dia ada kata, satu sebab kenapa PBA boleh menjadi modul yang baik untuk pengurusan air ialah oleh kerana ada *political competition* di Penang, ada DAP di Pulau Pinang [Dewan gamat seketika] Itulah, tetapi itu bukan apa yang saya mahu bangkitkan di sini. Oleh kerana peranan yang dimainkan oleh DAP, tidak apa.

Tadi saya ada bertanya mengenai ialah Yang Berhormat Menteri ada pergi ke UK mengenai apa yang kita boleh ikut teladan dalam UK. Berkenaan dengan *public-public*, Charles Santiago untuk jawab, bukan saya untuk jawab.

Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk mengikut cara-cara yang ada di UK dalam pengubalan *water bill* mereka, di mana ada proses *consultation* yang bermakna di mana *draft water bill* bukan sahaja *water bill*, *draft water bill* pun ada menjadi satu *public consultation process*. Ini bererti bahawa adakah Yang Berhormat Menteri rela bahawa sekarang kita percaya bahawa draf undang-undang sudah ada, untuk kedua-dua rang undang-undang sama ada mengenai SPAN atau mengenai perkhidmatan air adakah rela bahawa *draft water bill* itu sebelum rang undang-undang ini dikemukakan kepada Parlimen bulan Mac, *draft water bill* diumumkan supaya satu *consultation process* diadakan.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri rela bersetuju bahawa satu *Select Committee* patut diadakan khasnya supaya semua aspek dasar air boleh dikaji dan sama ada SPAN khasnya akan diberi keutamaan di mana tujuan SPAN dengan izin, *consumer interest* ialah the heart of the tujuan, *irregulator*. Itu tujuan *irregulator*. Itu saya harap boleh ada satu jawapan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat Ipoh Timur, jangan ingat you jaga pengguna sahaja. Kita pun jaga juga pengguna dan mahukan berbincang dengan lebih lanjut atau apakah, kalau diminta oleh Ipoh Timor barangkali saya tidak mencadangkan kepada Kabinetlah. Kalau diminta oleh Barisan Nasional, *any time* saya cadangkan kepada Kabinet. [Tepuk]

Kalau you main dengan ada tanggungjawab bila boleh bermain *part*. Tetapi mahu prestasi sebagai oskar, saya tidak jawab. Saya tidak jawab [Ketawa]. Tetapi tengok you cakap sebab ada DAP di Pulau Pinang. Sebab buku ini baca, dia ada cakap GERAKAN dan *Malaysian Chinese Association (MCA)*. Dia cakap UMNO ada di sana, apa you tak cakap UMNO, GERAKAN dan MCA disebutkan di dalam buku ini? Hanya DAP? [Disorak]

Jangan cakap DAP. You tak baca, you ingat DAP sahaja. Ada UMNO, ada MCA, ada GERAKAN. MCA pun ada ya, [Ketawa] MCA pun ada, bukan GERAKAN sahaja. Tetapi *sorry*lah dia tidak cakap MIC ya. [Ketawa] Ya, apalah ini? Sebab itu saya sakit hati dia tidak masuk dalam MIC. MIC pun ada. [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Jangan salah tafsirlah ya. Ada sesiapa yang mahu minta laluan. Oh, ya Yang Berhormat, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Santubong sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam ucapan saya tadi mencadangkan supaya *bil* yang dua *bil* itu disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu *direfer* kepada *Select Committee* sebenarnya Ipoh Timor itu *copy* apa yang saya cakap tadilah Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Untuk mendapatkan kelulusan Kabinet *refer* kepada *Select Committee*. Inilah yang dia minta. Orang selalu *copy, copy* dia ingat, dia sahaja, nasib baik you sudah bangkit ini ya? *[Ketawa]* Okey.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: *Oh, no, no*, saya akan bawa. Cukuplah di sana itu, tetapi dia punya permintaan bukan you punya permintaan. Memang permintaan dia, dia dahulu. Dia dahulu. Okey. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya bahawa Yang Berhormat Menteri akan membawa ke Kabinet melalui *Select Committee*. Apakah bentuknya sama ada sekarang diadakan atau selepas rang undang-undang diluluskan. Apa yang kita mahu ialah, saya percaya draf rang undang-undang sudah ada. Draf undang-undang mengenai kedua-dua *bil* itu patutlah diumumkan bukan sahaja ada *Select Committee* untuk mendalami kedua-dua draf rang undang-undang itu tetapi juga supaya pertubuhan-pertubuhan atau pengguna-pengguna dan *civil soceity* pun boleh mengkaji perkara ini. Itu pertama.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri rela membawa ke Kabinet supaya draf kedua-dua rang undang-undang ini boleh diumumkan selepas Mesyuarat Kabinet dan kedua, saya percaya Yang Berhormat Menteri memang sangat tekun, dia ada baca, dia ada kaji masalah dasar air, saya ingin bertanya, sama ada beliau sudah membaca atau sudah mendapati bahawa khasnya mengenai RIA sama ada *initial* RIA atau pasca RIA mengenai kedua-dua dasar itu, adakah Yang Berhormat Menteri sudah menyiapkan *initial* RIA atau pasca RIA dan adakah Yang Berhormat Menteri rela mengumumkan RIA mengenai kedua-dua draf rang undang-undang yang dalam proses penggubalan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kalau ini draf belum siap macam mana boleh umumkan. Kalau ia siap, kita boleh melalui selepas kelulusan Kabinet. Saya boleh buka semua masuk dalam *Select Committee*, boleh? Tetapi kena luluskan rang undang-undang pada petang inilah. Kalau tiada, saya tiada kuasa. Ini kuasa semua negeri.

Tuan Lim Kit Siang: RIA.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Apa ini RIA? *[Dewan Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Hah, tidak tahu apa RIA? Itulah.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kalau

Tuan Lim Kit Siang: Adakah baca RIA? *Regulatory Impact Assessment*. *Regulatory Impact Assessment* adakah RIA? Belum tahu RIA. Pergi UK tengok, RIA *water policy* RIA.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya tahu, Yang Berhormat, ya, USA, RIA saya faham.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan USA, UK.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: You cakap RIA, RIA.

Tuan Lim Kit Siang: Hah, RIA (*Regulatory Impact Assessment*), adakah buat RIA? Yang Berhormat tidak tahu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat, saya setuju tidak tahu. Tetapi you punya sikap serupa you tahu semua. You tahu semua, orang kita bodoh. Semua pun tidak tahu. Okey, you sekarang sudah tahu, bagi tahu saya tahulah! Bagi tahulah. Terima kasihlah.

Saya ajak dari Ipoh Timorlah. Terima kasihlah, you mahu jadikan saya punya 'sifu' pun bolehlah [*Disorak*] Masuk Barisan Nasionallah! [*Disorak*]. Okeylah, terima kasih. Ini buang masa punya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, kawalan kawasan tadahan. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Ketereh berhubung dengan isu kawalan terhadap kawasan tadahan. Tanggungjawab ini akan dikekalkan di bawah kerajaan negeri.

Saya juga difahamkan bahawa isu ini juga akan ditangani oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sehubungan ini, saya menyambut baik cadangan beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai perlunya diwujudkan satu tabung khas di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air yang akan digubal nanti. Melalui tabung khas ini, bantuan kewangan dapat disalurkan kepada kementerian berkenaan dan kerajaan negeri bagi tujuan penjagaan dan pemuliharaan kawasan tadahan dan sumber air. Tabung khas ini juga boleh digunakan untuk R&D dan selain dari pihak industri, pihak-pihak lain juga boleh memberi sumbangan kepada tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Bentong, saya tidak nafikan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor berkemungkinan hanya akan dapat disiapkan selepas tahun 2010. Oleh itu jika usaha tidak dibuat, mungkin berlaku masalah kekurangan bekalan di Selangor selepas tahun 2007.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Persekutuan telah mengenal pasti beberapa langkah termasuklah mengurangkan kadar NRW, memastikan pengguna menggunakan air secara berhemah dan membangunkan sumber alternatif seperti sumber air bawah tanah.

Tuan Yang di-Pertua, penswastan PUAS. Kita sedia maklum bahawa pengurusan bekalan air di negeri Selangor telah diswastakan kepada SYABAS mulai 1 Januari 2005. Ramai yang berasa khuatir tarif air akan dinaikkan apabila SYABAS mengambil alih tanggungjawab daripada PUAS Berhad. Ingin saya jelaskan, kerajaan memutuskan bahawa tarif tidak akan dinaikkan secara automatik. Akan tetapi tertakluk kepada beberapa syarat. Antaranya:

- (i) pematuhan terhadap petunjuk indeks utama ialah KPI,
- (ii) prestasi syarikat dari segi penurunan kadar NRW, dan
- (iii) kos pengagihan.

Di samping itu semua perolehan bagi kerja-kerja CAPEX akan dijalankan secara tender terbuka (*open tender*) bagi mendapatkan harga tawaran yang kompetitif. Syarat-syarat seperti ini telah dimasukkan dalam perjanjian konsesi yang ditandatangani dengan SYABAS. Perjanjian ini juga akan dijadikan model kepada perjanjian penswastan pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan badan kawal selia negeri menyentuh peranan Jabatan Perbekalan Air Negeri selepas penubuhan SPAN yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sukacita saya memaklumkan bahawa jabatan berkenaan yang selamanya berkongsi sebagai badan kawal selia bekalan air boleh terus kekal beroperasi tetapi dengan fungsi yang berbeza iaitu mengawal selia kawasan tadahan dan sumber air mentah....

Dr. Tan Seng Giaw : [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: ...manakala ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh beri laluan?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Oh, Kepong? *Anytime. [Ketawa]* Sila, sila. Kepong, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dengan pengambilan PUAS oleh Syabas, adakah Yang Berhormat akan mewujudkan satu *independent assessment of the treated water quality price regulation*.. Saya sebutkan hal ini kerana baru-baru ini ada *outrage* dengan bekalan elektrik tergendala dan disebutkan itu adalah kena mengena dengan *switchyard*. Apabila kita ada *switchyard problem* ia akan dibetulkan dalam masa mungkin satu jam. Tetapi ini sudah mengambil empat hingga lima jam barulah dipulihkan. Saya pun tidak tahulah, kalau *switchgear* ini kehilangan 1,700 megawatt sahaja tetapi yang hilang itu, oh! 12,000 megawatt. Ini bermakna kita mesti ada *independent assessment* tetapi syarikat yang buat *assessment* sekarang ialah bekas TNB. Sebab saya sebutkan hal dengan bekalan elektrik.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita bahas mengenai bekalan air.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, ini hanya satu contohlah. Tidak ada *independent assessment* untuk masalah yang timbul dengan air. Saya harap Yang Berhormat dapat mewujudkan mekanisme bagi *independent assessment* supaya kalau Syabas Bhd. ada berlaku bekalan yang terputus dan sebagainya kita ada *independent assessment* untuk menentukan apakah masalahnya. Bukan seperti Stesen Kapar sekarang kita tidak ada *independent assessment*, itulah masalahnya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong di atas cadangan yang berguna dan saya ingat SPAN – suruhanjaya ini akan menjadi *independent assessor* kepada prestasi syarikat-syarikat di dalam pengurusan perkhidmatan air.

Manakala fungsi kawal selia dari aspek rawatan hingga pengebilan (*billing*) akan diserahkan kepada SPAN dan akan mempunyai cawangan-cawangan di peringkat Wilayah. Gandingan kawal selia oleh pihak kerajaan negeri dan Persekutuan akan melengkapkan lagi keseluruhan bidang kawal selia dari sumber air kepada perkhidmatan pengagihan dan pengebilan.

Tuan Yang di-Pertua, Bekalan Air Sabah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Mana Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya Tangga Batu bukan Tangga Baru, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri hendak panggil Tangga Baru pun tidak mengapalah, ada pembaharuan.

Yang Berhormat Menteri, saya hendakkan sedikit penjelasan tentang kaitan di antara *non-revenue water* dan kadar tarif kerana Yang Berhormat Menteri menyebut tadi prasyarat untuk kenaikan tarif adalah bergantung kepada kadar *non-revenue water*. Jadi, bagaimana kaitan itu? Kalau kita perhatian hari ini tarif perlu dipertingkatkan kerana kita mempunyai angka kehilangan air yang tidak berhasil ini terlalu besar. Jadi, apabila ada usaha-usaha untuk mengurangkan *non-revenue water* sepatutnya tarif ini semakin menurun. Di sini perlu pemerhatian yang terperinci dan begitu halus kerana kita khuatir nanti apabila *non-revenue water* berkurang, tarif pula akan ditingkatkan. Ini perlu perhatian daripada pihak kementerian.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Prestasi untuk menentukan *efficiency*nya kalau mengurangkan NRW, itu satu aspeklah. Umpamanya satu negeri yang mana pada masa sekarang dia ada NRW katakan 45% dan jika sesebuah syarikat swasta yang mengambil alih, kita kena memberikan dia *target* prestasi. Umpamanya, kurangkan kepada 30% dalam satu tahun. Kalau dia boleh dapat barangkali kita boleh mengkaji permohonannya. Tetapi saya percaya kalau dia boleh mengurangkan NRW daripada 45% kepada 30% yang mana pendapatannya sudah ditingkatkan, dia tidak payah memohon kenaikan tarif lagi, betul atau tidak? *[Disampuk]* Ini sesiapa yang berumur tiga tahun pun boleh mengiranya. *[Ketawa]*

Tetapi saya kata SPAN ada kuasa untuk melihat buku-buku perbelanjaan atau buku *financial statement* syarikat itu. Tengoklah dia, kalau dia sudah ada banyak

untung, “ooih, you sudah untung banyak. Apa you hendak minta naik tarif lagi?” So, ini adalah satu *benchmark performance*. Kita akan masukkan di dalam konsesi-konsesi yang akan dikeluarkan pada masa akan datang.

Mengenai kedudukan bekalan air di Sabah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Tuaran dan Beluran, ingin saya menjelaskan bahawa walaupun pindaan pada kali ini tidak melibatkan Sabah, ini tidak bermakna Kerajaan Persekutuan mengabaikan masalah bekalan air di Sabah. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan memang sedang berusaha membantu Kerajaan Negeri Sabah termasuk memberikan bantuan kewangan bagi melaksanakan beberapa projek bekalan air. Kementerian saya juga sedang dalam proses membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk menubuhkan sebuah badan kawal selia khususnya untuk Sabah iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Sabah (SPAS), tidak payah SPAN, SPAS.

Bagi pertanyaan lain yang tidak sempat saya jawab, segala pandangan yang diberikan akan diberi pertimbangan sewajarnya semasa kementerian menggubal dua rang undang-undang yang telah saya sebutkan tadi. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang bernas dan berguna kepada kementerian ini dalam usaha kami mengubah kedua-dua akta yang disebutkan di atas. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Habis?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu? Takut?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun faham, saya pun faham.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan ucapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan bahawa penggulungan saya ini akan hanya merangkumi persoalan undang-undang mahkamah dan yang berbangkit daripadanya. Tuan Yang di-Pertua, persoalan perundangan telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur dan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur telah membangkitkan bantahan tentang Mesyuarat Khas yang diadakan ini dan pembentangan Rang Undang-undang ini yang dikatakannya tidak teratur kerana tidak mematuhi peraturan Perlembagaan Persekutuan. Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pula walaupun senada dengan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur dalam mempertikaikan Rang Undang-undang ini tetapi mengasaskan bantahannya atas peruntukan undang-undang yang berlainan. Izinkan saya untuk memberikan penjelasan satu persatu tentang persoalan yang dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari pembangkang itu. Penjelasan saya ini agak panjang lebar bertujuan untuk melenyapkan segala salah tafsiran dan pengertian undang-undang berhubung dengan peruntukan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur bahawa terdapat pelanggaran Perkara 76(1)(c) dalam pembentangan Rang Undang-undang ini kerana Dewan Undangan Negeri kononnya tidak membuat permintaan kepada Parlimen untuk membuat pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini. Saya ingin menjelaskan bahawa perkara 76(1)(c) Perlembagaan Persekutuan tidak kena-mengena dengan pindaan yang hendak dibuat di atas Perlembagaan Persekutuan, satu. Izinkan saya terangkan sedikit.

Perlembagaan kita ini merupakan suatu dokumen yang panjang dan terperinci. Ia mengandungi peruntukan-peruntukan yang meliputi perkara-perkara agama rasmi negara, pemerintahan beraja, hak asasi rakyat, kewarganegaraan, perkhidmatan awam, kehakiman, kuasa darurat, bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum peribumi negeri Sabah dan Sarawak. Selain itu, Perlembagaan ini juga menyentuh tentang sistem kerajaan dan perhubungan antara Persekutuan dan negeri-negeri. Skop kuasa perundangan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri ditetapkan di bawah perkara 74 Perlembagaan. Ia ditetapkan dengan merujuk kepada

tiga senarai iaitu Senarai Persekutuan - senarai 1, Senarai Negeri - senarai 2 dan 2A, Senarai bersama iaitu senarai 3 dan 3A yang dinyatakan secara terperinci dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan.

Menurut perkara 74, tadi 76. Ini 74(1), dinyatakan bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama. Fasal 2 pula menyebut perkara itu juga memperuntukkan bahawa hanya Dewan Undangan Negeri yang boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Negeri atau dalam Senarai Bersama. Apa-apa perkara yang tidak termasuk dalam senarai-senarai ini adalah dianggap sebagai perkara negeri mengikut perkara 77 dalam Perlembagaan kita. Ini merupakan kuasa baki yang hanya Dewan Undangan Negeri boleh membuat undang-undang.

Perkara 76, ini yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi. Perkara 76 merupakan pengecualian kepada perkara 74 iaitu Parlimen dibolehkan membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Negeri tetapi hanya untuk tiga tujuan sahaja iaitu pertama, untuk melaksanakan apa-apa *treaty*, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan negara lain. Kedua, untuk maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua negeri atau lebih. Ketiga, jika diminta berbuat demikian oleh Dewan Undangan mana-mana negeri. \

Berkemungkinan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur tidak memahami atau kurang arif tentang maksud peruntukan perkara 76 ini. Perkara itu membenarkan Parlimen membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang disebut dalam Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan untuk tujuan yang telah saya nyatakan tadi, tiga tujuan. Umpamanya perkara mengenai perhutanan. Perhutanan ialah perkara negeri yang terdapat dalam Butiran 3(b) Senarai Negeri. Untuk tujuan keseragaman semua undang-undang negeri berhubung dengan perhutanan, Parlimen pernah membuat undang-undang mengenainya di bawah perkara 76(1)(b) iaitu ketika Akta Perhutanan Negara diluluskan pada tahun 1984.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang ini tidak bertujuan membuat undang-undang atas perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri dengan menggunakan kuasa yang diberikan oleh perkara 76(1)(c) sebagaimana yang difahami oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur. Sebaliknya Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan yang terpakai bagi Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam ucapan pembentangan saya semalam ialah perkara 159. Perkara 159 (1) memperuntukkan bahawa peruntukan Perlembagaan ini boleh dipinda melalui undang-undang Persekutuan. Inilah yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan iaitu membawa Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perkara 159 tadi itu mengenakan beberapa syarat. Ini mungkin DAP tidak boleh dapat syarat ini. Syarat yang terpakai bagi Rang Undang-undang ini ialah ia boleh dipinda melalui majoriti 2/3 daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Parlimen iaitu perkara 159(3).

Saya menggesa Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur untuk menyemak dan menghayati peraturan-peraturan yang saya sebutkan tadi dan syarat-syarat yang dikenakan oleh perkara 159. Telah saya nyatakan dalam ucapan pembentangan saya bahawa semua prasyarat yang ditetapkan di bawah perkara 159 fasal 3 telah dipenuhi oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian tidak timbul apa-apa kecacatan atau ketidakaturan dalam pembentangan Rang Undang-undang ini. Yang timbul ialah kekeliruan Yang Berhormat daripada Ipoh Timur mengenai peraturan Perlembagaan Persekutuan.

Ini bukanlah kali pertama Rang Undang-undang meminda perlembagaan seumpama ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Dalam tahun 1988 Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1988 telah dibentangkan dan dibahas di Dewan ini pada 17 dan 18 Mac 1988. Melalui Rang Undang-undang itu, ingat tadi senarai tiga, Butiran 9 (b) dan 9 (c) telah dimasukkan ke dalam Senarai Bersama melalui pindaan itu. Butiran 9(c) yang memperkatakan mengenai perumahan dan peruntukan bagi kemudahan perumahan dan amanah pemajuan pada asalnya terletak di bawah Senarai Negeri di bawah butiran 4(c) dipindah kepada senarai bersama 9(c). Itu dibuat pada tahun 1988.

Proses perpindahan daripada senarai negeri ke senarai bersama dalam Rang Undang-undang Perlembagaan 1988 itu samalah seperti rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia hari ini, bezanya cuma *subject matter* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang menariknya tentang pembentangan itu ialah Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor yang ketika itu mewakili Tanjong dan saya sendiri berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Pembangkang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang itu tetapi tidak pula membangkitkan bantahan tentang pelanggaran Perkara 76 Fasal 1 oleh Kerajaan Persekutuan sebagaimana dibangkitkan sekarang. Sekiranya berlaku pelanggaran mengapa tidak dijadikan isu dan dihujahkan dalam tahun 1988. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bantahan tidak dibangkitkan dahulu kerana sebenarnya ia tidak pernah menjadi suatu isu dan tidak menjadi isu pun sekarang atau pada masa-masa akan datang jika pihak pembangkang memahami dengan betul peruntukan Perlembagaan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi pandangan mengenai isu yang penting ini. Saya ada salinan bahasa Inggeris di hadapan saya mengenai Perkara 76 dan Perkara 159. Perkara 76 bahawa '*Parliament may make laws with respect to any matter enumerated in the State List*' adakah Yang Berhormat Menteri berkata bahawa apabila di hadapan kita Rang Undang-undang Pindaan kepada Perlembagaan bukan '*Parliament may make laws with respect to any of the matter enumerated in the State List*' sebab bukan *make laws*. Bukankah kita apabila kita menghapuskan atau menukar, mengubah kedudukan *state list*, kita buat *law*, *supreme* sebenarnya Perlembagaan ialah *Supreme Law*, dan Perkara 159 perlu di baca dengan Perkara 76, dan kalau tidak ertinya ialah bahawa kalau kita mahu buat *law*, buat undang-undang yang ada bersabit dengan perkara-perkara dalam *State List* kita perlu persetujuan *a prior* sebelumnya daripada *State Assembly*, tetapi kalau kita menghapuskan taraf itu, kita tidak perlu persetujuan daripada Dewan Undangan Negeri yang dikehendaki di bawah Perkara 76(1)(c). Bukankah ini sangat *outrageous and ridiculous*?

Kedua, Yang Berhormat Menteri kata bahawa kita ada buat, ini bukan kali pertama bahawa ada dibuat dahulu dalam tahun 1988 bulan Mac, beliau ada dalam Dewan ini, saya ada dalam Dewan ini, benar, bukan bererti bahawa apa yang pernah dibuat kali yang pertama itulah mengikut betul dan mengikut Perlembagaan. Kalau itu tidak mengikut Perlembagaan, sungguh pun kita buat kesilapan dahulu bukan bererti sekarang kita patut mengulangi.

Tetapi lebih penting ialah masa itu saya tidak dalam Dewan yang mulia ini, saya menjadi *guest*, tetamu Kerajaan Barisan Nasional dalam Kamunting. [*Tepuk*]. Saya menjadi tetamu Kerajaan Barisan Nasional dalam Kamunting, bagaimana saya boleh *object*? [*Tepuk*]. Yang Berhormat Menteri ada, tetapi itu bukan mustahak, yang mustahak ialah sama ada saya dalam Dewan yang mulia ini atau saya dalam Pusat Tahanan Kamunting, apa kedudukan yang sepatutnya kalau untuk mengubah *state list* perlu mengikut Perkara 76(1)(c) sungguh pun tahun 1988 ada buat sekali, ini tidak bererti, ini sah dan mengikut Perlembagaan. Sebab itu saya rasa kita perlulah, saya tidak diyakini oleh hujah-hujah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Setelah saya bagi peluang untuk saya hendak dengar Yang Berhormat berucap, tetapi kalau Yang Berhormat bersabar sedikit, dengar saya, belum habis Yang Berhormat mungkin tidak bangkit dan bertanya lagilah. Dengar, dengar, dengar sekejap ya, ini dalam penggulangan saya akan terjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Walaupun saya telah terangkan tadi, ia ada dua bezanya, dua bezanya. Satu, meminda Perlembagaan, satu lagi, membawa rang undang-undang mewujudkan satu undang-undang, lain beza. Dengar! Yang Berhormat dengar.

Satu lagi contoh yang berlaku apabila ketika kita membentangkan satu lagi rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) pada tahun 1994, sepuluh tahun selepas itu, yang antaranya memasukkan ke dalam senarai Persekutuan, ini dimasukkan ke dalam senarai Persekutuan, Pelancongan sebagai Butiran 25A. Proses yang sama juga digunakan iaitu meminda Perlembagaan di bawah Perkara 159 untuk memindahkan perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Negeri mengikut peruntukan Perkara 77 ke dalam senarai Persekutuan.

Seperti mana kita semua sedia maklum, Perlembagaan ini digubal oleh *Lord Reed* pada tahun 1957, ketika itu beliau tidak terfikir tentang pelancongan, jadi tak termasuk dalam mana-mana senarai, tetapi mengikut Peraturan 77 Perlembagaan kita, mana-mana perkara yang tidak di masuk dalam mana-mana senarai dianggap diletak di bawah senarai Negeri. Oleh kerana itu, kita perlu meminda Perlembagaan tadi itu membawa pelancongan itu kepada senarai Persekutuan.

Selain itu, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa tidak berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam mana-mana rang undang-undang ini. Kerajaan Persekutuan tidak pernah gagal dalam memastikan bahawa semua peruntukan Perlembagaan dipatuhi dalam rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan.

Saya harap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak lagi menimbulkan kekecohan lagi bagi suatu perkara yang merupakan *non-issue*. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah mengemukakan bantahan mengenai Notis Pemberitahu Persidangan yang dikatakan telah ditandatangani oleh Yang di-Pertua, walhal menurut beliau sepatutnya ditandatangani oleh Setiausaha Bagi Parlimen. Bantahan juga dibangkitkan tentang kesahihan persidangan ini dikatakan oleh Yang Berhormat tidak sepatutnya diadakan menurut Peruntukan Mesyuarat 13(3).

Saya ingin menjelaskan bahawa Notis Pemberitahu Persidangan Khas Dewan Rakyat yang ditandatangani oleh Tuan Yang di-Pertua pada 22 Disember, 2004 adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(3) yang menyatakan bahawa: "Jika Perdana Menteri memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu bagi faedah orang ramai, mustahak majlis mengadakan Mesyuarat dahulu daripada tarikh yang telah ditetapkan, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah dengan serta merta mengeluarkan pemberitahu menyatakan beberapa hari bulan hendak diadakan Mesyuarat itu".

Notis Pemberitahu Persidangan Khas Dewan Rakyat ini dikeluarkan selepas selesai hari terakhir Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Rakyat iaitu pada 14 Disember, 2004. Oleh yang demikian, Notis Pemberitahu tersebut adalah teratur mengikut Peraturan Mesyuarat 11(3).

Saya juga ingin menyatakan bahawa adalah molek dan wajar Ahli Yang Berhormat semua, semua Ahli Yang Berhormat menghormati keputusan atau petua-petua yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dan tidak mempertikaikannya. Masih atas persoalan undang-undang Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan isu bahawa pindaan di bawah Perkara 159 Fasal 3 tidak perlu dibuat dan sebaliknya apa yang patut dibuat oleh Kerajaan Persekutuan ialah mengemukakan satu rang undang-undang di bawah Perkara 76 (1)(b).

Dalam pengurusan air, Kerajaan Persekutuan tidak bermaksud untuk menggunakan Perkara 76 (1)(e). Ini adalah kerana di bawah perkara itu Perlembagaan membuat undang-undang mengenai perkara yang disebut dalam senarai negeri untuk tujuan menyeragamkan undang-undang untuk dua negeri atau lebih.

Jadi, mengikut perkara 76(3), undang-undang yang dibuat sedemikian adalah dianggap sebagai undang-undang negeri dan bukannya undang-undang Persekutuan. Dan, ia boleh dipinda atau dimansuhkan melalui satu undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai apa-apa kuasa di bawah undang-undang itu, hanya kerajaan negeri sahaja yang boleh menguatkuasakannya. Contohnya, yang saya sebutkan tadi, Akta Perhutanan Negara 1984 yang dibuat dalam tahun 1984, yang dibuat oleh Parlimen di bawah Perkara 76(1)(b) dan dikuatkuasakan oleh agensi kerajaan negeri.

Dalam hal air sekiranya undang-undang dibuat di bawah perkara 76(1)(b) Kerajaan Persekutuan tidak dapat menguruskan hal mengenai air, dengan izin, *back to square one*. Ini adalah kerana air akan terus berada di bawah bidang kuasa negeri. Ini bukannya maksud pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Pindaan yang dibuat melalui perkara 159 merupakan kaedah yang paling tepat dan teratur kerana ia memberi laluan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengendalikan pengurusan air.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang telah membangkitkan persoalan mengapa tidak dibuat perundingan dengan Majlis Raja-Raja dan bahawa pindaan ini menjejaskan *basic structure*, dengan izin, Perlembagaan Persekutuan. Bagi menjawab persoalan ini saya telah pun menjelaskan dalam ucapan

pembentangan saya kelmarin bahawa pindaan ini dibuat menurut perkara 159(3) yang tidak menghendaki persetujuan daripada Majlis Raja-Raja.

Walaupun persetujuan sedemikian tidak diperlukan, namun begitu Kerajaan Persekutuan tidak pernah alpa atau terlupa tentang obligasi moralnya dan tentang budi bahasanya dalam berurusan dengan negeri-negeri khususnya apabila menyentuh kuasa mereka. Kerajaan negeri telah pun dirundingi. Banyak proses rundingan telah diadakan, antaranya pada 29 Julai 2003, Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara telah diadakan, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu, iaitu Tun Dr. Mahathir dan dihadiri oleh semua Menteri Kabinet, semua Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri kecuali Kelantan dan Terengganu yang diwakili oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Negeri Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah diwakili oleh Exco masing-masing. Turut hadir ialah setiausaha-setiausaha kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kanan Persekutuan dan negeri.

Kemudian pada 13 Julai 2004 telah diadakan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua Menteri Kabinet, semua Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, kecuali Kelantan, kesemua Ketua Setiausaha Kementerian, semua Setiausaha Kerajaan Negeri, kecuali Kelantan dan ketua-ketua jabatan Persekutuan termasuk Sabah dan Sarawak.

Pada 9 Oktober 2004 diadakan pula mesyuarat di Jabatan Peguam Negara yang dihadiri oleh semua penasihat undang-undang negeri. Pada 22 September hingga 20 Oktober 2004 telah diadakan lawatan oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KETAK) ke negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan Labuan dan Selangor.

Dan, pada 6 Disember 2004 diadakan mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri dengan negeri-negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Mesyuarat dihadiri oleh KETAK, Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakil masing-masing, penasihat undang-undang negeri atau wakil masing-masing dan juru perunding.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa adalah satu tanggapan yang tidak tepat jika diujahkan bahawa pembentangan rang undang-undang ini tidak didahului dengan rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Kes Kerajaan Negeri Kelantan lawan Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj dan Kerajaan Persekutuan yang juga telah dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebenarnya ialah *authority* yang menunjukkan bahawa pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan boleh dibuat mengikut Perkara 159 tanpa memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya membaca keputusan kes ini dalam bahasa Inggeris. Diputuskan,

"Parliament in enacting The Malaysia Act so as to amend and ... Article 1(1) and (2) acted within the powers granted to it by article 159 of the Constitution. The Constitution which forms an integral part of The Federation of Malaya Agreement 1957 to which Kelantan was a party did not require consultation with any state as a condition to be fulfilled. The Malaysia agreement was signed for the Federation of Malaya by the Prime Minister, Deputy Prime Minister and four members of the Cabinet. These was in compliance with article 39 and 81 of the Constitution and there is nothing whatsoever in the Constitution requiring consultation with any state government or the Ruler of any state."

Mengenai isu *basic structure*, dengan izin, yang dikatakan telah terjejas dengan cadangan pindaan ini, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah membawa pandangan oleh penulis terkenal iaitu Andrew Harding, dalam bukunya *Law, Government and Constitution of Malaysia* yang menyatakan bahawa terdapat sekatan tersirat *implied restriction* dengan izin, iaitu apa-apa pindaan yang menjejaskan *basic structure*, Perlembagaan kita tidak boleh dibuat.

Saya ingin menjelaskan bahawa Perlembagaan Persekutuan dirangka atas tiga konsep yang menjadi suatu *basic structure*, dengan izin, yang dikatakan itu. Iaitu:

- (i) Hak asasi rakyat – fundamental *liberties*, dengan izin;

- (ii) Pemisahan kuasa antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman – *separation of powers between the executive, legislature and judiciary*, dengan izin; dan
- (iii) Hubungan di antara kerajaan negeri dan Persekutuan – *Federal and State Relations*, dengan izin.

Dari segi undang-undang dan berasaskan kepada keputusan mahkamah, jika pindaan yang dibuat tidak memusnahkan *basic structure* ini, pindaan itu adalah berlandaskan lunas undang-undang. Dalam perkataan lain selagi *basic structure* itu masih wujud, pindaan boleh dibuat. Dalam hal pindaan yang dicadangkan ini, *basic structure* itu, dengan izin, masih kekal.

Dalam hubungan ini saya merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Low Kue Chong lawan *Government of Malaysia*, yang telah memetik kata-kata *Ross Dell, Lord Justice*, dalam kes Hendry lawan Geo Presco International Limited seperti yang berikut:

“The law must be taken to be late down by the court how ever much their decision may be criticize by writers of such great distinctions.”

Lagi pula dalam perlembagaan negara kita, Perkara 128 ada memperuntukkan bahawa Mahkamah Persekutuan adalah badan eksklusif yang diberi kuasa untuk mengendalikan semua pertikaian undang-undang mengenai kuasa perundangan di antara Persekutuan dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua dalam saya merumuskan perkara tentang pindaan Perlembagaan ini, izinkan saya memetik penghakiman Hakim Raja Azlan Shah dalam kes Low Kui Chong lawan Kerajaan Malaysia sekali lagi dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

“It is theirthat the framers of our Constitution prudently realize that future context of things and experiences would need a change in the Constitution. And, they accordingly arm Parliament with a power of formal amendment. They must be taken to have intended that while the Constitution must be as solid and as permanent as we can make it, there is no permanence in it.

There should be a certain amount of flexibility, so as to allow the country's growth. In any event they must be taken to have intended that it can be adapted to changing conditions and that the power of amendment is an essential means of adoption. A Constitution has to work not only in the environment in which it was drafted but also centuries later.

Maksudnya jelas bahawa pihak-pihak yang merangka Perlembagaan kita menyedari bahawa di masa hadapan akan timbul keperluan untuk membuat perubahan kepada Perlembagaan. Dan dalam hal yang demikian, mereka telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk meminda Perlembagaan. Walaupun Perlembagaan hendaklah kukuh dan kekal setakat mana yang kita boleh pastikan, namun tidak ada apa-apa yang kekal di dalamnya. Maka oleh itu, hendaklah ada kelonggaran untuk membolehkan negara ini membangun. Perlembagaan hendaklah dapat disesuaikan dengan keadaan yang berubah-ubah dan kuasa pindaan adalah kaedah yang paling penting untuk membuat penyesuaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tentang perlantikan Hakim Besar Malaya.

Tuan Salahudin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya hendak habiskan, biar saya habiskan. Saya ingin memaklumkan bahawa proses perlantikan di bawah Perlembagaan Persekutuan sedang diambil dan perlantikan tersebut akan dibuat apabila semua proses yang ditetapkan itu selesai.

Mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka berhubung dengan kenaikan umur persaraan hakim-hakim ke 70, saya ingin

menyatakan bahawa umur persaraan sehingga umur 66 tahun jika cadangan pindaan ini diluluskan adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tentang peranan Jabatan Peguam Negara menggubal undang-undang dan penjagaan konsesi penswastaan, sukacita dimaklumkan bahawa dasar mengenai peruntukan undang-undang dan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian penswastaan diputuskan oleh Jemaah Menteri. Jabatan Peguam Negara akan memberi ulasan atas implikasi undang-undang, sosial dan ekonomi yang mungkin berbangkit.

Namun begitu, keputusan akhir akan dibuat oleh kerajaan. Jabatan Peguam Negara sebagai agensi kerajaan akan melaksanakan keputusan kerajaan bagi menjamin kepentingan awam dengan sebaik mungkin. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berbalik kepada isu *basic structure of the Constitution*, disebut tadi dan saya telah berhujah dengan panjang lebar dan saya faham tentang perkara yang telah dibangkitkan dan kita semua faham bahawa dengan majoriti 2/3 bahawa undang-undang ini boleh dipinda.

Cuma kita mentafsir *basic structure* ini mungkin dari segi perspektif yang berbeza, ini penafsiran masing-masing. Dalam hal Menteri mengatakan tadi bahawa Raja-raja Melayu tidak perlu dirujuk, saya telah mengatakan di sini, "*yang kaya itu budi, yang indah itu bahasa*", dan saya berhujah di atas suatu makluman yang berdasarkan kepada fakta yang ada di hadapan saya, yang dimaklumkan kepada saya tentang Mesyuarat Majlis Air Negara yang dinyatakan tadi pada tanggal 29 Julai 2003, yang mana Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat pada waktu itu, dan Yang Amat Berhormat Menteri pada waktu itu hadir mesyuarat itu dan dalam minit itu saya dimaklumkan bahawa akan dirujuk kepada Majlis Raja-raja Melayu.

Walaupun benar Perlembagaan ataupun kita boleh berhujah Raja-raja Melayu tidak perlu dirujuk, tetapi pada *basic structure* tadi, ini adalah kes besar, kes yang major, kes di mana senarai negeri ingin dikongsi bersama oleh Kerajaan Pusat. Apa salahnya, ini yang saya hujah dari segi yang saya katakan tadi, saya tetap mengatakan bahawa "*yang kaya itu budi, yang indah itu bahasa*". Kenapa Raja-raja Melayu yang dijanjikan, suatu fakta yang dijanjikan oleh Perdana Menteri pada waktu itu akan dirujuk kepada Raja-raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Salahudin bin Ayub: Jadi apa kata Raja-raja Melayu dalam hal ini, bila Raja-raja Melayu tidak dirujuk, hak ini dibawa kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia sudah faham.

Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan kita diperuntukkan perkara-perkara yang bukan sahaja dirujuk tetapi mesti mendapat persetujuan Raja-raja Melayu, tanpa persetujuan Raja-raja Melayu, perkara-perkara yang disebut di bawah Perkara 159 (5) tidak boleh dipinda walaupun mendapat persetujuan 2/3.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, bahawa Perkara 38 (1) disebut, dimaktub dalam Perlembagaan kita, menyentuh tentang keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja tidak boleh dipinda, tanpa mendapat persetujuan Majlis Raja-raja.

Yang kedua, Perkara 70 yang memperkatakan tentang keutamaan Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja dan Yang di-Pertua Negeri, tidak boleh disentuh juga.

Yang ketiga, Perkara 71(1) di mana Kerajaan Persekutuan menjamin hak seseorang Raja untuk naik takhta dan terus menjadi Raja.

Keempat, Perkara 152 yang menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tidak boleh dipinda, melainkan persetujuan Raja-raja.

Yang terakhir sekali Perkara 153 yang memperkatakan tentang kedudukan keistimewaan orang-orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, juga tidak boleh dipinda tanpa mendapat persetujuan Majlis Raja-raja, itu sahaja. Perlembagaan

kita dibuat sedemikian rupa walaupun dibincang di dalam mesyuarat mungkin selepas dirujuk kepada Perlembagaan, kita dapati bahawa tak perlu dirujuk pada Majlis Raja-raja.

Dan kes Yang Berhormat sendiri rujukkan, ini satu kes yang cukup menarik, sebab dalam kes ini mungkin banyak yang tidak tahu, pada tahun 1963 ketika Singapura, Sabah dan Sarawak hendak memasuki dalam Persekutuan Malaysia ini, ini bantahan dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan atas dasar kononnya mereka tidak dirunding dahulu dan tidak dirujuk kepada Majlis Raja-raja, dan keputusannya telah saya bacakan tadi bahawa mahkamah memutuskan bahawa *there is nothing whatsoever in this Constitution requiring consultation with any state government or the ruler of any state*, dengan izin untuk membawa masuk tiga buah negeri ke dalam Malaysia pada ketika itu.

Itu perkara-perkara yang disebut yang *clear*, cukup *clear* dalam hal peraturan Perlembagaan kita. Hari ini kita hendak pinda, apa dia hendak pinda? Kita hendak pinda daripada perkara-perkara yang dibenarkan oleh Perlembagaan, iaitu perkara di bawah senarai negeri masuk kepada senarai bersama, itu sahaja dan perkara ini telah dibuat beberapa kali. Jadi saya ingat memadamkan di sini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah memberi sokongan, semoga hasrat murni Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan industri air negara yang mapan dan berdaya maju menjadi realiti.

Semuanya demi kesejahteraan rakyat jelata. Sekian, terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang....

6.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri Peraturan Mesyuarat 54(1). Satu rang undang-undang boleh diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali yang kedua ialah sebelum pengundian dan saya rujuk kepada 26(1)(j) di mana berbunyi: "Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam peraturan-peraturan ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan kecuali usul-usul tersebut, di bawah ini ialah (n) dan (j).

Usul hendak mengedarkan sesuatu rang undang-undang itu kepada Jawatankuasa Pilihan menurut Peraturan Mesyuarat 54, di mana bahawa satu usul untuk merujuk rang-undang-undang ini sebelum undian dibuat boleh dikemukakan dan saya berdiri untuk kemukakan usul ini untuk merujuk rang undang-undang ini kepada *Select Committee* mengikut Peraturan 54 (1).

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat, Menteri oleh kerana jawapan beliau, tetapi dengan izin atas dua sebab, satu bahawa dengan izin, *two wrongs do not make a right, two wrongs do not make a right, three wrongs pun do not make a right..*

Saya tadi ada menyebut bahawa tahun 1988, saya pun tidak ada di sini. Sebenarnya saya ditahan di bawah ISA dan pergi ke Kemunting pun ada sangkut paut dengan perkara-perkara yang kita bahas di sini mengenai penswastan dengan itu, itulah *mother of all privatization* atau *mother of 'piratization'* ialah North South Highway.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sekarang kita ada dengar bahawa itulah masalah...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: ...dan kalau masa itu ada sokong saya, kita tidak akan menghadapi apa perkara di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak membawa usul?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab saya kemukakan usul.

Tuan Yang di-Pertua: Sila,

Tuan Lim Kit Siang: Sebab yang kedua, yang kedua ialah Perkara 76(1), kalau Yang Berhormat Menteri betul, kita perlu baca maknanya ialah *Parliament may make laws to the respect to any method enumerated in the State list* tetapi *laws* di sini, kecuali *supreme law*. *Constitution* ialah *supreme law*, tetapi kecualikan *supreme law*, saya rasa inilah yang *basic*, yang pokok, Perlembagaan pun satu jenis *law*, sebenarnya *supreme law*. Sebab itu, Perkara 159 perlu dibaca dengan Perkara 76.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah dijawab tadi. Yang Berhormat sudah nyatakan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya kemukakan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlulah.

Tuan Lim Kit Siang:usul itu. Sebab saya kemukakan usul itu. Saya tidak *go around the world* dengan spesifik.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ringkaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sangat ringkas dan saya bercadang bahawa ini dirujuk kepada *Select Committee*, bukan oleh kerana kita menentang *federalization of all services*, bukan kita menentang penswastan air kalau perlu, kalau adil. Bukan kita menentang Pindaan Perlembagaan untuk membolehkan satu *federalization of water*, tetapi apa yang kita perlu ialah kita perlu meminda Perlembagaan mengikut peruntukan-peruntukan yang ada dalam Perlembagaan. Oleh kerana, kalau kita tidak hormat Perlembagaan, apa hak-hak rakyat di negara kita yang boleh dapat diperindungi. Itulah sebab dan kita rujuk, ini kepada *Select Committee*, kita bukan, dengan izin untuk *hold back* segala persiapan untuk *federalization of water* boleh dibuat dan sedang dibuat. Yang Berhormat Menteri kata, kalau tidak lulus, tidak boleh bincang lagi buat persiapan, dia sudah buat begitu.

Semenjak beliau menjadi Menteri mengenai portfolio ini yang baru, kalau boleh dibuat apa yang dia buat dalam lapan bulan, semua *illegal*, tidak, kita boleh terus bagi untuk kaji, membuat persiapan...

Seorang Ahli: No such thing.

Tuan Lim Kit Siang: ...mengenai *federalization of water*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi, kita perlu mengikut Perlembagaan. Itulah sebabnya saya bercadang bahawa mengikut Perkara Peraturan Mesyuarat 54 (1) bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatan Kuasa Pilihan sebelum bacaan kali ke-dua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ada yang menyokong?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis satu Usul daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul tidak disetujui.

Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk membuat sedikit pembetulan kerana perkara ini dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya menyedari bahawa beliau berada di kemunting pada tahun 1988. Tetapi, pada 17 Mac 1988 mengikut Penyata Rasmi Parlimen beliau hadir.

[*Dewan gamat seketika*]

Seorang Ahli: Bohongkah. Tipu, Parlimen pun boleh tipukah?

Tuan Lim Kit Siang: *Wrong to make a right, 200 wrongs make a right. Two wrongs to make a right, three wrongs to make a right, 200 wrongs to make a right.* Itulah sebab yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Lim Kit Siang: Boleh bersuara di sini bukan bererti betul. Apa?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat

Seorang Ahli: Kantoi dia, pembohong! Pesongkan Dewan!

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat

Seorang Ahli: *Jurassic Park. [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Kita perlu meneruskan persidangan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai, sila duduk. Kita perlu meneruskan *proceeding* Parlimen ini, mesyuarat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan semula masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang dari dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5) saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila uruskan.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berikut adalah keputusan belah bahagian. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju berjumlah 189, *[Tepuk]* Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju berjumlah 17. *[Disampuk]* *[Tepuk]* Maka lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju.

YANG BERSETUJU:

1. Datuk Lim Si Cheng,
2. Datuk Dr. Yusof bin Yacob,
3. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,
4. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
5. Dato' Seri Ong Ka Ting,
6. Dato' Seri S. Samy Vellu,
7. Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik
8. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
9. Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz,
10. Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
11. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin,
12. Dato Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir,
13. Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn,
14. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz,
15. Dato' Azmi bin Khalid,
16. Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein,
17. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim
18. Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil,
19. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis
20. Dato' Sri Chan Kong Choy,
21. Dato' Haji Noh Haji Omar
22. Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad
23. Datuk Dr. Leo Michael Datuk Dr. Leo Micheal Toyad
24. Datuk Peter Chin Fah Kui,
25. Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal,

26. Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh
27. Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin
28. Dato' Mohamed Khaled bin Nordin
29. Dato' Mustapa bin Mohamed
30. Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad
31. Dato' Sri Adenan bin Satem
32. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili
33. Datuk Dr. Chua Soi Lek
34. Datuk Azalina binti Othman Said
35. Dato' Seri Kerk Choo Ting
36. Dato' G. Palanivel
37. Datuk Ong Tee Keat
38. Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar
39. Dato' Zainal Abidin bin Zin
40. Dato' Fu Ah Kiow
41. Datuk Zainudin bin Maidin
42. Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar
43. Datuk Anifah bin Haji Aman
44. Datuk Dr. Tiki anak Lafe
45. Dato' Dr. Ng Yen Yen
46. Tuan Chia Kwang Chye
47. Dato' S. G. Sothinathan
48. Datuk Douglas Uggah Embas
49. Datuk Tan Chai Ho
50. Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad
51. Dato' Hon Choon Kim
52. Datuk M. Kayveas
53. Dato' Donald Lim Siang Chai
54. Dato' S. Veerasingam,
55. Dato' Wong Kam Hoong,
56. Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah
57. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi,
58. Datuk Robert Lau Hoi Chew
59. Dato' Joseph Salang Gandum
60. Dato' Kong Cho Ha
61. Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed
62. Dato' Zulhasnan bin Rafique
63. Dato' Shaziman bin Abu Mansor
64. Dato' Mah Siew Keong
65. Datuk Azizah binti Mohd. Dun
66. Datuk Abdul Rahman bin Bakar
67. Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin
68. Tuan Joseph Entulu anak Belaun
69. Dato' Mohd Johari bin Baharum
70. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya
71. Datuk Wira Abu Seman Yusop
72. Dr S. Subramaniam
73. Dato' Yong Khoo Seng
74. Dato' Zainal Abidin bin Osman
75. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew
76. Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim
77. Puan Noriah binti Kasnon
78. Puan Komala Devi
79. Puan Chew Mei Fun
80. Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim
81. Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani
82. Tuan Yew Teong Look
83. Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat
84. Tuan Hoo Seong Chang
85. Datuk Dr. Adham bin Baba
86. Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman
87. Tuan Sazmi bin Miah
88. Tuan Lee Kah Choon
89. Tuan Sa. Vigneswaran

90. Tuan Ahmad Shabery Cheek
91. Tuan Hashim bin Jahaya
92. Dato' Razali Ismail
93. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said
94. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
95. Tuan Mohd. Yusop bin Majid
96. Tengku Razaleigh Hamzah
97. Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud
98. Dato' Chua Jui Meng
99. Datu Seri Joseph Pairin Kitingan
100. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh
101. Dato' Loke Yuen Yow
102. Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor
103. Dato' Abu Bakar bin Taib
104. Dato' Dr. Tan Kee Kwong
105. Dato' Chor Chee Heung
106. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan
107. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin
108. Tuan Syed Hoo Syed Edros
109. Dato' seri Law Hieng Ding
110. Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman
111. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal
112. Puan Lim Bee Kau
113. Dato' Yap Pian Hon
114. Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
115. Dato' Shahrir Abdul Samad
116. Dato' Jacob Dungau Sagan
117. Tuan Jimmy Donald
118. Tan Sri Dato' Hew See Tong
119. Tuan Jawah anak Gerang
120. Tuan Richard Riot anak Jaem
121. Tuan Billy Abit Joo,
122. Tuan Tiong Thai King
123. Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh
124. Datuk Dr. Yee Moh Chai
125. Dato' Liong Tiong Lai
126. Datuk Ronald Kiandee
127. Dato' Seri Tiong King Sing
128. Tuan Alexander Nanta Linggi
129. Tan Sri Dato' K.S. Nijhar
130. Dato' Goh Siow Huat
131. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz
132. Datuk Bung Moktar bin Radin
133. Dato' Raja Ahmad Zainudin Raja Omar
134. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh
135. Tuan Eric Enchin Majimbun
136. Datuk Abdul Rahim bin Bakri
137. Tuan Aaron Ago Dagang
138. Tuan Jelaing anak Mersat
139. Tuan Haji Fadillah bin Yusof
140. Tuan Loh Seng Kok
141. Tuan Wilfred Madius Tangau
142. Tuan Henry Sum Agong
143. Datuk Juslie Ajirol
144. Tuan Shim Paw Fatt
145. Dr. James Dawos Mamit
146. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman
147. Datuk aji. Abdul Wahab Haji Dolah
148. Datuk Haji. Mohd. Said bin Haji Yusof
149. Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat
150. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob
151. Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
152. Ir. Shaari bin Hassan
153. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail
154. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin

155. Datuk Rosli bin Mat Hassan
156. Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin
157. Datuk Abdul Ghapur bin Salleh
158. Tuan Teng Boon Soon
159. Puan Tan Ah Eng
160. Ir. Hasni bin Haji Mohammad
161. Datuk Haji Hasan bin Malek
162. Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman
163. Dr. Rozaidah binti Talib
164. Tuan Razali bin Ibrahim
165. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep
166. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat
167. Tuan Bernard S. Maraat @ Ben
168. Tuan Raimi Unggi
169. Tuan Mohamad Shahrum bin Osman
170. Ir. Dr. Wee Ka Siong
171. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy
172. Tuan Huan Cheng Guan
173. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim
174. Cik Tan Lian Hoe
175. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin
176. Tuan Donald Peter Mojuntin
177. Tuan Lau Yeng Peng
178. Tuan Markiman bin Kobiran
179. Tuan Baharum bin Mohamed
180. Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad
181. Dato' Ghazali bin Ibrahim
182. Tuan Nasaruddin bin Hashim
183. Datuk Dr. Rahman bin Ismail
184. Tuan Haji Idris bin Haji Haron
185. Tuan Wong Nai Chee
186. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad
187. Ir. Edmund Chong Ket Wah
188. Ir. Haji Hamim bin Samuri
189. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Tuan Lim Kit Siang
2. Dr. Tan Seng Giaw
3. Puan Chong Eng
4. Dato' Kamaruddin Jaffar
5. Tuan M. Kula Segaran
6. Dato' Haji Abdul Halim Abdul Rahman
7. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
8. Tuan Tan Kok Wai
9. Tuan Fong Kui Lun
10. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron
11. Tuan Salahuddin bin Ayub
12. Puan Teresa Kok Suh Sim
13. Dr. Mohd. Hayati bin Othman
14. Cik Fong Po Kuan
15. Tuan Lim Hock Seng
16. Tuan Chong Chieng Jen
17. Tuan Chow Kon Yeow

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 5 -

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tumpat.

6.54 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada pindaan Perlembagaan ini, fasal kedua berkenaan dengan perlanjutan umur bersara wajib bagi para peguam daripada 65 kepada 66 tahun.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita maklum hakim-hakim adalah orang-orang yang dihormati oleh masyarakat dan apabila memberikan perkhidmatan yang baik dan kali ini kita telah pada peringkat dasarnya bersetuju untuk menambah khidmat mereka kepada umur 66 tahun. Jadi, harapan kita adalah selepas mereka bersara, mereka akan terus memberikan khidmat dalam bentuk-bentuk yang lain untuk kepentingan dan kebajikan masyarakat.

Tetapi akhir-akhir ini kita ada satu contoh dalam kes Ketua Hakim Negara yang bersara, beliau dalam masa hanya beberapa bulan sahaja mengisytiharkan diri beliau sebagai berkhidmat dengan sebuah syarikat guaman swasta. Ini kita semua tahu, menimbulkan perasaan di kalangan masyarakat, di kalangan golongan profesional yang tidak begitu senang dengan sebegini mudahnya seorang Ketua Hakim Negara selepas bersara hanya beberapa bulan sahaja mengumumkan bahawa beliau sekarang ini berkhidmat dengan syarikat guaman, Skrine & Co., misalnya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada amalan ini akan dibenarkan untuk berterusan ataupun kementerian bercadang untuk mengadakan satu garis panduan, kalau bagi hakim-hakim yang sedang berkhidmat ada kod etikanya, bagi hakim-hakim yang bersara perlu atau tidak kepada satu kod etika supaya khidmat mereka di luar perkhidmatan rasmi nanti berbentuk seperti pengerusi-pengerusi suruhanjaya dan sebagainya tetapi tidak dalam bentuk perniagaan, terutama sekali dalam bidang yang sama yang beliau memegang jawatan sebelum daripada itu. Itu sahaja soalan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

6.59. ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu mengenai pindaan Perkara 122 juga. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah situasi di mana hakim-hakim telah bersara pada umur 65 tahun sekarang dan sedang mendapat *extension* enam bulan, adakah ia dengan pindaan ini merangkumi atau mereka akan mendapat *benefit* tersebut. Ini adalah satu perkara yang sedang hangat dibincangkan di antara peguam-peguam di negara ini.

Tuan Pengerusi: *Benefit* apa itu?

Tuan M. Kula Segaran: *Benefits* selepas bersara sekarang. Ada beberapa hakim di negara ini telah mendapat *extension* enam bulan. Adakah mereka dikatakan telah bersara dan selepas rang undang-undang ini diluluskan, mereka tidak mendapat masa lanjutan satu tahun.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan M. Kula Segaran: Itu adalah nombor satu. Nombor dua, adalah saya juga bersetuju dengan pandangan kawan saya Yang Berhormat bagi Tumpat dimana satu Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar, selepas beliau bersara, tiba-tiba telah menjadi seorang *corporate leader*. Ramai di antara peguam-peguam yang mengatakan bahawa ada kemungkinan besar semasa beliau menjadi hakim, adakah ia mempunyai hubungan dengan beberapa syarikat-syarikat perniagaan. Adakah ini suatu amalan yang boleh

Seorang Ahli: *Standing Order*.

Tuan M. Kula Segaran:diterima pakai di negara ini. Saya harap satu rasional ada dalam situasi ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

7.01 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Pengerusi, jawapan yang dibangkitkan oleh kedua-dua orang Yang Berhormat tadi separuh daripadanya tidak ada berkaitan dengan pindaan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa memang tidak ada peraturan untuk menyekat hakim-hakim yang telah bersara untuk menjalankan usaha mereka untuk bekerja dan seterusnya. Hakim-hakim yang disebutkan tadi juga termasuklah hakim-hakim seperti Tun Salleh Abas. Semua itu menjalankan usaha untuk mencari tambahan untuk kehidupan mereka.

Jadi buat sementara waktu kita tidak ada peraturan untuk menahan mereka membuat apa-apa sahaja. Kita serahkan kepada kebijaksanaan mereka. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi berkenaan dengan pindaan ini mengenai adakah ia akan memberi manfaat kepada beberapa orang hakim yang sekarang ini dalam *Extension period* mereka. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa terdapat lima orang hakim yang terlibat, jika pindaan ini diluluskan dan mereka akan menerima manfaat ini daripada tarikh mereka hendak bersara nanti. Sekian.

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang Menyokong?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang dan oleh sebab mengikut Peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang 2/3 dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu Belah Bahagian diadakan sekarang.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, undian dijalankan sekarang.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berikut adalah keputusan undian dalam belah bahagian. Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 189. *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak bersetuju berjumlah 17. Maka lebih 2/3 undi majoriti yang bersetuju. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU:

1. Datuk Lim Si Cheng,
2. Datuk Dr. Yusof bin Yacob,
3. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,

4. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
5. Dato' Seri Ong Ka Ting,
6. Dato' Seri S. Samy Vellu,
7. Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik
8. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
9. Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz,
10. Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
11. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin,
12. Dato Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir,
13. Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn,
14. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz,
15. Dato' Azmi bin Khalid,
16. Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein,
17. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim
18. Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil,
19. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis
20. Dato' Sri Chan Kong Choy,
21. Dato' Haji Noh Haji Omar
22. Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad
23. Datuk Dr. Leo Michael Datuk Dr. Leo Micheal Toyad
24. Datuk Peter Chin Fah Kui,
25. Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal,
26. Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh
27. Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin
28. Dato' Mohamed Khaled bin Nordin
29. Dato' Mustapa bin Mohamed
30. Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad
31. Dato' Sri Adenan bin Satem
32. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili
33. Datuk Dr. Chua Soi Lek
34. Datuk Azalina binti Othman Said
35. Dato' Seri Kerk Choo Ting
36. Dato' G. Palanivel
37. Datuk Ong Tee Keat
38. Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar
39. Dato' Zainal Abidin bin Zin
40. Dato' Fu Ah Kiow
41. Datuk Zainudin bin Maidin
42. Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar
43. Datuk Anifah bin Haji Aman
44. Datuk Dr. Tiki anak Lafe
45. Dato' Dr. Ng Yen Yen
46. Tuan Chia Kwang Chye
47. Dato' S. G. Sothinathan
48. Datuk Douglas Uggah Embas
49. Datuk Tan Chai Ho
50. Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad
51. Dato' Hon Choon Kim
52. Datuk M. Kayveas
53. Dato' Donald Lim Siang Chai
54. Dato' S. Veerasingam,
55. Dato' Wong Kam Hoong,
56. Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah
57. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi,
58. Datuk Robert Lau Hoi Chew
59. Dato' Joseph Salang Gandum
60. Dato' Kong Cho Ha
61. Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed
62. Dato' Zulhasnan bin Rafique
63. Dato' Shaziman bin Abu Mansor
64. Dato' Mah Siew Keong
65. Datuk Azizah binti Mohd. Dun
66. Datuk Abdul Rahman bin Bakar
67. Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin
68. Tuan Joseph Entulu anak Belaun

69. Dato' Mohd Johari bin Baharum
70. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya
71. Datuk Wira Abu Seman Yusop
72. Dr S. Subramaniam
73. Dato' Yong Khoon Seng
74. Dato' Zainal Abidin bin Osman
75. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew
76. Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim
77. Puan Noriah binti Kasnon
78. Puan Komala Devi
79. Puan Chew Mei Fun
80. Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim
81. Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani
82. Tuan Yew Teong Look
83. Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat
84. Tuan Hoo Seong Chang
85. Datuk Dr. Adham bin Baba
86. Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman
87. Tuan Sazmi bin Miah
88. Tuan Lee Kah Choon
89. Tuan Sa. Vigneswaran
90. Tuan Ahmad Shabery Cheek
91. Tuan Hashim bin Jahaya
92. Dato' Razali Ismail
93. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said
94. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
95. Tuan Mohd. Yusop bin Majid
96. Tengku Razaleigh Hamzah
97. Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud
98. Dato' Chua Jui Meng
99. Datu Seri Joseph Pairin Kitingan
100. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh
101. Dato' Loke Yuen Yow
102. Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor
103. Dato' Abu Bakar bin Taib
104. Dato' Dr. Tan Kee Kwong
105. Dato' Chor Chee Heung
106. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan
107. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin
108. Tuan Syed Hoo Syed Edros
109. Dato' seri Law Hieng Ding
110. Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman
111. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal
112. Puan Lim Bee Kau
113. Dato' Yap Pian Hon
114. Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
115. Dato' Shahrir Abdul Samad
116. Dato' Jacob Dungau Sagan
117. Tuan Jimmy Donald
118. Tan Sri Dato' Hew See Tong
119. Tuan Jawah anak Gerang
120. Tuan Richard Riot anak Jaem
121. Tuan Billy Abit Joo,
122. Tuan Tiong Thai King
123. Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh
124. Datuk Dr. Yee Moh Chai
125. Dato' Liong Tiong Lai
126. Datuk Ronald Kiandee
127. Dato' Seri Tiong King Sing
128. Tuan Alexander Nanta Linggi
129. Tan Sri Dato' K.S. Nijhar
130. Dato' Goh Siow Huat
131. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz
132. Datuk Bung Moktar bin Radin
133. Dato' Raja Ahmad Zainudin Raja Omar

134. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh
135. Tuan Eric Enchin Majimbun
136. Datuk Abdul Rahim bin Bakri
137. Tuan Aaron Ago Dagang
138. Tuan Jelaing anak Mersat
139. Tuan Haji Fadillah bin Yusof
140. Tuan Loh Seng Kok
141. Tuan Wilfred Madius Tangau
142. Tuan Henry Sum Agong
143. Datuk Juslie Ajirol
144. Tuan Shim Paw Fatt
145. Dr. James Dawos Mamit
146. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman
147. Datuk aji. Abdul Wahab Haji Dolah
148. Datuk Haji. Mohd. Said bin Haji Yusof
149. Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat
150. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob
151. Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
152. Ir. Shaari bin Hassan
153. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail
154. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin
155. Datuk Rosli bin Mat Hassan
156. Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin
157. Datuk Abdul Ghapur bin Salleh
158. Tuan Teng Boon Soon
159. Puan Tan Ah Eng
160. Ir. Hasni bin Haji Mohammad
161. Datuk Haji Hasan bin Malek
162. Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman
163. Dr. Rozaidah binti Talib
164. Tuan Razali bin Ibrahim
165. Tuan Mohd. Daud bin Tarihep
166. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat
167. Tuan Bernard S. Maraat @ Ben
168. Tuan Raimi Unggi
169. Tuan Mohamad Shahrum bin Osman
170. Ir. Dr. Wee Ka Siong
171. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy
172. Tuan Huan Cheng Guan
173. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim
174. Cik Tan Lian Hoe
175. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin
176. Tuan Donald Peter Mojuntin
177. Tuan Lau Yeng Peng
178. Tuan Markiman bin Kobiran
179. Tuan Baharum bin Mohamed
180. Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad
181. Dato' Ghazali bin Ibrahim
182. Tuan Nasaruddin bin Hashim
183. Datuk Dr. Rahman bin Ismail
184. Tuan Haji Idris bin Haji Haron
185. Tuan Wong Nai Chee
186. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad
187. Ir. Edmund Chong Ket Wah
188. Ir. Haji Hamim bin Samuri
189. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Tuan Lim Kit Siang
2. Dr. Tan Seng Giaw
3. Puan Chong Eng
4. Dato' Kamaruddin Jaffar
5. Tuan M. Kula Segaran

6. Dato' Haji Abdul Halim Abdul Rahman
7. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
8. Tuan Tan Kok Wai
9. Tuan Fong Kui Lun
10. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron
11. Tuan Salahuddin bin Ayub
12. Puan Teresa Kok Suh Sim
13. Dr. Mohd. Hayati bin Othman
14. Cik Fong Po Kuan
15. Tuan Lim Hock Seng
16. Tuan Chong Chieng Jen
17. Tuan Chow Kon Yeow

Rang Undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas kerjasama yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua pihak bagi menyempurnakan perjalanan atau prosiding Mesyuarat kita selama dua hari ini. Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Haji kepada yang beragama Islam dan juga Selamat Tahun Baru Cina.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat pulang ke kawasan dengan sempurna dan selamatnya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditentukan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.11 malam.